



# LAPORAN TAHUNAN

2015

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
Jabatan Perdana Menteri

## KANDUNGAN

	Halaman
Perutusan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom(B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri	2
Perutusan Y.A.A. Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM	3
Maklumat Korporat JKSM	4 - 10
Laporan Aktiviti Bahagian-bahagian JKSM	
Bahagian Pentadbiran dan Khidmat Sumber Manusia (BPKSM)	11 - 40
Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (BPKR)	41 - 72
Bahagian Latihan (BL)	73 - 102
Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP)	103 - 118
Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)	120 - 150
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)	151 - 162
Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP)	163 - 168
Unit Integriti	169 - 174
Unit Khidmat Korporat	175 - 178
Puspanita	179 - 184



# SYARIAH ASAS KEADILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan syabas kepada seluruh warga jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) atas kesungguhan melaksanakan agenda 2015 sebagaimana dimanifestasikan dalam Laporan Tahunan JKSM 2015. Tahun 2015 menyaksikan JKSM berjaya melaksanakan segala program yang telah dirancang dan mengorak langkah menjayakan misi dan visi pengurusan kes rayuan syariah serta aktiviti lain yang melibatkan core business JKSM sejajar dengan keputusan Kerajaan yang menjadikan JKSM sebagai core centre bagi pengurusan institusi Mahkamah Syariah di negara Malaysia..

Hasrat saya agar JKSM dapat terus mengemudi segala aktiviti pengurusan kes rayuan syariah dan juga aktiviti lain membuka penyertaan kursus kepada pihak swasta juga telah mula dilaksanakan bagi tujuan perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman.

Namun begitu JKSM tidak boleh leka dengan pencapaian semasa. Seajar dengan kehendak dunia moden yang serba pantas dan sarat dengan pelbagai isu global, ia menuntut JKSM merancang aktiviti berterusan kepada warga kerja JKSM dan JKSN bagi melahirkan perkhidmatan yang adil, cekap, berkesan dan memberi nilai tambah kepada sistem perundangan syariah Negara. Dalam konteks ini, JKSM perlu melihat kepada keperluan untuk menjalankan segala program agar segala perancangan dapat dijayakan.

Akhir sekali saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar kita semua disatukan hati dan dikuatkan semangat untuk terus berusaha memikul amanah dan tanggungjawab sebaik mungkin pada masa mendatang.

*Sekian, Wabillahi Taufiq wal Hidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian terima kasih*

“MEMBANGUNG BERSAMA ISLAM”

**Mejar Jen. Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**





Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan rahmat Nya jua Laporan Tahunan JKSM 2015 telah berjaya diterbitkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada sidang Redaksi kerana telah sudi menjemput saya untuk menyampaikan perutusan di dalam laporan ini.

Tahun 2014 JKSM telah membuktikan kesungguhannya apabila berjaya mengekalkan momentum kejayaan mengekalkan KPI YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta KPI YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dengan rekod cemerlang. Melalui langkah pembetulan serta sentiasa peka kepada teguran-teguran audit tidak kira audit dalam atau pihak audit luar, ternyata JKSM mampu menjalankan fungsi dengan baik dan cemerlang.

Saya percaya kejayaan ini merupakan hasil daripada komitmen semua wargakerja JKSM yang semakin ramai dan mampu mengorak langkah ke hadapan dengan lebih yakin dan konsisten. Dalam pada itu, kerjasama semua pihak lain terutama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri memudahkan lagi tindakan yang diusahakan oleh JKSM mengikut perancangan strategik yang berkesan.

Saya berharap semoga JKSM akan terus memainkan peranan penting dalam usaha-usaha memperkasakan institusi kehakiman syariah di negara ini. Harapan menggunung ini tentunya memerlukan sumber tenaga manusia yang berkolehan serta berdisiplin tinggi. Saya percaya JKSM akan berupaya memperolehi pelbagai kejayaan pada masa-masa akan datang. Insyallah.

Sekian Wassallam. Terima kasih

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

**YAA TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT**  
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

# MAKLUMAT KORPORAT





# **HALA TUJU STRATEGIK**

## **VISI**

Memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara.

## **MISI**

Meningkatkan kecekapan dan keseragaman dalam sistem pentadbiran kehakiman Syariah di seluruh Malaysia

## **DASAR KUALITI**

JKSM komited menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme



# FUNGSI JKSM

1. Mengendalikan kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia;
2. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri-negeri;
3. Menyelaraskan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di negeri-negeri;
4. Mengawal dan menilai program dan aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menerima pakai skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan;
5. Membina dan menyelaraskan kaedah-kaedah dan Arahan Amalan serta peraturan kepada semua pegawai syariah di JKSM, negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
6. Membangun, menyelaras dan mentadbir penggunaan sistem maklumat elektronik di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
7. Menguruskan pembangunan dan keperluan modal insan di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
8. Membangunkan Pusat Sumber Maklumat dan penerbitan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah bagi menyediakan bahan-bahan rujukan ilmiah kepada pegawai syariah di seluruh Malaysia dan orang awam;
9. Melaksanakan penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah sesuai dengan perkembangan semasa;
10. Mengawal selia perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah melalui tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah;
11. Menyalurkan pendahuluan nafkah kepada pelanggan yang layak sementara tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah diselesaikan di Mahkamah Syariah;
12. Menyediakan perkhidmatan BSK Transit kepada pelanggan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

# OBJEKTIF

1. Menguruskan kes-kes rayuan Mahkamah Syariah di Malaysia;
2. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
3. Membantu sistem perundangan Islam dan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di Negeri-negeri;
4. Mengurus hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia semua pegawai Syariah JKSM, Negeri-negeri perkhidmatan Guna Sama Pegawai Syariah dan lain-lain agensi berkaitan;
5. Mengawal dan menilai program / aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang menerima pakai Perkhidmatan Guna Sama Pegawai Syariah Persekutuan;
6. Mentadbir dan membantu Kaedah-kaedah dan Arahan Amalan serta peraturan-peraturan kepada pegawai Syariah di JKSM, Negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
7. Membangun, membantu dan mentadbir penggunaan sistem maklumat elektronik di JKSM, Negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
8. Mengurus pembangunan dan keperluan modal insan di JKSM, Negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
9. Membangun pusat sumber maklumat dan rekod berkaitan sistem perundangan dan kehakiman Syariah bagi menyediakan bahan-bahan rujukan ilmiah kepada para pegawai Syariah di seluruh negara dan orang awam;
10. Melaksana penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman Syariah sesuai dengan perkembangan semasa; dan
11. Menjadi pemegang amanah dana kewangan bagi tujuan menyalurkan bantuan sara hidup kepada keluarga yang menghadapi masalah tuntutan nafkah atas perintah Mahkamah Syariah.

# PIAGAM PELANGGAN

Memastikan 80 peratus kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan selepas didaftarkan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia;

Memastikan pembinaan Arahan Amalan dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh persetujuan Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan;

Memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus Pegawai Syariah menghadiri 3 kursus teras dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pelantikan;

Memastikan peperiksaan perkhidmatan di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah untuk tujuan pengesahan jawatan dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun;

Memastikan bil/tuntutan yang lengkap, dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan oleh Unit Kewangan;

Memastikan wang pendahuluan dana Sokongan Keluarga dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh kelulusan Jawatankuasa Amanah Sokongan Keluarga;

Memastikan maklum balas terhadap aduan berkaitan aplikasi sistem dan peralatan ICT diberikan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh aduan;

Memastikan kajian/penyelidikan jangka pendek diselesaikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh arahan dikeluarkan;

Memastikan maklum balas awal terhadap pertanyaan dan aduan pelanggan disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja; dan

Memastikan Jurnal Hukum diterbitkan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

## SEJARAH PEJABAT JKSM



Pada awal penubuhan 1998, pejabat JKSM terletak di Aras 3, Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur yang merupakan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.


Pada tarhun 1999, pejabat JKSM berpindah ke lokasi Aras 3, Blok Perpustakaan Awam Islam JAKIM, Jalan Perdana, Kuala Lumpur



Lokasi JKSM seterusnya berpindah ke Aras 6, Rumah Persekutuan, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur.



Kemudian pada 10 Julai 2001, ibu pejabat JKSM telah ditempatkan di Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya sehingga sekarang.



AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN PENTADBIRAN  
DAN KHIDMAT SUMBER MANUSIA  
(BPKSM)**

LAPORAN TAHUNAN 2015  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

1. PENGENALAN

i. FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) bertanggungjawab memberi khidmat sokongan dalam hal-hal seperti pengurusan perkhidmatan, perjawatan, peperiksaan, kewangan, pembangunan, inovasi dan pengurusan kualiti, pengurusan aset, keselamatan pejabat dan pentadbiran am kepada Jabatan dalam mencapai visi, misi dan objektif Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

- a. Mengurus sumber manusia, inovasi, pengurusan kualiti, keselamatan pejabat dan pentadbiran am Jabatan;
- b. Penyediaan anggaran belanjawan dan mengadakan kawalan perbelanjaan Jabatan;
- c. Menguruskan urusan perolehan, pengurusan aset dan stor;
- d. Mengurus pelaksanaan projek pembangunan di bawah JKSM dan kawalan peruntukan pembangunan;
- e. Mengendalikan urusan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan pengisytiharaan harta; dan
- f. Mengendalikan urusan peperiksaan Jabatan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

ii. FUNGSI SEKSYEN

**a. Seksyen Kewangan dan Pembangunan**

Menyediakan sumber kewangan yang mencukupi, menguruskan kewangan perbelanjaan dan menyelaras pelaksanaan projek pembangunan JKSM dengan cekap dan berkesan. Fungsi dan peranan Seksyen Kewangan dan Pembangunan adalah bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

i. Unit Kewangan

Merancang, mengurus, memantau dan mengawal peruntukan Jabatan dengan teratur mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

ii. Unit Pembangunan

Unit ini bertanggungjawab merancang, mengurus, menyelia, memantau dan memastikan semua perkara berkaitan pengurusan projek-projek pembangunan di bawah JKSM.

## **b. Seksyen Inovasi, Aset dan Pentadbiran Am**

Menyediakan perkhidmatan sokongan, kemudahan logistik dan pengawalan keselamatan pejabat yang cekap, pantas dan teratur kepada semua bahagian. Terdapat tiga (3) unit di bawah seksyen ini iaitu:

### **i. Unit Inovasi (pertambahan fungsi)**

Selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membudayakan inovasi dalam perkhidmatan awam, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mewujudkan Unit Inovasi di bahagian ini.

### **ii. Unit Pengurusan Aset dan Stor**

Unit ini berperanan untuk merancang, mengurus dan memantau kesemua hal yang berkaitan dengan pengurusan aset dan stor Jabatan yang meliputi pembelian, penerimaan, pendaftaran, pelabelan, pengagihan peralatan kepada warga JKSM, peminjaman, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, hapus kira dan kehilangan aset dan stor Jabatan serta Kod Lokasi SPATA untuk bangunan yang berpindah;

### **iii. Unit Pentadbiran Am**

Unit ini bertanggungjawab menguruskan semua perkara berkaitan pentadbiran Jabatan seperti menguruskan pendaftaran, penyelenggaraan dan pelupusan fail Jabatan, perolehan Kerajaan, logistik dan penyelenggaraan kenderaan Jabatan, mengawal selia keselamatan Jabatan, menyelaraskan urusan Parlimen, menyelia perkhidmatan kaunter khidmat pelanggan, menyelia kad perakam waktu kakitangan, menguruskan surat dan dokumen rasmi Jabatan serta bertindak sebagai urus setia kepada mesyuarat di peringkat Jabatan.

## **c. Seksyen Perkhidmatan dan Sumber Manusia**

Menguruskan hal-hal berkaitan perkhidmatan, pembangunan, prestasi dan keutuhan, pembangunan organisasi serta pengurusan sistem maklumat personel.

### **i. Unit Personel I**


Mengurus dan menyelia Lantikan, Persaraan, Cuti, KEW8, Pergerakan Gaji, Tanggung kerja, dan Buku Pekhidmatan. Merancang, mengurus, dan menyelia penggunaan aplikasi HRMIS Jabatan, memastikan maklumat HRMIS yang dikuatkuasakan sentiasa memenuhi ketetapan JPM dan JPA. Menguruskan contract for service (PSH & SPS) dan tuntutan elaun & kemudahan, ex-gratia, sara ubat.

### **ii. Unit Personel II**

Merancang penempatan, pertukaran, pinjaman dan mengurus sumber manusia dan struktur organisasi mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Mengkaji, merancang, dan membangunkan sumber manusia dan kemajuan kerjaya selaras dengan dasar Jabatan. Menguruskan Tapisan Keselamatan (KPKK) dan Tapisan keutuhan SPRM. Menjadi Urus setia Hadiah Latihan Persekutuan (Cuti bergaji penuh), merancang Pelan Strategik Sumber Manusia dan Pelan penggantian (Succession Planning). Menguruskan pemangkuan, kenaikan pangkat dan contract of service.

**CARTA ORGANISASI**  
**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**  
 (1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2015)

**CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**



maskini pada 31 Dis 2015



KEDUDUKAN PERJAWATAN DI JKSM DAN NEGERI-NEGERI YANG MENGGUNAPAKAI  
SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA YANG TELAH DILULUSKAN  
SERTA PENGISIAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN  
BAGI TAHUN 2015

Maklumat Perjawatan Dan Pengisian Jawatan

GRED JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KEKOSONGAN	PERATUS PENGISIAN
TURUS III	1	1	0	100
UTAMA B	6	5	1	83.33
UTAMA C	1	1	0	100
LS54	1	1	0	100
54 (TERBUKA)	1	0	1	0
M54	1	1	0	100
F52	1	1	0	100
M52	1	1	0	100
LS52	4	4	0	100
LS52 (KUP)	3	3	0	100
M48	3	3	0	100
F48	2	2	0	100
LS48	14	14	0	100
M44	1	1	0	100
F44	1	1	0	100
LS44	30	30	0	100
S44	2	2	0	100
M41/Kontrak	2	2	0	100
F41	21	19	2	90.48
LS41	25	24	1	96
J41/J44	1	1	0	100
N17-N36	10	10	0	100
W32	1	1	0	100
LS32	3	3	0	100
JA29	1	1	0	100
F29	19	18	1	94.74
W27	2	2	0	100

GRED JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KEKOSONGAN	PERATUS PENGISIAN
N27	3	3	0	100
S27	3	3	0	100
LS27	51	48	3	94.12
W22	1	1	0	100
N22	4	4	0	100
W17	17	17	0	100
FT17	31	31	0	100
LS17	52	52	0	100
N17	28	26	2	92.90
S17	3	2	1	66.67
N11	3	3	0	100
H11	8	8	0	100
R3	1	1	0	100
N1	5	5	0	100
<b>JUMLAH</b>	<b>368</b>	<b>356</b>	<b>12</b>	

Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	ISI	KEKOSONGAN	PERATUS PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi (Gred Utama C – Turus III)	8	7	1	87.50
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 54)	114	110	4	96.49
Sokongan (Gred 1 – 40)	246	239	7	97.15
<b>JUMLAH</b>	<b>368</b>	<b>356</b>	<b>12</b>	

# LAPORAN PERGERAKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JKSM TAHUN 2014 - 2015

## Senarai Pelantikan Baru Pegawai Dan Kakitangan

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK
1	Ahmad Noor bin Abu Bakar	Pen.Pegawai Syariah Gred LS27	24.03.2014
2	Mohd Khairi bin Ahmad	Pembantu Syariah Gred LS17	24.03.2014
3	Azmee bin Hj. Hussin	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
4	Roslina binti Sulaiman	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
5	Anith Nadirah binti Abu Bakar	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
6	Wan Nurulddin bin Wan Hussain	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
7	Mohd Syafiq bin Ibrahim	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
8	Muhammad Fadlan bin Othman	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
9	Muhammad Amir Firdaus bin Sidin	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
10	Tuan Mohd Nasir bin Tuan Mat	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
11	Abdul Basit bin Hodari	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
12	Ahmad Faizal bin Hj Tahiron	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
13	Abdul Fattah bin Kamarudin	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
14	Ali Najmi bin Mohd Noordin	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
15	Mohd Hafiz bin Mohd Lazim	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
16	Abdul Wafi bin Ramli	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
17	Mohammad Hafiz bin Ahmad Shari	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
18.	Salmizan binti Mohamed @ Jamaludin	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
19	Mohammad Arsyad Masnshur	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
20	Nooradzlina binti Abd Manan	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
21	Radzwan bin Abdullah	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
22	Nik Suhaimi bin Nik Saberi	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
23	Mohd Ihsan bin Mohamad Daud	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
24	Wan Khairin Nissa binti Wan Azizan	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
25	Mohd Tarmizi bin Jaafar	Pegawai Syariah Gred LS41	29.05.2014
26	Muhammad Mujahid bin Ahmad	Pegawai Syariah Gred LS41	18.06.2014
27	Mohd Muzzammil bin Aziz	Pegawai Syariah Gred LS41	18.06.2014
28	Mohd Hashmiejan Bin Hussuein	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
29	Syahira Alimi Binti Mat Ali	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
30	Norfadzillah Binti Rosli	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK
31	Mohd Lutfi Bin Ahmad Khuzaini	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
32	Mohd Zulhanan Bin Ahmad @ Zahid	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
33	Muhammad Mustaqim Bin Darus	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
34	Harjat Bin Rak	Pegawai Syariah Gred LS41	17.09.2014
35	Mohamad Jafri Bin Zainal Abidin	Pen.Pegawai Syariah Gred LS27	17.09.2014
36	Mohd Fauzi Bin Hosni	Pen. Pegawai Syariah Gred LS27	17.09.2014
37	Hafizzuddin Bin Mior Ahmad Zanidi	Pembantu Syariah Gred LS17	01.10.2014
38	Ridhwan bin Zainudin	Pen. Pegawai Arkib Gred S27	03.11.2014
39	Mohd Fariq Azaimi Bin Apandi	Pegawai Syariah Gred LS41	10.11.2014
40	Nik Soh Bin Nik Ahmad	Pegawai Syariah Gred LS41	10.11.2014
41	Mohd Azuhan bin Ismail	Pembantu Syariah Gred LS17	01.04.2015
42	Noor Farhana binti Mohd Noor	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	16.12.2015

### SENARAI PERTUKARAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA 2015

#### Pertukaran Masuk

BIL	GRED JAWATAN	JUMLAH
1	JUSA B KONTRAK	1
2	LS 52	1
3	LS48	6
4	LS44	5
5	LS32	1
6	F48	2
7	M48	1
8	F44	1
9	F41	3
10	S27	1

#### Pertukaran Keluar

BIL	GRED JAWATAN	JUMLAH
1	LS48	4
2	LS44	6
3	F48	2
4	M48	1
5	F41	6
6	M41	1
7	F44	1
8	F29	8
9	S17	1
10	FT17	2

11	N27 (SP)	1
12	F29	5
13	FT17	1
14	N28	1
15	N17	3
16	H11	1
JUMLAH		34

11	N17	4
12	N27 (SP)	1
JUMLAH		37

SENARAI PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
Senarai Pemangkuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2015

BIL.	GRED JAWATAN	JUMLAH	TARIKH PEMANGKUAN
1	LS 48	4	02.01.2015
2	M48	1	20.08.2015
3	LS 44	9	02.01.2015
4	M44	1	01.11.2015
5	F44	7	16.03.2015 & 01.11.2015
6	S44	1	20.08.2015
7	LS 32	2	02.01.2015
8	F32	8	06.04.2015 & 21.09.2015
9	LS22	3	02.01.2015

### Senarai Kenaikan Pangkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2015

BIL.	GRED JAWATAN	JUMLAH	TARIKH NAIK PANGKAT
1	JUSA B	1	17.11.2015
2	LS54	2	01.07.2015
3	F52	1	17.11.2015
4	F48	1	08.12.2015
5	M44	1	30.06.2015
6	F44	1	17.11.2015
7	LS32	2	02.01.2015
8	LS22	2	02.01.2015
9	N14	1	11.06.2015
10	N4/N11	5	28.09.2015
11	R6	1	03.06.2015

### Senarai Pegawai Mengikuti Hadiah Latihan Persekutuan Sesi 2015

BIL	NAMA PEGAWAI	GRED JAWATAN	PERINGKAT
1	Azmi bin Ibrahim	LS48	Sarjana
2	Mohd Amir bin Haji Ariffin	LS44	Sarjana
3	Mohd Abu Hassan bin Abdullah	LS44	Sarjana
4	Zainal Abidin bin Kusmin	LS44	Ph.D
5	Zulnaidy bin Zulkifly	M52	Sarjana

### Laporan Persaraan Pegawai Dan Kakitangan Tahun 2015

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1	Datuk Aidi bin Moktar	Hakim Rayuan JUSA B	11.04.2015 (Bersara Wajib)
2	Encik Sukarno bin Osman	Setiausaha Pejabat N36	27.04.2015
3	Puan Hayati binti Ibrahim	Ketua Pembantu Tadbir N22	03.05.2015

## LAPORAN AKTIVITI DI BKPSM

### i. Seksyen Kewangan & Pembangunan

#### Unit Kewangan

##### a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Bil Mesyuarat:

Empat (4) kali setahun.

Isu Berbangkit:

Pembentangan laporan perbelanjaan mengurus dan prestasi perbelanjaan di JKSM dan JKSN Sabah.

Resolusi:

Bergantung kepada prestasi perbelanjaan sesuatu Jabatan, dimana Jabatan berusaha untuk meningkatkan peratus perbelanjaan ke tahap yang maksimum sebelum tahun kewangan berakhir.

Tindakan dan Hasil:

Semua bahagian yang terlibat dalam mesyuarat JPKA akan bertanggungjawab bagi setiap laporan yang dibentangkan adalah tepat dan mencapai tahap prestasi yang memuaskan.

Mesyuarat ini diadakan bagi tujuan pemantauan tadbir urus bagi mengenalpasti, menangani serta mengurangkan isu pengurusan kewangan dan akaun termasuk Pengurusan Bajet, Pengurusan Perakaunan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor serta Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan oleh Badan-badan Berkanun. Laporan JPKA yang disediakan oleh Kementerian, Jabatan Persekutuan di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri, dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan dianalisa oleh Perbendaharaan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

##### b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC)

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berjaya dilaksanakan bagi setiap suku tahunan selaras dengan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 Bajet Berasaskan Outcome. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie dan dianggotai oleh Ketua Pendaftar, Pengarah-Pengarah Kanan serta semua Pengarah Bahagian JKSM.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membangunkan pelan tindakan bagi pelaksanaan aktiviti dengan matlamat mencapai sasaran outcome berdasarkan hala tuju yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) dan Jawatankuasa Pelaksanaan OBB Kementerian (MOIC). Mesyuarat ini juga bertanggungjawab menyelia bajet Aktiviti dan memantau Aktiviti berdasarkan KPI dan sasaran prestasi serta melaporkan prestasi pada setiap suku tahunan kepada PPMC bagi cluster Pengurusan Kehakiman yang diketuai oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).

c. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Sistem ePerolehan

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Sistem ePerolehan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dalam tahun 2015 selaras dengan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan PK 5/2013 Perolehan Secara Elektronik. Mesyuarat bagi sesi 2015 telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie dan dianggotai oleh ahli jawatankuasa yang dilantik merangkumi Ketua Pendaftar, Pengarah Kanan (Pengurusan), wakil pasukan projek eP, Pengarah Bahagian serta pegawai dan kakitangan jabatan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan perolehan secara elektronik di JKSM.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memastikan semua PTJ di bawah Jabatan berstatus eP enabled dan bertransaksi melalui sistem eP selaras dengan kehendak pekeliing di mana semua PTJ berstatus eP enabled hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan perunding) dilaksanakan melalui sistem eP. Mesyuarat ini juga bertanggungjawab membantu menyelaras keperluan latihan eP di peringkat Jabatan yang akan diselia oleh Pasukan Petugas Kementerian selain mengenal pasti sebarang isu pelaksanaan eP di peringkat Jabatan yang tidak dapat diselesaikan untuk dibawa ke Pasukan Petugas Kementerian.

d. Pengiktirafan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

Pelaksanaan Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti merupakan satu sistem penarafan yang dibangunkan oleh Jabatan Audit Negara untuk menilai sama ada pengurusan kewangan disesuatu jabatan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Skop pengauditan ini meliputi 8 elemen kawalan utama iaitu Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perolehan, Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pengauditan ini telah dijalankan bermula pada 12 Januari hingga 18 Februari 2015 melibatkan lima (5) Bahagian di JKSM iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia; Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi; Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan; Bahagian Latihan dan Bahagian Sokongan Keluarga.

Hasil pengauditan tersebut telah melayakkan JKSM untuk menerima pengiktirafan 4 Bintang yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada YAA Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 2 Disember 2015 dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2014 bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan yang telah diadakan di Dewan Taklimat ICU, Jabatan Perdana Menteri.



## Unit Pembangunan

### a. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTP)

Bil Mesyuarat: Dua (2) kali setahun

Isu Berbangkit:

Membincangkan status pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri bagi memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut tempoh masa dan peruntukan yang diluluskan.

Resolusi:

Kerjasama semua pihak iaitu JKSM, JKSN dan pihak JKR adlah diperlukan dalam memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Tindakan dan Hasil:

Melalui projek Mahkamah Syariah dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih sempurna kepada masyarakat. Pihak JKSN sama-sama membantu JKSM dan JKR dalam memantau pelaksanaan projek di tapak berdasarkan kapasitinya sebagai end user termasuk memberi input dan maklumat yang diperlukan oleh pihak JKR dari semasa ke semasa.

### ii. Seksyen Inovasi, Aset Dan Pentadbiran Am

## Unit Inovasi

### KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) TAHUN 2015

Tempat : Dewan D, MAEPS Serdang Selangor / Tarikh : 15 dan 16 Jun 2015 (Selasa)

Pertandingan ini disertai oleh 36 kumpulan yang mewakili Jabatan masing-masing di JPM. Konvensyen ini dirasmikan oleh Ybhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM. JKSM telah menghantar 2 (dua) penyertaan ke konvensyen KIK JPM Tahun 2015 iaitu Kumpulan Dinamik dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) dan Kumpulan J-Magnificent dari Bahagian Sokongan Keluarga bagi kategori pengurusan. Selain melibatkan persembahan kumpulan, Bahagian yang bertanding juga diadili dari segi pameran projek di tapak pameran.

Melalui emel dari urusetia KIK JPM Tahun 2015 bertarikh 19 Jun 2015 keputusan penuh Konvensyen KIK JPM 2015, kedua-dua kumpulan ini telah mendapat keputusan seperti berikut:-

Kumpulan Dinamik (BDP) – menduduki tempat ke 12

Kumpulan J-Magnificent (BSK) – menduduki tempat ke 23

## PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

### PERINGKAT JKSM TAHUN 2015

Tempat Auditorium Aras 5, Blok D8, Parcel D, Putrajaya

Tarikh 7 April 2015 (Selasa)

Pertandingan ini disertai oleh tujuh (7) kumpulan dari setiap Bahagian di JKSM dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM. Hakim yang dilantik untuk pertandingan ini adalah Encik Rosdi bin Osman dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang bertindak sebagai ketua juri dan dua (2) hakim lagi adalah Tuan Mohd Amran bin Mat Zain dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Pertandingan ini telah dimenangi di tempat pertama oleh Kumpulan Dinamik dari Bahagian Dasar Penyelidikan (BDP), tempat kedua oleh Kumpulan J-Magnificent dari Bahagian Sokongan Keluarga dan tempat ketiga Kumpulan The A Team dari Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM).



AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008 OLEH SIRIM QAS SDN. BHD.  
TAHUN 2015 DI JKSM

Tempa : Bilik Mesyuarat Utama (BMU, Aras 3 JKSM)  
Tarikh : 6 – 7 Julai 2015 (Isnin-Selasa)

Audit Pemantauan telah dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada 6 dan 7 Julai 2015. Audit kali ini diketuai oleh Puan Siti Rahmah binti Ahmad bersama-sama dengan Puan Aine Jamaliah binti Mohamad Zin.

PENILAIAN INDEKS PENARAFAN BINTANG (INDEKS SSR) TAHUN 2015

Tempat Bilik Mesyuarat Utama (BMU, Aras 3 JKSM)  
Tarikh 7 dan 8 September 2015 (Isnin - Selasa)

Penilaian indeks ini telah dilaksanakan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 7 dan 8 September 2015. Panel Penilai yang terlibat adalah seramai enam (6) orang pegawai dari pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Penilaian indeks SSR ini akan menumpukan kepada empat (4) bidang fokus iaitu Pematuhan, Kualiti, Transformasi dan Inovasi berasaskan tiga (3) kriteria iaitu Outcome-Based, Customer Centric dan Stakeholders' Aspiration.

Pada 4 April 2016, JKSM telah dianugerahkan 5 Bintang dalam Indeks Penarafan Bintang (SSR) bagi Tahun 2015 – 2016. Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks SSR Agensi Sektor Awam ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara di Dewan Taklimat ICU, Aras 1, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



## Unit Pengurusan Aset dan Stor

### a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)

Bil Mesyuarat: Empat (4) kali

Isu Berbangkit:

Berkaitan dengan pengurusan aset/stor yang melibatkan pemeriksaan aset di JKSM/JKSN/MSN seluruh Malaysia, Pelupusan aset di JKSM/JKSN/MSN seluruh Malaysia, kehilangan dan hapus kira aset, pelaksanaan SPA di JKSM/JKSN/MSN seluruh Malaysia dan kadar pusingan stok di JKSM dan JKSN Sabah.

Resolusi:

Semua isu perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan dengan pemantauan berterusan dari pihak Unit Pengurusan Aset Jabatan.

Tindakan dan Hasil:

Semua isu berjaya di atasi dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

## Unit Pentadbiran Am

### a. Mesyuarat Pengurusan JKSM

Bil Mesyuarat: 12 kali

Isu Berbangkit:

Pematuhan Arahan Kursus, Keselamatan Jabatan, Pengurusan Pembahagian Peruntukan Bahagian-bahagian, Hubungan Dua Hala Antara JKSM dan Agensi-agensi Kader Pegawai Syariah.

Resolusi:

Semua isu perlu mematuhi arahan semasa Kerajaan dengan pemantauan berterusan dari pihak Pengurusan Jabatan, Hubungan Baik Diteruskan Antara JKSM dan Agensi-agensi.

Tindakan dan Hasil:

Semua isu berjaya diatasi secara kerjasama dan mahabbah antara bahagian-bahagian dan agensi-agensi berkaitan.

b. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan

Bil Mesyuarat: Satu (1) kali

Isu Berbangkit:

Pematuhan Arahan Keselamatan Jabatan oleh Bahagian-bahagian.

Resolusi:

Semua bahagian dan individu perlu mematuhi arahan semasa Kerajaan dengan pemantauan berterusan dari Pengarah Bahagian masing-masing dan pihak Pengurusan Jabatan.

Tindakan dan Hasil:

Semua isu berjaya diatasi secara kerjasama dan mahabbah antara bahagian-bahagian dan individu.

iii. Seksyen Perkhidmatan Sumber Manusia

c. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia

Bil Mesyuarat: Satu (1) kali

Resolusi:

Memperaku dan meluluskan markah LNPT dan pencalonan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sijil Penghargaan JPM.

Hasil dan Kesan:

Keputusan tersebut memberi impak kepada pergerakan gaji tahunan dan peluang kemajuan kerjaya pegawai di masa hadapan.

d. Mesyuarat Panel Peperiksaan

Bil Mesyuarat: Dua (2) kali

Resolusi:

Meluluskan soalan yang digubal oleh Pengubal Soalan dan Memperaku dan meluluskan keputusan peperiksaan Jabatan.

Hasil dan Kesan:

Pencapaian keputusan peperiksaan memberi kesan kepada pengesahan perkhidmatan pegawai dan peluang kemajuan kerjaya pegawai di masa hadapan.

e. Mesyuarat Bersama Jabatan - Pihak Majikan (MBJ)

Bil Mesyuarat: Empat (4) kali

Isu Berbangkit:

Isu-isu berkaitan kebajikan dan hal ehwal pihak pekerja seperti Penggantian Peralatan Lama ICT, Insurans Khas Bagi Warga Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan, Elaun Khas Top-up Setiausaha Pejabat.

Resolusi:

Semua pada bidang kuasa Jabatan berjaya diselesaikan dan cadangan-cangan lain dipanjangkan kepada MBJ JPM untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan dan Hasil:

Semua isu berjaya diatasi secara kerjasama dan mahabbah antara bahagian-bahagian dan individu.

Laporan Prestasi Keuangan Jksm  
 Prestasi perbelanjaan belanja mengurus dan pembangunan  
 JKSM 2015

PERKARA	Peruntukan (RM)	2015 Perbelanjaan (RM)	PERATUS
Belanja Mengurus	40,365,086.29	40,363,901.00	99.99
Belanja Pembangunan	11,802,938.75	11,736,146.79	99.43
Jumlah	52,168,025.04	52,100,047.79	99.87

Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus JKSM 2015

PERKARA	Peruntukan (RM)	2015 Perbelanjaan (RM)	%
Dasar Sedia Ada	35,759,885.00	35,759,785.91	99.99
Program Khusus Emolumen Kakitangan Kontrak	1,152,569.29	1,152,474.24	99.99
Dasar Baru Emolumen Hakim Negeri- Negeri	2,968,531.00	2,968,530.71	99.99
Dasar One Off Aset dan Harta Modal	79,401.00	79,401.00	100
Dasar One Off Ganjaran Kontrak	404,700.00	403,709.14	99.99
JUMLAH	40,365,086.29	40,363,901.00	99.99

LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN JKSN/MSN DI SELURUH MALAYSIA

PRESTASI FIZIKAL DAN KEWANGAN  
KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI, JKSM  
SEHINGGA BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

NAMA PROJEK	KOS (RM)	PERBELANJAAN TERKINI (RM)	FIZIKAL			KEWANGAN			TARIKH SIAP	ISUMASALAH
			JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT/ AWAL (%)	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT/ AWAL (%)		
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG	36,450,000.00	26,501,846.25	100	99	-1.0	100	80.6	-19.4	30/4/2016	Kelewatan berpunca daripada prestasi kontraktor yang amat perlahan. JKSM dan pihak JKR sentiasa membuat pemantauan rapi terhadap prestasi pelaksanaan projek.
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PAHANG	37,500,000.00	2,138,630.43	8.0	8.0	0.0	10.26	10.26	0.00	31/12/2017	Kerja-kerja yang sedang dijalankan di tapak adalah kerja-kerja menanam cerucuk.
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH	63,000,000.00	95,074.25	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	19/10/2019	Permohonan Kebenaran Merancang (KIM) telah dikemukakan kepada pihak DBKK untuk kelulusan.



## KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

Gambar Kerja-kerja di Tapak Pembinaan Bangunan



## KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PAHANG

Gambar Kerja-kerja di Tapak Pembinaan Bangunan



KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH  
Majlis Pecah Tanah Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah



MAKLUMAT BERKAITAN PROGRAM

Majlis Pecah Tanah KMSN Sabah telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Sabah pada 13 Februari 2015 dengan dihadiri oleh semua Jabatan/Agensi dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

## Bengkel Pemurnian Rekabentuk Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah

### MAKLUMAT BERKAITAN PROGRAM

Bengkel Pemurnian Rekabentuk KMSN Sabah telah diadakan pada 5-7 Ogos 2015 bertempat di The Klagan Hotel, Kota Kinabalu yang dikendalikan oleh JKR Malaysia dan dihadiri oleh semua Jabatan/Agensi dari Kerajaan Negeri dan PBT Sabah.



SEKSYEN INOVASI, ASET DAN PENTADBIRAN AM  
LAPORAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JKSM 2015

RINGKASAN LAPORAN TAHUNAN ASET ALIH TAHUN 2015

BIL	KEMENTERIAN/ JABATAN/PTJ	BILANGAN KEW.PA-2	NILAI HARTA MODAL (RM)	BILANGAN KEW.PA-3	NILAI ASET ALIH BERNILAI RENDAH (RM)	BILANGAN KEW.PA-2 DAN KEW.PA-3	NILAI KESELURUHAN ASET ALIH (RM)
1	JKSM	3,212	17,444,037.50	3,583	1,734,338.74	6,795	19,178,376.24
2	JKSN Sabah	260	1,019,091.44	968	354,065.94	1228	1,373,157.38
JUMLAH KESELURUHAN		3,472	18,463,128.94	4,551	2,088,404.68	8,023	20,551,533.62

RINGKASAN LAPORAN KEDUDUKAN STOK TAHUN 2015

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN/ NEGERI	KATEGORI STOR	TARIKH VERIFIKASI	NILAI KESELURUHAN STOK SIMPANAN (RM)	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
1	JKSM	Stor Utama	28.12.2015	102,780.53	2.88
2	JKSN Sabah	Stor Utama	16.12.2015	56,868.02	6.44
JUMLAH KESELURUHAN				159,648.55	3.60

JUMLAH KESELURUHAN SIMPANAN STOK JKSM : RM159,648.55

SEKSYEN PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA  
LAPORAN SENARAI BILANGAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

BIL.	NAMA	JAWATAN/GRED
1	Jazilah binti Mohd Saad @ Mat Saud	Pegawai Syariah Gred LS48
2	Fauzi bin Abdullah	Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M48
3	Masrohayatie binti Talib	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44
4	Aisah binti Saleh	Pegawai Syariah Gred LS44
5	Norul Aina binti Bahari	Pegawai Syariah Gred LS44
6	Mohd Khairul Hamiz bin Mohd Hussin	Pegawai Syariah Gred LS44
7	Noridah binti Mohamed Noor	Pegawai Syariah Gred LS44
8	Siti Aishah binti Kamarudin	Pegawai Syariah Gred LS44
9	Noorashidah binti Abd Rani	Jurutera Gred J41
10	Siti Nazratul Ain binti Sulaiman	Pegawai Syariah Gred LS41
11	Ahmad Mukhlis bin Mansor	Pegawai Syariah Gred LS41
12	Nurulmiskiyah binti Ghazali	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29
13	Mohd Norman bin Abd Jalil	Penolong Pegawai Syariah Gred LS27
14	Nor Hafizah binti Mayikhi	Penolong Pegawai Syariah Gred LS27
15	Nur Afizah binti Monsor	Penolong Pegawai Syariah Gred LS27
16	Rashidah binti Mohamad Zubir	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
17	Muhamad Al-Faizun bin Mohd Shafie	Penolong Pegawai Syariah Gred N27
18	Nurul Syuhada binti Omar	Setiausaha Pejabat Gred N27
19	Zaitun binti Mahmood	Ketua Pembantu Tadbir Gred N22
20	Rashidah binti Jamil	Pembantu Tadbir (Kew) Gred W17
21	Nuramalina Zatul Shima binti Mohd Ali	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
22	Nur Sarah binti Zahari	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
23	Siti Solehah binti Md Rashid	Pembantu Syariah Gred LS17
24	Mohd Nazri bin Mohamad @ Yusop	Pembantu Syariah Gred LS17
25	Abdul Karim bin Ibrhim	Pembantu Syariah Gred LS17
26	Ahmad Reedza bin Alias	Juruteknik Komputer Gred FT17
27	Amiriza bin Abdul Razak	Juruteknik Komputer Gred FT17
28	Ishak bin Ismail	Juruteknik Komputer Gred FT17
29	Hamidah binti Sudar	Pembantu Tadbir Rendah (Operator) Gred N14
30	Rosli bin Mat Jusoh	Pemandu Kenderaan Gred H11

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015  
MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL.	NAMA	JAWATAN/GRED
1	Mohamad Zulhairul bin Abdul Rahman	Pegawai Syariah Gred LS44
2	Nor Nazila binti Dollah	Pegawai Syariah Gred LS44
3	Umamuddin bin Yunus	Pegawai Syariah Gred LS44
4	Rosmariati binti Deraman	Pembantu Syariah Gred LS22 (Memangku)
5	Siti Fadilah binti Ngarji	Pembantu Syariah Gred LS17
6	Wan Muhammad Afiq bin Wan Mohd Razib	Pembantu Syariah Gred LS17
7	Farinah binti Anuar	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17
8	Shana Zazilah binti Ag Harun	Pembantu Syariah Gred LS17
9	Hjh Harison binti Ariffin	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17
10	Aziawati binti Ibrahim	Pembantu Syariah Gred LS17
11	Mohammad Hanif bin Yusman	Pembantu Tadbir (Kew) Gred W17
12	Amirudin Baki bin Zaini	Penghantar Notis Gred N11
13	Juranah binti Tuin	Pengawal Keselamatan Gred KP11
14	Shahrul Affendy bin Abdul Muid	Pengawal Keselamatan Gred KP11
15	Muhammad Muzammil bin Mukhtar	Pengawal Keselamatan KP11

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

BIL.	NAMA	JAWATAN/GRED
1	Raja Mazelan Bin Raja Deraman	Pegawai Syariah LS48
2	Nooryasmensharini Binti Abas	Pegawai Syariah LS41
3	Khairul Syarazeq Bin Razali	Pegawai Syariah LS41
4	Mohd Razif Bin Osmanuddin	Penolong Pegawai Syariah LS27
5	Normaliah Bt Muhammadijah	Pembantu Setiausaha Pejabat N22(KUP)
6	Fatmawati Binti Jaya	Pembantu Tadbir (P/O) N17
7	Annisa Malur Abdullah	Pembantu Tadbir (KEW) W17
8	Fahmi Bin Mat Alli @ Ramli	Pembantu Syariah LS17
9	Meriam Binti Mohd	Pembantu Syariah LS17
10	Sarmiah Binti Abdullah	Pegawai Khidmat Pelanggan N17
11	Abdul Rahim Bin Sualeh	Pemandu Kenderaan H11
12	Aliuddin Bin Ismail @ Mail	Pemandu Kenderaan H11
13	Jaafar Bin Ramle	Pemandu Kenderaan H11
14	Sarmin Bin Hussin	Pemandu Kenderaan H11
15	Rano Bin Muhammad	Pembantu Operasi N11

LAPORAN HRMIS JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN DAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2014

Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) telah beroperasi sepenuhnya untuk modul-modul yang berkaitan pada tahun 2012 bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah. Pencapaian dan penggunaan modul-modul dan submodul-modul HRMIS telah dijadikan salah satu Key Performance Indicator (KPI) bagi ketua jabatan dibawah Jabatan Perdana Menteri. Aplikasi penggunaan HRMIS di JKSM ini telah bermula secara berperingkat semenjak Jun 2009, manakala Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pula bermula semenjak Mac 2010.

Pada tahun 2012, Jabatan Perdana Menteri telah menjadikan pengemaskinian submodul perjawatan sebagai KPI bagi ketua jabatan. Jumlah perjawatan HRMIS perlu sama seperti maklumat perjawatan MyPOST/Waran Perjawatan. Berikut adalah laporan KPI bagi modul yang berkaitan bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (JKSNS) secara keseluruhan untuk modul berkaitan sehingga 31 Disember 2014.

BIL	KRITERIA	PERATUS	PERATUS MARKAH
1	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan Di Antara Hrmis dan Mypost	99.87	20
2	Pemurnian data bagi 24 elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di Hrmis.	97.00	15
3	Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bagi Tahun 2015 melalui Hrmis	93.89	20
4	Pelaksanaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Bagi Tahun 2015 Melalui Hrmis	98.72	20
5	Pelaksanaan Perisytiharan Harta Melalui HRMIS	99.82	20
Keseluruhan / Rating			95( ST)

LAPORAN STATISTIK ARAS DAN PENYERTAAN SERTA PERATUS PENINGKATAN /  
 PENGURANGAN PENCAPAIAN BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA (2014) DALAM PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI:

Peperiksaan Jabatan

Pada tahun 2015, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah melaksanakan peperiksaan jabatan iaitu Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pembantu Syariah Gred LS17, Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) untuk memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27. Rumusan penuh semua peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	GRED	BILANGAN CALON			TARIKH	PUSAT PEPERIKSAAN
1	Peperiksaan Perkhidmatan Siri I	LS 17	2			12.3.2015	i) Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya (POJ)
		LS 27	8			13.3.2015	
2	Peperiksaan Perkhidmatan Siri II	LS 17	9			18.11.2015	i) Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya (POJ)
		LS 27	3			19.11.2015	
3	Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) LS27	LS 17 dan LS22	BHG I*	BHG II*	BHGIII*		
			89	84	123	18 – 19.8.2015	i) Mahkamah Syariah WP Putrajaya (POJ) ii) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah iii) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu iv) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah

\*Nota:

- i) BHG.I - Pengetahuan Hukum Syarak
- ii) BHG.II - Undang-Undang Islam dan Peraturan Yang Berkaitan
- iii) BHG. III - Pentadbiran dan Pengurusan Kehakiman Syariah



## LAPORAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN JABATAN DAN PERATURAN PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2015

Perbandingan pencapaian keputusan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) untuk memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 bagi tahun 2015 dan 2014 adalah seperti berikut:

PEPERIKSAAN KPSL GRED LS27	Tahun 2014					Tahun 2015				
	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%
<u>Bahagian I</u> Pengetahuan Hukum Syarak	78	12	15.38	50	64.10	89	45	50.56	27	30.34
<u>Bahagian II</u> Undang-Undang Islam dan Peraturan Yang Berkaitan	94	54	57.45	24	25.53	84	36	42.86	29	34.52
<u>Bahagian III</u> Pentadbiran dan Pengurusan Kehakiman Syariah	118	34	28.81	69	58.47	123	15	12.20	84	68.29

Perbandingan pencapaian keputusan Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 dan Pembantu Syariah Gred LS17 bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN	SIRI 1 TAHUN 2014					SIRI 1 TAHUN 2015				
	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%
Pembantu Syariah Gred LS17	13	10	76.92	3	23.08	2	2	100	-	-
Penolong Pegawai Syariah Gred LS27	5	5	100	-	-	8	7	87.5	1	12.5

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN	SIRI 2 TAHUN 2014					SIRI 2 TAHUN 2015				
	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%	BIL. CALON	LULUS	%	KANDAS	%
Pembantu Syariah Gred LS17	4	3	75.00	1	25.00	9	8	88.88	1	11.11
Penolong Pegawai Syariah Gred LS27	6	6	100	-	-	3	3	100	-	-



AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN PENDAFTARAN,  
KEURUSETIAAN DAN REKOD  
(BPKR)**

## SEKSYEN PENDAFTARAN RAYUAN

### STATISTIK KES RAYUAN SYARIAH KENDALIAN. PANEL RAYUAN SYARIAH JKSM 2015

Negeri	Jumlah Kes			
	Baki Sebelum	Daftar	Selesai	Dalam prosiding
Wilayah Persekutuan	23	74	71	26
Selangor	12	57	56	13
Pulau Pinang	0	5	4	1
Sabah	3	7	10	0
Negeri Sembilan	3	10	12	1
Melaka	0	25	25	0
Terengganu	6	11	15	2
Perak	0	0	0	0
Perlis	0	8	5	3
Sarawak	0	2	2	0
Pahang	0	4	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>203</b>	<b>200</b>	<b>50</b>

LAPORAN AKTIVITI SEKSYEN PENDAFTARAN RAYUAN  
BAHAGIAN PENDAFTARAN KEURUSETIAAN DAN REKOD  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

A. MUZAKARAH PEMAHAMAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2015

Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah merupakan program tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Ia diadakan bertujuan untuk memberi pemahaman terhadap Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak tahun 2000. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia selaku badan penganjur dengan bantuan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri memainkan peranan dalam memberikan pemahaman berkenaan prinsip dan tatacara pemakaian Arahan Amalan tersebut. Peserta yang terlibat adalah semua pegawai dan kakitangan syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri, pendakwa-pendakwa syarie dari Jabatan Agama Islam Negeri, peguam-peguam syarie dari Jabatan Bantuan Guaman Negeri dan Penasihat Syariah dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri.

Pada tahun 2015, program Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan telah berjaya diadakan di tempat-tempat berikut :

Bil.	Program	Tempat
1	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
2	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.2 Tahun 2015	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
3	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.3 Tahun 2015	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
4	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.4 Tahun 2015	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Labuan

Melalui muzakarah ini, para peserta boleh memberikan pandangan, komen serta cadangan pewujudan Arahan Amalan yang baharu atau penambahbaikan Arahan Amalan yang sedia ada. Pihak urus setia muzakarah seterusnya akan membawa cadangan-cadangan tersebut untuk dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar Jabatan kehakiman Syariah Malaysia.



*Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Bil.3 Tahun 2015 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah*

## B. MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA ARAHAN AMALAN

Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan ditubuhkan bagi melaksanakan kajian terhadap cadangan pembinaan atau penambahbaikan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, wakil pegawai kader dari Jabatan Bantuan Guaman, wakil pendakwa syarie dari Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan wakil peguam daripada Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSM ini akan bermesyuarat bagi memuktamadkan perbincangan terhadap cadangan untuk membina Arahan Amalan yang baharu atau meminda Arahan Amalan yang sedia ada. Setiap cadangan yang diterima akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan.

Pada tahun 2015, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak lima kali. Sepanjang mesyuarat tersebut, sebanyak 22 cadangan telah dipersetujui untuk dibuat Kajian Arahan Amalan dan 13 daripada kajian tersebut telah dipersetujui untuk dibawa ke peringkat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah.

BIL	MESYUARAT	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	21 April 2015
2	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	18 Jun 2015
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	15 Oktober 2015
4	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	2 November 2015
5	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1 Tahun 2015	11 November 2015

### C. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah

Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah ialah satu jawatankuasa di peringkat tertinggi jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan dianggotai oleh semua Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri, pegawai kanan dari Jabatan Bantuan Guaman, ahli-ahli akademik dalam bidang perundangan dan wakil peguam syarie. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekali dalam setahun bagi membincang dan memuktamadkan kajian pembinaan atau penambahbaikan Arahan Amalan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah sama ada untuk meluluskan atau menolak daripada dijadikan Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Setiap kajian yang diluluskan akan dijadikan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Malaysia untuk digunapakai di seluruh JKSN/MSN.

Pada tahun 2015, jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 16 hingga 18 November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor. Dalam mesyuarat tersebut, sebanyak 9 kertas cadangan telah diterima untuk dijadikan Arahan Amalan manakala 2 kertas cadangan ditolak dan dua kertas cadangan dipersetujui untuk dibuat kajian semula.

### D. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Malaysia

Jawatankuasa Kerja Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah Malaysia ditubuhkan bagi melaksanakan kajian terhadap cadangan penggubalan Kaedah-kaedah yang baharu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Hakim Rayuan Syariah JKSM dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, wakil pegawai kader dari Jabatan Bantuan Guaman, wakil pendakwa syarie dari Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan wakil peguam daripada Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Setiap cadangan yang dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa ini akan dikemukakan ke Seksyen Syariah, Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara terlebih dahulu bagi mendapatkan ulasan terhadap draf kaedah tersebut sebelum ianya dikemukakan di peringkat Jawatankuasa Induk Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah Malaysia.

- i. Draf Kaedah yang masih dalam tindakan Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara ialah seperti berikut :
- ii. Draf Kaedah-kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Hakam) Wilayah Persekutuan
- iii. Draf Kaedah-kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Pengesahan Lafaz Talaq) Wilayah Persekutuan
- iv. Draf Kaedah-kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Khul') Wilayah Persekutuan

### E. Mesyuarat Jawatankuasa Naziran Dan Pertindihan Kes JKSM

Jawatankuasa Naziran dan Pertindihan Kes JKSM ditubuhkan bagi membincangkan isu pertindihan dua kes yang dfailkan oleh pihak-pihak yang sama di mahkamah yang berlainan, selaras dengan kehendak Arahan Amalan Mahkamah Syariah Malaysia No.4 Tahun 2003. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSM dan dianggotai oleh Pengarah Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Pengarah Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan, Pengarah Bahagian Latihan dan pegawai-pegawai penyelidik Hakim Rayuan Syariah JKSM. Jawatankuasa ini berperanan membantu mahkamah dan pihak-pihak apabila berlaku pertindihan yang akan melibatkan bidangkuasa dan kemaslahatan pihak-pihak dengan memberi syor atau cadangan agar ia dengar di salah satu daripada mahkamah tersebut.

Pada Tahun 2015 jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali bagi membincangkan 11 permohonan berkenaan pertindihan yang kebanyakannya melibatkan tuntutan Hadhanah.

#### F. Mesyuarat Penyelarasan Kes Rayuan JKSN/MSN

Mesyuarat Penyelarasan Kes Rayuan JKSN/MSN diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan rayuan di seluruh JKSN/MSN. Perbincangan yang dibuat bagi mendapatkan kata sepakat dalam mengatasi masalah yang timbul dalam pengurusan rayuan dan keputusan tersebut akan diselaraskan di peringkat JKSN/MSN. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSM dan dianggotai oleh semua ketua pendaftar JKSN/MSN. Pada tahun ini mesyuarat tersebut telah diadakan pada 20 Oktober 2015 di D Baron Hotel, Pulau Langkawi.

#### G. Mesyuarat Pengurusan Kes Rayuan

Mesyuarat Pengurusan Kes Rayuan diadakan bagi membincangkan isu-isu yang timbul dalam pengurusan kes Rayuan di peringkat JKSM. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Hakim Rayuan Syariah Kanan JKSM dan dianggotai oleh Hakim-hakim Rayuan Syariah JKSM, Pengarah Kanan Kehakiman JKSM, Pengarah Kanan Pengurusan JKSM, Pengarah Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Pengarah Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan JKSM dan pegawai-pegawai penyelidik Hakim Rayuan Syariah JKSM. Memandangkan pengurusan rayuan merupakan salah satu bidang teras ("core business") Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, mesyuarat ini dianggap penting supaya sebarang kelemahan dalam pengurusan rayuan dapat diperbaiki dan kualiti pengurusan dapat dipertingkatkan dari masa ke masa. Pada tahun ini Mesyuarat Pengurusan Kes Rayuan telah diadakan sebanyak dua kali.

Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 3/2015

Tarikh : 20 hingga 22 Oktober 2015

Tempat : De Baron Hotel Langkawi, Kedah. Langkawi, Kedah :

Sebagai Langkah penjimatan, Mesyuarat Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia kali ke 61 telah dijadual dan diadakan pada 20 hingga 22 Oktober 2015 dengan menggabungkan Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Kes Rayuan JKSN/ MSN bil. 1/ 2015 dan Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai rujuk Jabatan Agama Islam Negeri dan Ketua Pendaftar JKSN/ MSN Seluruh Malaysia. Namun ekoran cuaca jerebu yang buruk dan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Rujuk JAIN tidak dapat hadir kerana masalah pengangkutan, mesyuarat tersebut tidak dapat dilaksanakan dan terpaksa ditangguhkan. Dalam Mesyuarat Ketua Pendaftar, ada 3 kertas telah dibentangkan iaitu :

1. Cadangan Penguatkuasaan Etiket Pakaian Pegawai Syariah oleh Unit Integriti.
2. Cadangan pindaan Akta/ Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam dan tatacara Mal Mahkamah Syariah berkaitan dengan Bahagian Sokongan Keluarga oleh Bahagian Sokongan Keluarga.
3. Makluman Penambahbaikan Format Laporan KPI E-Syariah oleh BTMK.



## LAPORAN AKTIVITI BPKR (KEURUSETIAAN) SEKITAR MESYUARAT KETUA-KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA KALI KE - 41 BIL. 2/2015 DAN MUZAKARAH HAKIM SYARIE NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA KALI KE – 24 (ZON TENGAH DAN UTARA) TAHUN 2015

### PENDAHULUAN

Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (Seksyen Keurusetiaan), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menganjurkan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Kali Ke 41 Bil. 2/2015 dan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Kali ke 24 (Zon Tengah dan Utara) Tahun 2015 pada 5 November 2015 bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWPKL).

Kedua-dua program ini dijalankan serentak pada satu masa yang sama bertempat di Dewan Persidangan bagi program Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama dan Dewan Pentauliahian bagi program Muzakarah Hakim-Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama (Zon Tengah dan Utara) di aras empat (4), MSWPKL tersebut. Butiran lanjut mengenai kedua-dua program tersebut adalah seperti berikut :

#### (1) MESYUARAT KETUA-KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA KALI KE 39 BIL. 2/2014

Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Kali Ke 41 Bil. 2/2015 telah berlangsung dengan jayanya. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan disertai bersama oleh Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama, Ketua Pendaftar JKSM, pengarah-pengarah kanan dan semua pengarah Bahagian JKSM.

Mesyuarat yang diadakan secara berkala sebanyak 3 kali setahun ini bertujuan untuk membincangkan dan menyelaraskan isu-isu pentadbiran kehakiman Syariah, pembangunan sumber manusia dan sebagainya di semua Negeri-negeri Perkhidmatan Gunasama. Segala ketetapan yang telah diputuskan dalam mesyuarat hendaklah dipersetujui dan disepakati serta dilaksanakan di JKSN/MSN masing-masing.



## MUZAKARAH HAKIM-HAKIM SYARIE NEGERI PERKHIDMATAN GUNASAMA KALI KE – 24 (ZON TENGAH DAN UTARA) TAHUN 2015

Muzakarah Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Kali ke – 24 (Zon Tengah dan Utara) Tahun 2015 ini turut dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan disertai bersama oleh Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama, Ketua Pendaftar JKSM, pengarah-pengarah kanan dan semua pengarah Bahagian JKSM serta Hakim-hakim Syarie daripada JKSN Negeri Sembilan, MSWP Kuala Lumpur dan Putrajaya, JKSN Melaka, JKSN Selangor, JKSN Negeri Sembilan, JKSN Pulau Pinang dan JKSN Perlis.

Muzakarah Hakim-Hakim Syarie ini bertujuan membincangkan mengenai masalah dan isu-isu berkaitan kehakiman di Negeri masing-masing. Hasil ketetapan yang diperolehi semasa sidang muzakarah ini diharapkan dapat meminimumkan kesilapan dalam penghakiman di Negeri-negeri bagi tujuan penyelarasan selain daripada menjadi panduan yang amat berguna kepada semua Hakim Syarie Negeri-negeri dalam perkhidmatan gunasama.

Muzakarah turut mengambil perhatian terhadap amanat dan peringatan YAA tan Sri Dr Pengerusi kepada semua hakim Syarie mengenai perkara-perkara berikut:

Sentiasa memastikan kes-kes yang dikendalikan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam ISO/KPI jabatan. Keperluan menyediakan alasan penghakiman untuk kes Rayuan juga amat penting bagi membantu pelanggan di Mahkamah Syariah mempercepatkan proses rayuan. Selain itu, dengan adanya alasan yang lengkap juga dapat membantu Hakim-hakim Rayuan mengetahui kedudukan dan status kes rayuan perayu dengan jelas;

Kepentingan mematuhi Kod Etika Hakim Syarie sebagai mana yang termaktub di dalam Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia No. 1 Tahun 2001;

Keperluan Mematuhi Keputusan Yang Lebih Tinggi walaupun tiada prinsip 'Binding Precedent' yang diamalkan di Mahkamah Syariah. Namun begitu, keputusan mahkamah yang lebih tinggi sewajarnya dihormati dan boleh dijadikan panduan dalam membuat keputusan; dan

Keutamaan semua Hakim Syarie bagi mendalami pengetahuan berkaitan pengendalian kes, hukum Syarak, undang-undang yang berkuat kuasa serta berkemahiran dalam pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.

## Mesyuarat Ketua Pendaftar Tahun 2015

### 1. Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 1/2014

Tarikh : 17 hingga 19 Mac 2015

Tempat : Hotel Seri Malaysia, Air Keroh Melaka

Ayer Keroh, Melaka: Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali ke -1 tahun 2015 telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Ayer Keroh Melaka. Mesyuarat kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 18 Mac 2015 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Shakir bin Abdul Hamid, Ketua Pendaftar JKSM. Semua Ketua Pendaftar JKSN/MSN telah hadir. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, Pengarah Kanan (Pengurusan) JKSM dan Pengarah-Pengarah bahagian JKSM. Banyak Isu-isu dapat diselesaikan dalam mesyuarat ini terutama isu yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan kehakiman di JKSN/MSN. Antara lain, mesyuarat ini banyak menumpukan kepada Pengurusan Kes di Mahkamah Syariah atau Management case. Semasa Mesyuarat ini juga telah menggabungkan beberapa Mesyuarat iaitu Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Statistik bil. 1/ 2015 oleh Seksyen Rekod, Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Mesyuarat Jawatan kuasa Kerja Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia kali ke 16 tahun 2015.

Beberapa kertas telah dibentangkan dalam mesyuarat ini iaitu :

- i. Penglibatan Peguam Syarie Dalam Kes Sulh : Isu-isu yang berbangkit, Justifikasi dan contoh-contoh kes yang berkaitan oleh JKSN Terengganu.
- ii. Corporate Integrity Pledge oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- iii. Cadangan Peluasan KPI Menteri ke JKSN/ MSN oleh Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod, JKSM.
- iv. Makluman profail Latihan Pegawai JKSM/ JKSN/ MSN oleh Bahagian Latihan, JKSM.
- v. Makluman Pindaan Seksyen 122 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, JKSM.

## Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 2/2015

Tarikh : 28 hingga 29 Julai 2015

Tempat : Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan: Ketua-Ketua Pendaftar JKSN/ MSN telah berkumpul sekali lagi di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menjalankan Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali ke -2 tahun 2015. Mesyuarat ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 28 hingga 29 Julai 2015 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Shakir bin Abdul Hamid, Ketua Pendaftar JKSM. Semua Ketua Pendaftar JKSN/MSN telah hadir. Dalam mesyuarat ini juga dihadiri oleh Pengarah Kanan (Pengurusan) JKSM dan Pengarah-Pengarah bahagian JKSM. Banyak Isu-isu dalam diselesaikan dalam mesyuarat ini terutama isu yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan kehakiman di JKSN/MSN.



LAPORAN MUZAKARAH PEGAWAI SYARIAH JABATAN BANTUAN GUAMAN, JABATAN PEGUAM NEGARA, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA, PENASIHAT UNDANG-UNDANG SYARIAH NEGERI, PENDAKWA SYARIE DAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN PEJABAT SETIAUSAHA POLITIK KEPADA Y.A.B PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KALI KE-19 TAHUN 2015

- Muzakarah Pegawai Syariah Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Penasihat Undang-Undang Syariah Negeri, Pendakwa Syarie Dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat Dan Pejabat Setiausaha Politik Kepada Y.A.B Perdana Menteri Dan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Kali Ke-19 Tahun 2015 telah diadakan pada 13 Oktober 2015 (Selasa) bertempat di Dewan Seminar Aras 4, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Muzakarah ini telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dan dihadiri oleh seramai 80 orang pegawai Syariah yang terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah-Pengarah Kanan JKSM, Pengarah-Pengarah Bahagian, pegawai Syariah Kader di seluruh Malaysia dan urus setia muzakarah.
- Antara pengisian dalam pada kali ini adalah ceramah berkaitan Saman Penghutang Penghakiman menurut perspektif undang-undang Sivil dan Syariah.
- Selain itu, muzakarah juga telah membincangkan dan membuat ketetapan terhadap beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh ahli muzakarah. Isu tersebut adalah berkaitan keperluan pengisian perjawatan LS di agensi luar Mahkamah, keperluan kursus bagi kakitangan sokongan agensi luar Mahkamah dan rujukan undang-undang dalam portal e-syariah.



LAPORAN  
PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA  
KALI KE-65 BIL. 1/ 2015

Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-65 Bil.1/2015 telah diadakan pada 14 hingga 16 April 2015 (Selasa-Khamis) bertempat di Hotel Thistle, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dan dihadiri oleh Ketua-Ketua Hakim Syarie JKSN/MSN, Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah-Pengarah Kanan JKSM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan urus setia persidangan.

Beberapa program telah digabungkan pada Persidangan kali ini iaitu Mesyuarat Khas Bersama YB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan JKSM Bil.1/2015.

Terdapat beberapa kertas cadangan dan kertas makluman yang telah dibentangkan dalam Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-65 Bil.1/2015. Antaranya adalah seperti berikut:

- i.. Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Kursus Khas Eksekutif Pegawai Syariah di United Kingdom
- ii. Kertas Cadangan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat / Corporate Integrity Pledge (CIP)
- iii. Kertas Makluman Penyelarasan Isu-Isu Waris MAS MH370
- iv. Kertas Makluman Pindaan Seksyen 122 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Harta Sepencarian)
- v. Kertas Makluman Program Bantuan Teknikal Latihan kepada Masyarakat Islam Kemboja
- vi. Kertas Makluman Statistik Kes JKSN/MSN
- vi. Kertas Makluman Borang Profil Latihan
- vii. Kertas Makluman Diskusi Inquisitorial
- ix. Kertas Makluman Penganjuran Kempen Kad Perakam Waktu dan Pematuhan Waktu Bekerja
- x. Kertas Makluman Penambahbaikan Modul Sulh (Pembukaan Semula Kes Sulh Berstatus Selesai) Status Pengurusan Kes Mahkamah Syariah
- xi. Kertas Makluman Sukan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali ke-3 (SMS-3)
- xii. Kertas Makluman Kadar Bayaran Yuran Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia
- xiii. Kertas Makluman KIK JKSN Pulau Pinang

LAPORAN  
PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA  
KALI KE-66 BIL. 2/ 2015

Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-66 Bil.2/2015 telah diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2015 (Selasa-Khamis) bertempat di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh, Melaka.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dan dihadiri oleh Ketua-Ketua Hakim Syarie JKSN/MSN, Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah-Pengarah Kanan JKSM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan urus setia persidangan.

Terdapat beberapa kertas cadangan dan kertas makluman yang telah dibentangkan dalam Persidangan Ketua-Ketua Hakim Kali Ke-66 Bil.2/2015. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kertas Cadangan Pindaan Seksyen 122 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Harta Sepencarian).
- ii. Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus Rekod JKSN/MSN.
- iii. Kertas Cadangan Program Sijil Profesional Kehakiman Syariah (SPKS) Anjuran [Pusat Pengurusan Profesion
- iv. Kehakiman Syariah (PPKS)] Akademik Kehakiman Syariah Malaysia.
- iv. Kertas Makluman Laporan KPI Menteri JKSN / MSN.
- v. Kertas Makluman Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2014.
- vi. Kertas Makluman Kes Cerai Fast track JAKESS.
- vii. Kertas Makluman Aktiviti Pencapaian BSK.
- viii. Kertas Makluman Statistik Pendaftaran Kes Melalui Esyariah.

LAPORAN  
PROGRAM WACANA KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
TAHUN 2015

Program Wacana Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM Tahun 2015 telah diadakan pada 16 Mac 2015 (Isnin) bertempat di Dewan Mukhtar, Aras 2, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS). Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Program ini telah dihadiri lebih kurang seramai 250 orang warga JKSM/JKSN/MSN seluruh Malaysia dan pegawai-pegawai Syariah kader.

Antara pengisian aktiviti yang telah diadakan semasa program wacana tersebut adalah seperti berikut :

- i. Bicara Ilmu yang telah disampaikan oleh YA Dato' Hj. Yusof Bin Musa, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM;
- ii. Persembahan Multimedia mengenai pencapaian JKSM/JKSN/MSN dan PPSM sepanjang tahun 2014;
- iii. Penyampaian Amanat oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah JKSM/Ketua Hakim Syarie;
- iv. Sesi Interaktif/dialog bersama YAA Tan Sri Ibrahim bin Lembut, Ketua Pengarah JKSM/Ketua Hakim Syarie; dan
- v. Penyampaian Sijil penghargaan kepada ahli Jawatankuasa Pentashih Nas Portal.





## Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke 16 Tahun 2015.

Tarikh/Hari : 8 – 10 Jun 2015  
Tempat : Kolej Tentera Darat, Port  
Dickson, Negeri Sembilan.

Persidangan Pegawai Syariah Kali ke-16 ini diadakan di Negeri Sembilan Darul Khusus, sepertimana yang telah diumumkan oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia AA Tan Sri Dr Ibrahim Lembut dalam Persidangan Pegawai Syariah Kali Ke-15 di Hotel Four Point, Kuching Sarawak pada 8-10 September 2013 yang lalu. Persidangan pada kali ini diadakan di Kolej Tentera Darat, Port Dickson, Negeri Sembilan mulai 8-10 Jun 2015.

· Persidangan ini dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). · Tema Persidangan pada kali ini ialah "Al-Mafqud : Transformasi, Mekanisme dan Perundangan".

· Antara Kertas Kerja yang dibentangkan ialah:

- 1) Transformasi Pengurusan Harta Al-Mafqud di Malaysia;
- 2) Pengurusan Wang Orang Islam Yang Tak Dituntut: Pengalaman Amanah Raya Berhad; dan
- 3) Diskusi: Al-Mafqud Menurut Undang-Undang Syariah Dan Sivil : Cabaran Dan Penyelesaian.

· YB Menteri juga sudi melancarkan sebuah buku yang bertajuk „Membongkar 1001 Persoalan Nafkah” terbitan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia pada kali ini.

· Turut diadakan pada persidangan kali ini Majlis Makan Malam bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

· Persidangan pada kali ini juga dimeriahkan dengan penganjuran „SUPER 2015”  
– Sukan Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia 2015.

## FOTO-FOTO SEKITRA PERSIDANGAN 2015











## AKTIVITI SEKSYEN SULH

### MUZAKARAH PEGAWAI SULH SELURUH MALAYSIA KALI KE-8 BILANGAN 1 TAHUN 2015

Pada 1 – 2 September 2015, Seksyen Sulh BPKR, JKSM telah menganjurkan program Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Ke-8 Bilangan 1 Tahun 2015 bertempat di Hotel Kings Green, Melaka.

Muzakarah tersebut telah dihadiri oleh Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM, KPP Seksyen Sulh BPKR, JKSM dan sebahagian daripada Pegawai Sulh seluruh Malaysia. Muzakarah tersebut juga telah dipengerusikan oleh YA Dato' Seri Dr. Haji Md Yusup bin Che Teh, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM. Muza-karah ini merupakan program tahunan setiap tahun yang dianjurkan oleh Seksyen Sulh.



## **MUZAKARAH PEGAWAI SULH SELURUH MALAYSIA KALI KE-8 BILANGAN 2 TAHUN 2015**

Pada 1 – 2 Disember 2015, Seksyen Sulh BPKR, JKSM telah menganjurkan program Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Ke-8 Bilangan 2 Tahun 2015 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Muzakarah tersebut telah dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM, KPP Seksyen Sulh BPKR, JKSM dan sebahagian daripada Pegawai Sulh seluruh Malaysia. Muzakarah tersebut juga telah dipengerusikan oleh YA Dato' Seri Dr. Haji Md Yusup bin Che Teh, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM.





## **MAJLIS PENGHARGAAN PENCAPAIAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) MENTERI BAGI TAHUN 2014**

Pada 27 Februari 2015, Seksyen Sulh BPKR, JKSM telah menganjurkan program Majlis Penghargaan Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Menteri bagi Tahun 2014 bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Putrajaya.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah BPKR, KPP Seksyen Sulh BPKR, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Ketua Pendaftar, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah, Pegawai-Pegawai Penyelidik, Pendaftar dan Penolong Pendaftar MSWP. Majlis tersebut juga telah dipengerusikan oleh YA Dato' Yusoff bin Musa, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM.

Majlis ini diadakan sempena memberi penghargaan kepada semua pihak dalam pencapaian KPI Menteri bagi tahun 2014.



## MESYUARAT KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) KES DALAM E-SYARIAH

Pada 28 Ogos 2015, Seksyen Sulh BPKR, JKSM telah menganjurkan Mesyuarat *Key Performance Indicator (KPI) Kes Dalam e-Syariah* bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Pengarah Kanan (Pentadbiran) JKSM, Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM, KPP JKSM, Ketua Pendaftar dan Pendaftar MSWP, Pegawai-Pegawai BTMK JKSM, Pegawai ICT negeri dan Penolong Pendaftar MSWP. Majlis tersebut juga telah dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSM. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan tentang KPI Kes di dalam e-Syariah.




## **MESYUARAT KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) KES NEGERI-NEGERI**

Pada 24 April 2015, Seksyen Sulh BPKR, JKSM telah menganjurkan Mesyuarat *Key Performance Indicator* (KPI) Kes Negeri-Negeri bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Kuala Lumpur.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, Pengarah BPKR, Ketua Pendaftaran JKSN/MSN dan KPP Seksyen Sulh, BPKR JKSM. Mesyuarat tersebut juga telah dipengerusikan oleh Ketua Hakim Syarie MSWP. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan tentang KPI kes negeri-negeri.



MAJLIS PENGHARGAAN MKPI 2014  
DAN MESYUARAT MKPI 2014



## MESYUARAT PEGAWAI REKOD JKSM/JKSN/MSN

Mesyuarat Pegawai Rekod JKSM/JKSN/MSN telah bersidang sebanyak dua kali iaitu kali ke-11 Bil. 1/2015 bertempat di Hotel Wana Riverside Melaka pada 23-24 Mac 2015 dan kali ke-12 Bil. 2/2015 bertempat di Hotel Prescott Kuala Lumpur pada 18-19 November 2015.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pegawai Rekod dari JKSN/MSN seluruh Malaysia dan dipengerusikan oleh Tuan Abas Nordin, Pengarah Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod.



## MESYUARAT PENYELARASAN JADUAL PELUPUSAN REKOD FUNGSIAN

Mesyuarat Penyelarasan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian telah diadakan pada 25 Mei 2015 bertempat di Mahkamah Syariah Putrajaya. Mesyuarat ini dihadiri oleh Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Pegawai Syariah Mahkamah Wilayah Persekutuan dan JAKESS, Pengarah-pengarah Bahagian JKSM dan tiga orang wakil dari Arkib Negara Malaysia. Objektif mesyuarat ini adalah untuk menyemak Jadual Pelupusan Rekod Fungsian di dalam Arahan Amalan 2013 dan seterusnya mengemaskini dan membuat penyelarasan tempoh pelupusan yang baru.



## LAWATAN INSPEKTORAT DALAMAN BAHAGIAN/UNIT JKSM

Bagi memastikan Pengurusan Rekod Kerajaan diuruskan dengan baik dan sistematik berdasarkan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), MS 2223-1:2009 dan MS 2223-2:2009, satu lawatan inspektorat dalaman ke setiap bahagian telah diadakan. Lawatan inspektorat ini telah dijalankan bermula 6 Ogos sehingga 18 Ogos 2015.



## TAKLIMAT INSPEKTORAT PENGURUSAN REKOD JKSN/MSN

Taklimat Inspektorat Pengurusan Rekod JKSN/MSN telah diadakan di Bilik Mesyuarat Mahkamah Syariah Putrajaya pada 4 Ogos 2015. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada JKSN/MSN berkaitan kriteria penilaian pengurusan rekod yang akan diaudit. Ketua Pendaftar dan Pegawai Rekod Jabatan dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, JKS Negeri Sembilan, MSN Melaka, JKSN Kedah, JKSN Perlis, JKSN Terengganu dan JKSN Sarawak telah dijemput untuk menghadiri taklimat ini.






## INSPEKTORAT PENGURUSAN REKOD JKSN/MSN

Inspektorat Pengurusan Rekod JKSN/MSN telah mula dirancang pada Oktober 2014 dengan kerjasama Seksyen Audit dan Inspektorat Arkib Negara Malaysia. Pada tahun 2015, sebanyak tujuh buah JKSN/MSN telah dipilih iaitu Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, JKS Negeri Sembilan, MSN Melaka, JKSN Kedah, JKSN Perlis, JKSN Terengganu dan JKSN Sarawak. Inspektorat ini telah bermula pada 14 September 2015 – 20 Oktober 2015 yang dihadiri oleh dua wakil dari JKSM dan dua wakil dari Arkib Negara Malaysia sebagai panel penilai.



## PENILAIAN SISTEM STAR RATING PENGURUSAN REKOD JABATAN 2015

JKSM telah menerima kehadiran dua wakil dari Arkib Negara Malaysia sempena penilaian Sistem Star Rating Pengurusan Rekod Jabatan 2015 pada 10 Disember 2015. Penilaian ini meliputi empat komponen utama iaitu komitmen Jabatan, prosedur dan amalan registri, pelupusan rekod dan amalan terbaik pengurusan rekod. Pada majlis penutup, pengurusan rekod di JKSM telah diumumkan berada di tahap cemerlang.



AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN LATIHAN  
(BL)**

## SENARAI PROGRAM BAGI TAHUN 2015

Bil	Program	Tempat	Tarikh	Kos Sebenar RM	Anjuran
1	Bengkel Penerangan Manual Pengguna Sistem ETMS Bil.1/2015	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	14 Jan 2015	228.00	BL
2	Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2008	Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya	20-22 Jan2015	6600.00	BL
3	Bengkel Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Siri 1	Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya	14- 4-5 Feb 2015	3000.00	BL
4	Kursus Membina Budaya Kerja Cemerlang kumpulan 1 : Kursus Pengukuhan Jati Diri	Hotel seri Malaysia Bagan Lalang, sepang	6-8 Feb 2015	9465.00	BL
5	Kursus Peningkatan Kemahiran Microsoft; Word, Excel dan Powerpoint	Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya	9-10 Feb 2015	1616.00	BL
6	Kursus Pengurusan Sulh	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	11-13 Feb 2015	3008.00	BL
7	Program Mentor Mentee	Bilik Mesyuarat Aras 4, MSWP Putrajaya	16-17 Feb 2015	2184.00	BL
8	Kursus Teknik Penggunaan SKMS Statistik Sulh	Bilik Komputer MSWP Kuala Lumpur	23-24 Feb 2015	2715.00	
9	Kursus E-Nafkah	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	24 Feb 2015	1436.00	

Bil	Program	Tempat	Tarikh	Kos Sebenar RM	Anjuran
10	Kursus E-Syariah : Modul Sulh	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	25 Feb 2015	920.00	BL
11	Kursus E-Syariah : e-Bicara (Modul Jenayah-Kumpulan 1)	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	25-26 Feb 2015	1905.00	BL
12	Kursus E-Syariah : e-Bicara (Modul Jenayah -Kumpulan 2 dan 3)	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM			BL
13	Diskusi Kajian Kes Isu-isu Mahkamah Syariah Sivil dan Agensi-agensi Siri 1	Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya	3-4 Mac 2015	3625.00	BL
14	Kelas Tafaqquh Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang) : Bab Nikah	Akademi SPRM(MACA) Wilayah Timur Kota Bharu Kelantan	5 Mac 2015	3,870.00	BL
15	Bengkel Plan Tindakan Inovasi JKSM 2015	INTAN Jalan Ilmu	9-10 Mac 2015	4555.00	BL
16	Bengkel Pemuliharaan Rekod	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	9-10 Mac 2015	3,248.00	BL
17	Kursus Penyelesaian Alternatif (Mediasi dan Arbitrasi)	Bilik Al-Biruni Blok Akademik B ILIM Bangi	10-12 Mac 2015	4868.00	BL
18	Bengkel Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan	Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya	11-12 Mac 2015	1910.00	BL
19	Bengkel Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Lanjutan	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	19 Mac 2015	1500.00	BL
20	Kursus Keselamatan Jabatan	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	23 Mac 2015	1604.00	BL
21	Kursus Seni Guaman	Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya	24-25 Mac 2015	3220.00	BL
22	Kursus E-Syariah : e-Bicara (Modul Jenayah – Kumpulan 4 hingga 7)	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	25-26 Mac 2015	2395.00	BL
23	Diskusi Perbicaraan Inquisitorial	ILKAP	26 Mac 2015	2994.00	BL
24	Kursus Pemahaman Pengurusan Kes Mal Kumpulan 1 : Pra Bicara, Perbicaraan dan Pasca Bicara	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	1-3 April 2015	3060.00	BL

Bil	Program	Tempat	Tarikh	Kos Sebenar RM	Anjuran
25	Kursus Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) dan Sistem Pendaftaran Peguam Syarie (SPPS) Bil.1/ 2015	Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM	7-9 April 2015	4940.00	BL
26	Bengkel Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Lanjutan 2	Masjid Putra, Putrajaya	13 April 2015	1410.00	BL
27	Bangka Training of Trainers (TOT) MS ISO 9001:2008 JKSM	Bilik Auditorium Aras 4 MSWP Kuala Lumpur	16-17 April 2015	4560.00	BL
28	Kursus Asas Rekabentuk Dan Pembangunan Sistem (Yii Framework) Siri 1: Asas	Bilik Komputer Aras 4 , MSWP Putrajaya	20-23 April 2015	16,960.00 (Gabung dgn Siri 2)	BL
29	Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)	Bilik Mesyuarat Aras 4 , MSWP Putrajaya	21-22 April 2015	2344.00	BL
30	Kursus Pengendalian Siasatan Kes Faraid (Asas)	Institut Sosial Malaysia Kuala Lumpur	21-23 April 2015	4030.00	BL
31	Bengkel Semakan Pelan Integriti JKSM	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	28-29 April 2015	1740.00	BL
32	Bengkel Training of Trainer (TOT) E-Syariah(e-Bicara,e-Nafkah,SPKMS & SPPS	Bilik Latihan Komputer Aras 3, JKSM	28-30 April 2015	4200.00	BL
33	Diskusi Kajian Kes Isu-isu Mahkamah Syariah, Sivil dan Agensi-agensi Siri 2	ILKAP	5-7 Mei 2015	4,940.00	BL
34	Kursus Asas Rekabentuk Dan Pembangunan Sistem (Yii Framework) Siri 2 : Lanjutan	Bilik Komputer Aras 4 , MSWP Putrajaya	6-7 Mei 2015 & 25-26 Mei 2015	(Gabung dgn Siri 1)	BL
35	Kelas Tafaqquh Zon Utara : Bab Nikah	Institut Pengajian Guru, Jalan Combee, Pulau Pinang	12 Mei 2015	3314.00	BL
36	Bengkel Peningkatan Kemahiran Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan MS ISO 9001:2008 dan Kawalan Ketidakpatuhan Perkhidmatan MS ISO 9001:2008]	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	12-14 Mei 2015	6552.00	BL

Bil	Program	Tempat	Tarikh	Kos Sebenar RM	Anjuran
37	Bengkel Penggubalan Pelan Strategik Sumber Manusia	Bilik Mesyuarat Aras 4 , MSWP Putrajaya	18-19 Mei 2015	4320.00	BL
38	Kursus Peningkatan Kemahiran Microsoft; Word, Excel dan Powerpoint	Bilik Komputer Masjid Putra, Putrajaya	18-19 Mei 2015	3050.00	BL
39	Kursus Pemahaman Undang-undang Keterangan	Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya	19-21 Mei 2015	4770.00	BL
40	Kursus Penyelarasan Format Pengurusan Mesyuarat	Bilik Kuliah 1 Masjid Putra, Putrajaya	21 Mei 2015	1500.00	BL
41	Diskusi Permohonan Perintah Pengesahan & Pendaftaran Perkahwinan (4P)	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, JKSM	22 Mei 2015	540.00	BL
42	Bengkel Semakan Dasar Keselamatan ICT JKSM / JKSN / MSN	Bilik Mesyuarat Aras 4 , MSWP Putrajaya	11-12 Jun 2015	1008.00	BL
43	Kursus Pengurusan Akaun Amanah dan Akruan	ILKAP	15-17 Jun 201	6264.0	BL
44	Kursus Forensik dan DNA Profiling	ILKAP	15-17 Jun 201	7227.00	BL
45	Kursus Pengurusan My Mesyuarat	Bilik latihan Komputer, MSWP Putrajaya	25 Jun 2015	850.00	

AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - JANUARI 2015  
BENGKEL PENERANGAN MANUAL PENGGUNA SISTEM ETMS BIL.1/2015

Bengkel telah diadakan pada 14 Januari 2015 bertempat di Bilik Latihan Aras 3, JKSM. Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Latihan.

Peserta terdiri daripada semua Penyelaras dan Urus Setia Bahagian Latihan.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- Memberi Kefahaman Kepada Para Pegawai Dan Kakitangan JKSM Yang Menguruskan Latihan Khususnya Berkenaan Penggunaan Sistem ETMS Yang Telah Dikemaskini Secara Teori Dan Praktikal;
- Meningkatkan Kemahiran Dan Kecekapan Para Pegawai Dan Kakitangan JKSM Dalam Menganalisis Menggunakan Sistem ETMS
- Membolehkan Para Peserta Berkongsi Kemahiran Dan Pengalaman Berkaitan Dengan Pengurusan Latihan Secara Elektronik.

KURSUS AUDIT DALAM MS ISO 9001\_2008

Kursus telah diadakan pada 20 - 22 Januari 2015 bertempat di Dewan Persidangan Aras 4, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Latihan dan peserta terdiri dari kalangan Kakitangan Sokongan dan Pegawai pelbagai gred di JKSM dan JKSN/MSN.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi kefahaman kepada bakal Juruaudit-juruaudit mengenai Audit Dalaman MS ISO;
- ii. Memberi kemahiran (skills) kepada juruaudit berhubung dengan tatacara pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO; dan
- iii. Meningkatkan kredibiliti dan keyakinan juruaudit dalaman MS ISO JKSM dalam menjalankan tugas sebagai juruaudit yang dilantik



## AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - FEBRUARI 2015

### BENGKEL KUMPULAN KREATIF & INOVATIF (KIK)

Bengkel Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) telah diadakan pada 4 – 5 Februari 2015 bertempat di Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya. Program ini melibatkan peserta berjumlah 71 orang terdiri daripada semua ahli kumpulan KIK dari setiap bahagian di JKSM.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i) Membuka minda peserta bahawa kreativiti dan inovasi perlu menjadi amalan bagi memastikan kecemerlangan dalam pekerjaan;
- ii) Menggalakkan peserta berfikir di luar kotak serta memberi penekanan kepada bahawa penyelesaian masalah melalui banyak cara;
- iii) Menerapkan nilai-nilai budaya kerja berpasukan dalam pekerjaan dan dalam penyelesaian masalah. Malah kerja berpasukan menghasilkan penyelesaian yang lebih baik dan berkesan melalui aktiviti percambahan minda;
- iv) Mewujudkan persaingan secara sihat melalui proses kreativiti dan inovasi; dan
- v) Mengenalpasti bakat kepimpinan di kalangan staff tanpa mengira kategori jawatan.



## KURSUS MEMBINA BUDAYA KERJA CEMERLANG KUMPULAN 1: KURSUS PENGUKUHAN JATI DIRI

Kursus Membina Budaya Kerja Cemerlang Kumpulan 1: Kursus Pengukuhan Jati Diri Bil.1/2015 telah diadakan pada 6 – 8 Februari 2015 bertempat di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Peserta seramai 24 orang terdiri daripada Pemandu dan Pembantu Am Pejabat di JKSM/JKSN/MSN Gred H11 – N11.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi pendedahan mengenai peranan penjawat awam dalam bersama mengurangkan kadar jenayah dan beri kefahaman mengenai etika penjawat semasa bertugas dan selepas waktu bertugas;
- ii. Mengukuhkan jati diri dengan memberikan penekanan dalam memantapkan aspek integriti dan akauntabiliti merangkumi sahsiah dan kerohanian peserta;
- iii. Memberikan motivasi ke arah penjawat awam yang mempunyai keyakinan diri dalam melaksanakan tugas dan berani menonjol menyumbang kepada jabatan; dan
- iv. Sebagai platform kepada penceramah dan peserta agar dapat berkongsi pengalaman, pendapat dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan.

## KURSUS PENGURUSAN LATIHAN- (MICROSOFT WORD, POWER POINT & EXCEL)

Kursus Pengurusan Latihan- (Microsoft Word, Power Point & Excel) telah diadakan pada 9 - 10 Februari 2015 bertempat di Bilik Latihan Komputer Aras 4, MSWP Putrajaya.

Program ini telah melibatkan seramai 20 peserta terdiri daripada kakitangan kumpulan sokongan II JKSM.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Dapat mendalami dengan lebih mendalam perbezaan antaramuka pengguna Microsoft Office 2007 (Word, Excel dan Powerpoint)berbanding versi yang terdahulu;
- ii. Memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan Microsoft Word, Excel dan Powerpoint bagi menghasilkan segala bentuk dokumen yang dikehendaki untuk pelbagai keperluan. Dan dapat meningkatkan pengetahuan dan penggunaan perisian Microsoft Office 2007 (Word, Excel dan Powerpoint);
- iii. Peserta juga dapat mengaplikasi fungsi Microsoft Excel dalam penyimpanan, pemerosesan dan pengeluaran data bagi maksud pengurusan data; dan
- iv. Menggunakan dan mengaplikasi dalam bentuk persembahan yang mudah difahami dan bersesuaian dengan fungsi Microsoft Powerpoint.

(GAMBAR : LAMPIRAN 2)



### **KURSUS PENGURUSAN SULH**

Kursus Pengurusan Sulh telah diadakan pada 11 – 13 Februari 2015 bertempat di Dewan Persidangan, Aras 4 MSWP Putrajaya. Peserta seramai 26 orang terdiri daripada Pegawai-pegawai Syariah lantikan tahun 2012 seluruh Malaysia. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi pengetahuan kepada peserta mengenai penyelesaian alternatif kes-kes Mahkamah melalui proses Sulh;
- ii. Meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran peserta dalam pengurusan kes-kes Sulh; dan
- iii. Memberi peluang kepada peserta untuk berbincang mengenai permasalahan yang dihadapi oleh Pegawai Sulh semasa menguruskan majlis Sulh



## PROGRAM MENTOR MENTEE

Program Mentor Mentee telah diadakan pada 16 - 17 Februari 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta seramai 20 orang terdiri daripada kalangan kakitangan di JKSM dari gred JUSA – N17.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Membimbing peserta yang dalam peningkatan prestasi kerja, pembangunan kerjaya dan psikososial;
- ii. Meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam aspek professional, budaya, peribadi dan sosial;
- iii. Membina keperibadian tinggi di kalangan warga organisasi; dan
- iv. Membudayakan kerja kelas pertama dan berprestasi tinggi dalam organisasi.

## KURSUS TEKNIK PENGGUNAAN SKMS SULH

Kursus Teknik Penggunaan SKMS Sulh telah diadakan pada 23 - 24 Februari 2015 bertempat di Bilik Komputer, Aras 3 MSWP Kuala Lumpur. Peserta berjumlah 83 orang terdiri daripada Pegawai Sulh JKSM/JKSN/MSN/ Seluruh Malaysia dari Gred LS 41- Gred LS 44.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi pendedahan pengguna kepada penggunaan aplikasi SKMS untuk tujuan penjanaan laporan statistik e-syariah;
- i. Memberi kemahiran (skills) kepada pegawai sulh cara pengiraan untuk statistik sulh; dan
- iii. Mengenalpasti permasalahan statistik sulh.



## KURSUS E-NAFKAH

Kursus E- Nafkah telah diadakan pada 24 Februari 2015 bertempat di Bilik Latihan Komputer Aras 3, JKSM. Peserta berjumlah 18 orang terdiri daripada Pegawai-pegawai BSK, JKSM/JKSN. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi kefahaman kepada Pegawai BSK mengenai proses kerja Modul e-Nafkah;
- ii. Meningkatkan tahap penggunaan Modul e-Nafkah di kalangan Pegawai BSK;
- iii. Memantapkan kemahiran penggunaan Modul e-Nafkah bagi memastikan kes-kes pengabaian perintah nafkah dapat dikesan dengan kadar segera; dan
- iv. Membantu mewujudkan pengurusan dana BSK secara sistematik dan teratur.



## KURSUS E-SYARIAH (MODUL SULH)

Kursus E-Syariah (Modul Sulh) diadakan pada 25 Februari 2015 bertempat di Bilik Latihan Komputer Aras 3, JKSM. Jumlah peserta seramai 20 orang terdiri daripada Pegawai Sulh JKSN/MSN/ Seluruh Malaysia .Di antara objektif utama program ini adalah:-


- i. Memberi kefahaman dan latihan kepada Pegawai-pegawai Sulh mengenai proses kerja pengurusan Sulh dalam Sistem E-Syariah;
- ii. Meningkatkan tahap penggunaan modul Sulh di kalangan Pegawai Sulh; dan
- iii. Melahirkan Pegawai Sulh yang berkemahiran menggunakan aplikasi ICT dalam membantu mempercepatkan urusan kerja seharian disamping mengamalkan sistem kerja bersistematik.



## KURSUS E-BICARA (MODUL JENAYAH – KUMPULAN 1 – 3)

Kursus E-Bicara (Modul Jenayah – Kumpulan 1 – 3) diadakan pada 25 - 26 Februari 2015 bertempat di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM. Peserta seramai 72 orang terdiri daripada 3 kumpulan iaitu Hakim MTS, Hakim MRS dan Pegawai Sulh yang mendapat tauliah hakim dari Gred LS41 - LS54. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Meningkatkan kemahiran Hakim Syariah dalam melaksanakan system E-Bicara (Modul Jenayah);
- ii. Menyeragamkan proses sebutan dan perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia; dan
- iii. Memberi peluang kepada peserta untuk bertukar-tukar pengalaman dan amalan di negeri Masing-masing.



## **AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - MAC 2015**

### **DISKUSI KAJIAN KES ISU-ISU MAHKAMAH SYARIAH DAN AGENSI-AGENSI (JKPTG/KWSP/ARB) SIRI 1**

Diskusi Kajian Kes Isu-isu Mahkamah Syariah dan Agensi-AgenSI (JKPTG/KWSP/ARB) telah diadakan pada 3 – 4 Mac 2015 bertempat di Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 35 orang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Ketua-Ketua Hakim Syarie, Hakim-Hakim MTS dan Pegawai-Pegawai Kanan JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan pendedahan secara komprehensif kepada para peserta tentang isu-isu, konflik dan permasalahan yang timbul akibat pengamalan dwi sistem perundangan Syariah-Sivil.
- ii. Memberikan ruang dan peluang kepada para peserta berdiskusi dari sudut perkongsian ilmu, pengalaman dan bertukar-tukar pandangan dalam konteks mencari cadangan penyelesaian bagi isu-isu dan konflik yang berlaku akibat pengamalan dwi sistem perundangan Syariah-Sivil.
- iii. Impak dari Diskusi ini diharapkan dapat menghasilkan cadangan penyelesaian supaya isu- isu dan konflik yang timbul antara Undang-undang Syariah dan Sivil dapat diharmonikan.



## KELAS PENGAJIAN TAFALUUH ZON PANTAI TIMUR

Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Pantai Timur telah diadakan pada 5 Mac 2015 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) Kota Bharu, Kelantan. Peserta seramai 58 orang terdiri daripada Pegawai Syariah gred LS41-LS44 bagi Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang). Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan pemahaman mengenai istilah-istilah fiqh dan syarak, disiplin ilmu nahu, saraf dan teknik-teknik pembacaan kitab-kitab turath;
- ii. Melatih dan mendalami teknik yang sahih tentang kaedah-kaedah menginstinbat Hukum Syarak dari sumber yang muktabar; dan
- iii. Memberi peluang para peserta bertukar-tukar pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang berbangkit semasa menjalankan tugas di bahagian masing-masing.



## BENKEL PELAN TINDAKAN INOVASI JKSM 2015

Bengkel Pelan Tindakan Inovasi JKSM 2015 telah diadakan pada 9 – 10 Mac 2015 bertempat di INTAN Alan Ilmu, Kuala Lumpur. Peserta seramai 20 orang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi Jabatan, Ketua Audit Dalam, Ketua Pegawai Kualiti dan Pegawai Kualiti Bahagian JKSM.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i) Memandu Jabatan & Agensi Di Bawah JKSM Dalam Merancang, Melaksana Dan Membudayakan Inovasi Mengikut Sasaran Pelan Tindakan Yang Ditetapkan;
- ii) Menyelaras Dan Mengumpul Semua Hasil Inovasi Jabatan & Agensi Di Bawahnya Untuk Dilaporkan Kepada Pihak Yang Berkaitan; dan
- iii) Mewujudkan Pelan Tindakan Inovasi Jabatan Yang Memenuhi Kriteria Dan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam Yang Telah Digariskan Oleh Pihak MAMPU.





## KURSUS PEMULIHARAAN REKOD

Kursus Pemuliharaan Rekod telah diadakan pada 9 – 10 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan, Aras 4 MSWP Putrajaya. Peserta seramai 34 orang terdiri daripada Pegawai Rekod di negeri-negeri dan di JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memahami pemeliharaan rekod adalah bermula di Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan;
- ii. Mengetahui secara asas tentang konsep dan faedah pemeliharaan dan pemuliharaan rekod; dan
- iii. Memelihara dan memulihara rekod-rekod di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan sekurang-kurang secara minima selaras dengan Bhg. 8 Pekeliling perkhidmatan Bi.5/07



## KURSUS PENYELESAIAN ALTERNATIF (MEDIASI & ARBITASI)

Kursus Penyelesaian Alternatif (Mediasi & Arbitasi) telah diadakan pada 10 - 12 Mac 2015 bertempat di Bilik Al-Biruni, Blok Akademik A, Institut Latihan Islam (ILIM) Bangi, Selangor. Peserta seramai 25 orang terdiri daripada Pegawai BSK dari JKSM/ JKS/MSN. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi kefahaman yang lebih meluas berhubung isu-isu semasa serta konsep kaunseling dan mediasi.
- ii. Memantapkan kemahiran kepada pegawai dalam mengendalikan sesi kaunseling dan mediasi;
- iii. Melahirkan pegawai yang berkebolehan dan berketrampilan dalam segenap aspek termasuklah sebagai kaunselor dan mediator; dan
- iv. Memberi peluang kepada peserta berbincang dan berkongsi pengalaman berhubung kes-kes yang melibatkan mediasi di negeri masing-masing.

## BENGGEL PEMANTAUAN PEMATUHAN ARAHAN AMALAN 2015

Bengkel Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan 2015 telah diadakan pada 11 – 12 Mac 2015 bertempat di Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 22 orang terdiri daripada Pegawai Syariah Gred LS 41-48, JKSM.

Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i) Memberikan Pemahaman Yang Komprehensif Berkaitan Proses-Proses Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Yang Semasa Kepada Para Peserta;
- ii) Memberi Peluang Kepada Para Peserta Untuk Bertukar-Tukar Pendapat Serta Berkongsi Pengalaman Dan Ilmu Berkaitan Proses-Proses Pemantauan Arahan Amalan; dan
- iii) Melahirkan Para Peserta Yang Mahir Dalam Menjalankan Proses-Proses Pemantauan Arahan Amalan Yang Berkesan Dan Bersistematik.

## BENGGEL KUMPULAN KREATIF & INOVATIF (KIK)

Bengkel Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) telah diadakan pada 19 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya. Peserta berjumlah 71 orang terdiri daripada semua ahli kumpulan KIK dari setiap bahagian di JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i) Membuka minda peserta bahawa kreativiti dan inovasi perlu menjadi amalan bagi memastikan kecemerlangan dalam pekerjaan;

- ii) Menggalakkan peserta berfikir di luar kotak bahawa penyelesaian masalah melalui pelbagai cara;
- iii) Menerapkan nilai-nilai budaya kerja berpasukan untuk menghasilkan penyelesaian yang lebih baik dan berkesan melalui aktiviti percambahan minda;
- iv) Mewujudkan persaingan secara sihat melalui kreativiti dan inovasi; dan
- v) Mengenalpasti bakat kepimpinan dalam kalangan staff tanpa mengira kategori jawatan.

#### KURSUS KESELAMATAN JABATAN

Kursus Keselamatan Jabatan telah diadakan pada 23 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan Aras 4, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Peserta seramai 40 orang terdiri daripada kalangan kakitangan dan pegawai pelbagai gred di JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan keselamatan pejabat yang merangkumi keselamatan fizikal, dokumen, ICT dan peribadi;
- ii. Memberi kesedaran tentang kepentingan keselamatan jabatan kepada kakitangan awam; dan;
- iii. Bertukar-tukar pengetahuan untuk menghasilkan pengurusan keselamatan perlindungan yang teratur dan berkesan.

#### KURSUS SENI GUAMAN

Kursus Seni Guaman diadakan pada 24 - 25 Mac 2015 bertempat di Bilik Kuliah Saidina Abu Bakar, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 34 orang terdiri daripada Pegawai Syariah Gred LS 41 dari JKSM/JKSN/MSWP/JAIN/JBG.. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta mengenai peranan dan etika sebagai Peguam Syarie;
- ii. Melahirkan peserta yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang kepeguaman; dan
- iii. Membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai bidang tugas masing-masing.

(GAMBAR : LAMPIRAN 10)

## KURSUS E-BICARA (MODUL JENAYAH – KUMPULAN 4 - 7)

Kursus E-Bicara (Modul Jenayah – Kumpulan 4 - 7) diadakan pada 25 - 26 Mac 2015 bertempat di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, JKSM. Peserta seramai 115 orang terdiri daripada 4 kumpulan iaitu Hakim MTS, Hakim MRS dan Pegawai Sulh yang mendapat tauliah hakim dari Gred LS41 - LS54. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Meningkatkan kemahiran Hakim Syarie dalam melaksanakan system E-Bicara (Modul Jenayah);
- ii. Menyeragamkan proses sebutan dan perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia; dan
- iii. Memberi peluang kepada peserta untuk bertukar-tukar pengalaman dan amalan di negeri Masing-masing.



## DISKUSI PERBICARAAN INQUISITORIAL

Diskusi Perbicaraan Inquisitorial telah diadakan pada 26 Mac 2015 bertempat di Dewan Theatre, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bangi, Selangor. Peserta seramai 35 orang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Ketua - Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri, Ketua Pendaftar, Hakim-Hakim MTS seluruh Malaysia, Pegawai-Pegawai Kanan JKSM dan Pegawai Penyelidik JKSM dari gred LS 48 – JUSA B. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan input kepada para peserta tentang Resolusi Komuniti Syariah berkaitan cadangan pelaksanaan “Perbicaraan Inquisitorial”;
- ii. Memberikan ruang dan peluang kepada para peserta berdiskusi dari sudut perkongsian ilmu, pengalaman dan bertukar-tukar pandangan dalam konteks cadangan pelaksanaan perbicaraan Inquisitorial di Mahkamah Syariah seluruh negeri, dan
- iii. Impak dari Diskusi ini diharapkan dapat memperkenalkan perbicaraan secara Inquisitorial bagi tujuan penyelarasan di Mahkamah Syariah setiap negeri.

## AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - APRIL 2015

### KURSUS PEMAHAMAN PENGURUSAN KES MAL DAN JENAYAH KUMPULAN 1 : PRA BICARA, PERBICARAAN DAN PASCA BICARA

Kursus tersebut telah diadakan pada 1 – 3 April 2015, di Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya. Peserta berjumlah 34 orang terdiri daripada kakitangan sokongan JKSN/MSN dan JKSM gred LS 17 dan LS 27. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan kefahaman dan pendedahan mengenai Undang-undang Tatacara Mal dan Undang-undang Tatacara Jenayah yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah;
- ii. Meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan proses kerja berkaitan Undang-undang Tatacara Mal dan Undang-undang Tatacara Jenayah; dan
- iii. Membolehkan peserta saling bertukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai bidang tugas masing-masing terutamanya dalam konteks Pengurusan Tatacara Mal dan Undang-undang Tatacara Jenayah

## KURSUS SISTEM PENGURUSAN KES MAHKAMAH SYARIAH (SPKMS) DAN SISTEM PENDAFTARAN PEGUAM SYARIE (SPPS) BIL.1/2015

Kursus tersebut telah diadakan pada 7 – 9 April 2015, di Bilik Latihan Komputer Aras 3, JKSM. Peserta seramai 36 orang terdiri daripada kumpulan pengguna E-Syariah iaitu Pembantu Hakim, Pendaftar, Penolong Pendaftar, Penghantar Notis, Bailif dan Kewangan dari gred 11 hingga 27. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi pendedahan khusus kepada kumpulan pengguna E-Syariah seperti Pembantu Hakim, Pendaftar, Penolong Pendaftar, Penghantar Notis, Bailif dan Kewangan berkenaan peranan dan tanggungjawab mereka di dalam melaksanakan sistem E-Syariah;
- II. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam melaksanakan tanggungjawab menggunakan sistem E-Syariah; dan
- III. Mewujudkan perkongsian pintar di kalangan pengguna E-Syariah menerusi perbincangan dan pengalaman sebenar semasa melaksanakan proses kerja seharian.

(GAM)



## BENKEL KUMPULAN KREATIF & INOVATIF (KIK) LANJUTAN 2

Bengkel tersebut telah diadakan pada 13 April 2015, di Bilik Kuliah 1, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 30 orang terdiri daripada semua ahli kumpulan KIK dari Bahagian Dasar & Penyelidikan, Bahagian Sokongan Keluarga dan wakil dari bahagian-bahagian lain di JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Membuka minda peserta bahawa kreativiti dan inovasi perlu menjadi amalan bagi memastikan kecemerlangan dalam pekerjaan.
- ii. Menggalakkan peserta berfikir di luar kotak serta memberi penekanan kepada penyelesaian masalah melalui banyak cara.
- iii. Menerapkan nilai-nilai budaya kerja berpasukan dalam pekerjaan dan dalam penyelesaian masalah. Malah kerja berpasukan akan menghasilkan penyelesaian yang lebih baik dan berkesan melalui aktiviti percambahan minda.
- iv. Mewujudkan persaingan secara sihat melalui proses kreativiti dan inovasi.
- v. Mengenalpasti bakat kepimpinan di kalangan staf tanpa mengira jawatan.

## BENKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) MS ISO 9001:2008

Bengkel tersebut telah diadakan pada 16 – 17 April 2015, di Bilik Auditorium, Aras 4 MSWP Kuala Lumpur. Peserta seramai 24 orang terdiri daripada Pasukan Kualiti Jabatan, Pasukan Audit Dalam dan Pegawai Kualiti Bahagian, JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan kefahaman dan latihan intensif kepada peserta berkaitan teknik dan tatacara perkongsian kemahiran dan pengetahuan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO kepada pihak lain.
- ii. Melahirkan peserta yang mempunyai kelayakan untuk diberikan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar berhubung Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO Jabatan; dan
- iii. Memberi peluang kepada peserta bertukar pengetahuan dan pengalaman serta pendapat khususnya terhadap Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO Jabatan.

## KURSUS PEMBANGUNAN YII FRAMEWORK SIRI 1: ASAS

Kursus tersebut telah diadakan pada 20 – 23 April 2015, di Bilik Komputer Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta berjumlah 10 orang terdiri daripada Pegawai dan Penolong Pegawai (Gred F41 dan F29) daripada Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) dan JAKESS. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Dapat mempelajari dan memantapkan penggunaan aplikasi Yii Framework dalam kerja seharian dengan menggunakan Yii Framework sebagai medium membangunkan web 2.0 yang lebih mampan;
- ii. Memberikan pendedahan secara teori dan praktikal kepada para peserta mengenai penggunaan Yii Framework bagi membangunkan sesebuah projek; dan
- iii. Memberikan pendedahan kepada skop pembangunan dan integrasi dengan pengkalan data bagi memudahkan pemahaman para peserta dan simulasi melalui mini projek sebagai contoh pembangunan berdasarkan Yii Framework; dan
- iv. Membekalkan peserta dengan kemahiran pembangunan sistem sebagai persediaan untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem intranet yang digunakan di JKSM seperti T empahan Bilik Mesyuarat, Sistem lampiran, sistem maklumat Pegawai, sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan, Sistem pemantauan Negeri angkat, Sistem Pemantauan Portal Jabatan dan SIPMA (Muat naik Isi Kandungan Portal/laman Web).

(GAMBAR : LAMPIRAN 13)





## KURSUS PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ)

Kursus tersebut telah diadakan pada 21 – 22 April 2015, di Bilik Mesyuarat Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta seramai 30 orang terdiri daripada Pegawai Pengurusan dan Profesional serta kakitangan sokongan dari JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Membantu meningkatkan dan memantapkan tahap keselamatan perlindungan dari aspek keselamatan fizikal, dokumen dan peribadi;
- ii. Memberi kefahaman mengenai Dasar, Peraturan dan Sistem kawalan Keselamatan dalam Jabatan serta menerangkan peranan sebagai PKJ; dan
- iii. Memperoleh dan bertukar-tukar pengetahuan untuk menghasilkan pengurusan keselamatan perlindungan yang teratur dan berkesan.

(GAMBAR : LAMPIRAN 14)



## KURSUS FARAIK DAN PENGENDALIAN KES (ASAS)

Kursus tersebut telah diadakan pada 21 – 23 April 2015, di Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur. Peserta berjumlah 24 orang terdiri daripada Pegawai Syariah Gred LS 41-LS 44, JKSM/JKSN/MSN. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan kefahaman serta pendedahan secara komprehensif mengenai faraid;
- ii. Meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam mengendalikan prosiding kes faraid bermula sebutan kes sehingga selesai siasatan atau perbicaraan dan keputusan; dan
- iii. Membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai bidang tugas masing-masing.

(GAMBAR : LAMPIRAN 15)



## BENGGEL SEMAKAN PELAN INTEGRITI JKSM

Bengkel tersebut akan diadakan pada 28 – 29 April 2015, di Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta berjumlah 18 orang terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan Kehakiman, Pengarah Kanan Pengurusan, Pengarah-pengarah Bahagian JKSM dan Ketua-ketua Penolong Pengarah Bahagian. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Menyemak dan mengemaskini Pelan Integriti JKSM;
- ii. Menambah baik tadbir urus jabatan; dan
- iii. Merealisasikan visi dan misi jabatan.

(GAMBAR : LAMPIRAN 16)



## BENGGEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) E-SYARIAH (E-BICARA, E-NAFKAH, SPKMS & SPPS DAN MODUL KEWANGAN)

Bengkel tersebut akan diadakan pada 28 - 30 April 2015, di Bilik Komputer Aras 3, JKSM. Peserta seramai 17 orang terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat JKSM/JKSN. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberi latihan kepada Pegawai Teknologi Maklumat dan juga Penolong Pegawai Teknologi Maklumat mengenai proses kerja komponen-komponen yang terdapat dalam Sistem E-Syariah iaitu e-Nafkah, e-Bicara, SPKMS & SPPS, dan Modul Kewangan; Menyediakan tenaga pengajar kepada Pegawai Teknologi Maklumat dan juga Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di peringkat JKSN;
- ii. Meningkatkan tahap penggunaan komponen E-Syariah di kalangan Pegawai Teknologi Maklumat dan juga Penolong Pegawai Teknologi Maklumat; dan
- iii. Melahirkan Pegawai Teknologi Maklumat dan juga Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang berkemahiran dalam menggunakan Sistem E-Syariah serta membantu mempercepatkan urusan kerja seharian pegawai-pegawai yang terlibat di agensi masing-masing agar sistem ini digunakan secara maksimum dan cekap.

## AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - MEI 2015

### KURSUS DISKUSI KAJIAN KES : ISU-ISU MAHKAMAH SYARIAH DAN AGENSI-AGENSI SIRI 2

Kursus tersebut telah diadakan pada 5 – 7 Mei 2015, di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Jumlah peserta seramai 29 orang terdiri daripada pegawai gred LS41-LS44. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memberikan pendedahan secara komprehensif kepada para peserta tentang isu-isu, konflik dan permasalahan yang timbul akibat pengamalan dwi sistem perundangan Syariah-Sivil.
- ii. Memberikan ruang dan peluang kepada para peserta berdiskusi dari sudut perkongsian ilmu, pengalaman dan bertukar-tukar pandangan dalam konteks mencari cadangan penyelesaian bagi isu-isu dan konflik yang berlaku akibat pengamalan dwi sistem perundangan Syariah-Sivil.
- iii. Impak dari Diskusi ini diharapkan dapat menghasilkan cadangan penyelesaian supaya isu-isu dan konflik yang timbul antara Undang-undang Syariah dan Sivil dapat diharmonikan.



(GAMBAR : LAMPIRAN 17)

### KURSUS PEMBANGUNAN YII FRAMEWORK SIRI 2: LANJUTAN

Kursus tersebut telah diadakan pada 6 – 7 Mei 2015 dan 25 – 26 Mei 2015, di Bilik Komputer Aras 3, JKSM. Peserta berjumlah 10 orang terdiri daripada Pegawai dan Penolong Pegawai (Gred F41 dan F29) daripada Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) dan JAKESS. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Dapat mempelajari dan memantapkan penggunaan aplikasi Yii Framework dalam kerja seharian dengan menggunakan Yii Framework sebagai medium membangunkan web 2.0 yang lebih mampan;
- ii. Memberikan pendedahan secara teori dan praktikal kepada para peserta mengenai penggunaan Yii Framework bagi membangunkan sesebuah projek;
- iii. Memberikan pendedahan kepada skop pembangunan dan integrasi dengan pengkalan data bagi memudahkan pemahaman para peserta dan simulasi melalui mini projek sebagai contoh pembangunan berdasarkan Yii Framework; dan

- iv. Membekalkan peserta dengan kemahiran pembangunan sistem sebagai persediaan untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem intranet yang digunakan di JKSM seperti Tempahan Bilik Mesyuarat, Sistem lampiran, sistem maklumat Pegawai, sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan, Sistem pemantauan Negeri angkat, Sistem Pemantauan Portal Jabatan dan SIPMA (Muat naik Isi Kandungan Portal/laman Web).

#### KELAS PENGAJIAN TAFUQUH ZON UTARA (PERLIS, KEDAH, PERAK & PULAU PINANG)

Kursus tersebut telah diadakan pada 12 Mei 2015, di Institut Pengajian Guru, Jalan Combee, Pulau Pinang. Jumlah peserta seramai 35 orang gred LS 41 hingga LS 44 terdiri daripada Pegawai Syariah yang ditempatkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) di Zon Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang Dan Perak). Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Membina kemahiran untuk menguasai kitab turath didalam Bahasa Arab;
- ii. Melatih peserta untuk mendalami teknik yang sahih tentang kaedah-kaedah menginstinbat Hukum Syarak dari sumber yang muktabar;
- iii. Membina kemampuan untuk memahami istilah Kitab Fekah, disiplin ilmu nahu, saraf dan teknik pembacaan kitab turath; dan
- iv. Bertukar-tukar pengalaman dan ilmu khususnya didalam pemahaman kitab turath dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang berbangkit semasa menjalankan tugas dan melaksanakan prosiding perbicaraan di mahkamah.

#### BENGKEL KAWALAN KETIDAKPATUHAN PERKHIDMATAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN TINDAKAN PEMBETULAN DAN TINDAKAN PENCEGAHAN MS ISO 9001:2008

Bengkel tersebut telah diadakan pada 12 – 14 Mei 2015, di Dewan Persidangan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Peserta terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan Kehakiman, Pengarah Kanan Pengurusan, Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM dan Pasukan Kualiti MS ISO 9001: 2008 berjumlah 24 orang. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memantapkan kefahaman peserta terhadap pelaksanaan kawalan ketidakpatuhan perkhidmatan MS ISO 9001:2008 di JKSM
- ii. Memantapkan kefahaman peserta terhadap pelaksanaan tindakan pembetulan dan pencegahan di JKSM; dan
- iii. Memastikan permasalahan/keraguan yang timbul di JKSM berkaitan Klausula 8.3 dan 8.5 dapat diperjelaskan oleh pihak SIRIM.



## BENGKEL PENGUBALAN PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA

Bengkel tersebut telah diadakan pada 18 – 19 Mei 2015, di Bilik Mesyuarat Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta seramai 26 orang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah-pengarah bahagian JKSM, Ketua Pendaftar MSWP, Ketua Pendaftar JKSN Sabah. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memandu jabatan dan cawangan di bawah JKSM menetap hala tuju pengurusan sumber manusia jabatan mengikut sasaran Pelan Pembangunan Modal Insan sedia ada;
- ii. Menyemak semula dan memantau pelaksanaan unjuran keperluan sumber Manusia ; dan
- iii. Merangka dan membangun Pelan Strategik Sumber Manusia jabatan yang terkini relevan dan selari dengan Pelan Strategik jabatan.

## KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN MICROSOFT : WORD, EXCEL DAN POWERPOINT

Program tersebut telah diadakan pada 18 – 19 Mei 2015, di Bilik Komputer, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 30 orang terdiri daripada kalangan pegawai di JKSM dan JKSN/MSN. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Mempertingkatkan pengetahuan dalam mengaplikasi Microsoft Word untuk menyediakan dokumen di jabatan masing-masing
- ii. Mendalami keperluan penggunaan aplikasi Microsoft Excel dan meningkatkan kemahiran dan kecekapan peserta dalam menggunakan perisian tersebut; dan
- iii. Meningkatkan kemahiran dalam pengendalian Microsoft Powerpoint sebagai medium persembahan, dan memantapkan kemahiran penyampaian maklumat dan komunikasi yang berkesan.

(GAMBAR : LAMPIRAN 19)



## KURSUS PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN

Kursus tersebut telah diadakan pada 19 - 21 Mei 2015, di Dewan Persidangan, MSWP Putrajaya. Peserta seramai 35 orang terdiri daripada Pegawai JKSM/JKSN/AG/JBG/Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia gred LS 41. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Meningkatkan tahap kefahaman Pegawai Syariah dalam beberapa aspek tertentu dalam undang-undang Keterangan Syariah secara praktikal;
- ii. Memberikan peluang kepada Pegawai Syariah bertukar-tukar pandangan dari sudut pemakaian Undang-undang Keterangan Syariah dan;
- iii. Membolehkan Pegawai Syariah berkongsi pengalaman agar satu keselarasan dapat dirumuskan secara berkesan.



## KURSUS PENYELARASAN FORMAT PENGURUSAN MESYUARAT

Kursus tersebut telah diadakan pada 21 Mei 2015, di Bilik Kuliah 1, Masjid Putra, Putrajaya. Peserta berjumlah 35 orang terdiri daripada Kakitangan Sokongan dan Pegawai Pengurusan Tertinggi JKSM. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i) Mengetahui dengan jelas dan mendalam mengenai tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas mesyuarat bagi memastikan mesyuarat berjalan lancar dan produktif.
- ii) Memastikan setiap mesyuarat yang dijalankan menyumbang ke arah pencapaian matlamat yang dimaksudkan.
- iii) Mahir mendengar, mengamati dan merumuskan perbincangan mesyuarat bagi menghasilkan minit mesyuarat yang tepat dan padat dalam kadar segera.
- iv) Menyelaraskan Format pengurusan mesyuarat di peringkat JKSM dan Bahagian-bahagian.

(GAMBAR : LAMPIRAN 21)



#### DISKUSI PERMOHONAN PERINTAH PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN (4P)

Program tersebut telah diadakan pada 22 Mei 2015, di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, JKSM. Peserta berjumlah 14 orang terdiri daripada Hakim-hakim Rayuan JKSM, Ketua Pendaftar, Pengarah-pengarah Bahagian di JKSM dan Ketua Unit Integriti. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memuktamadkan cadangan carta alir kerja dan SOP seperti yang dibincangkan dalam Persidangan KPNCR/KP Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia kali Pertama dan Kedua;
- ii. Menyeragamkan dan menyelaraskan Kes Permohonan 4P yang berlawanan dengan Akta/E.UKI untuk digunakan seluruh Malaysia; dan
- iii. Membolehkan peserta saling bertukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai bidang tugas masing-masing terutamanya dalam konteks Permohonan Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan (4P).

#### AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN - JUN 2015

#### BENGKEL SEMAKAN DASAR KESELAMATAN ICT

Bengkel tersebut telah diadakan pada 11 – 12 Jun 2015, di Dewan Persidangan Aras 4, MSWP Putrajaya. Peserta seramai 10 orang terdiri daripada Skim F (Teknologi Maklumat) gred 17 hingga 44. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memuktamadkan dan menambahbaik Dasar keselamatan ICT, JKSM/JKSN/MSN; dan
- ii. Membolehkan peserta saling bertukar pendapat serta berkongsi pengalaman dan ilmu mengenai bidang tugas masing-masing terutamanya dalam konteks menjamin kesinambungan urusan JKSM/JKSN dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.

## KURSUS PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN AKRUAN

Kursus tersebut telah diadakan pada 15 – 17 Jun 2015, di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi. Peserta berjumlah 24 orang terdiri daripada Pegawai Syariah dan Pembantu Tadbir (W) BSK dari gred 17 hingga 44. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Meningkatkan kemahiran dan kecekapan peserta dalam pengendalian Akaun Amanah supaya selari dengan kehendak Akta/Peraturan Kewangan yang ditetapkan;
- ii. Memberi pendedahan dalam mengurus dan mengendalikan hal-hal kewangan BSK dan Akaun Amanah BSK negeri-negeri;
- iii. Memberi pendedahan dan penekanan kepada peserta berhubung prosedur Hapuskira Wang Awam dan Tatacara Perakaunan Akaun Belum Terima; dan
- iv. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Pembantu Tadbir Kewangan diperingkat negeri serta mencari jalan penyelesaian dengan mewujudkan beberapa cadangan penambahbaikan.

## KURSUS FORENSIK DAN DNA PROFILING

Kursus tersebut telah diadakan pada 15 – 17 Jun 2015, di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi. Peserta berjumlah 32 orang terdiri daripada Pegawai Syariah dan Pegawai Penyelidik JKSM serta Pendakwa Syarie seluruh Malaysia gred LS41 – LS52. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Memperkenalkan peserta kepada kerja-kerja ahli kimia dalam menyelesaikan isu-isu forensik dalam kes jenayah syariah;
- ii. Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan teknik-teknik pengambilan dan pengendalian contoh atau “sample” bagi kes jenayah syariah; dan
- iii. Memberi pengetahuan kepada peserta berkaitan pengujian dan siasatan berkaitan forensik dan DNA.

## KURSUS PENGURUSAN MYMESYUARAT JKSM

Kursus tersebut akan diadakan pada 25 Jun 2015, di Bilik Latihan Komputer, MSWP Putrajaya. Peserta berjumlah 34 orang terdiri daripada Pengarah-pengarah Bahagian dan urus setia – urus setia mesyuarat. Di antara objektif utama program ini adalah:-

- i. Mengetahui dengan jelas dan mendalam mengenai tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas mesyuarat bagi memastikan mesyuarat berjalan lancar dan produktif;
- ii. Mengenalpasti penggunaan myMesyuarat; dan
- iii. Memastikan setiap mesyuarat yang dijalankan menyumbang ke arah pencapaian matlamat yang dimaksudkan.



AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN DASAR &  
PENYELIDIKAN(BDP)**

## NAMA BAHAGIAN : BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

### 1. PENDAHULUAN

Bahagian Dasar dan Penyelidikan mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Undang-undang dan Syariah dan Seksyen Penyelidikan Hal Ehwal Mahkamah Syariah. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian, Pegawai Syariah Gred LS48. Fungsi bahagian ini adalah merancang dan menjalankan penyelidikan berhubung hal ehwal Mahkamah Syariah dan perundangan syariah di peringkat nasional dan antarabangsa serta memperhalusi undang-undang syariah sedia ada dan digunapakai di Mahkamah Syariah agar lebih kemas dan berkesan.

### 2. KEKUATAN

Bilangan kakitangan sedia ada di dalam waran perjawatan

JAWATAN	GED	BILANGAN
Pakar Rujuk	GED 54(Terbuka)	1
PS	LS48	1
PS	LS44	6
PS	LS41/LS44	1
PPS	LS27/LS32	4
Pem. Syariah	LS17/LS22	2
PT(P/O)	N17/N22	2
JUMLAH		17

Bahagian ini diketuai oleh seorang (1) Pengarah Bahagian, Pegawai Syariah Gred LS48. Bahagian ini terbahagi kepada dua seksyen utama iaitu Seksyen Penyelidikan Undang-undang dan Syariah dan Seksyen Penyelidikan Hal Ehwal Mahkamah Syariah. Pengarah Bahagian dibantu oleh enam (6) orang Penolong Pengarah Kanan (PPK), Pegawai Syariah gred LS44 dan satu (1) orang Penolong Pengarah (PP), Pegawai Syariah gred LS41.

Manakala perjawatan Penasihat Pembangunan Dasar dan Pengurusan Syariah (Pakar Rujuk) Gred 54 (Terbuka) diletakkan di bawah Pejabat Ketua Pengarah, JKSM. Seksyen Penyelidikan Undang-undang dan Syariah terbahagi kepada empat unit iaitu:

- i. Unit Penyelidikan Peraturan dan Kaedah Mahkamah Syariah yang diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan LS44.
- ii. Unit Penyelidikan Tatacara dan Keterangan Mahkamah Syariah diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan LS44.
- iii. Unit Penyelidikan Ahwal Syakhsiah dan Jenayah Syariah diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan LS44.
- iv. Unit Penyelidikan Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan LS44.

Seksyen Penyelidikan Hal Ehwal Mahkamah Syariah terbahagi kepada 3 unit iaitu:

- i. Unit Penyelidikan Pembangunan Sumber Manusia diketuai oleh Penolong Pengarah gred LS41;
- ii. Unit Penyelidikan Keperluan Pembangunan Mahkamah Syariah yang diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan gred LS44;
- iii. Unit Penyelidikan Pengurusan Kes Mahkamah Syariah diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan gred LS44.

Jawatan sokongan pula diisi oleh empat (4) orang Penolong Pegawai Syariah gred LS27/LS32 (KUP 15 tahun), dua (2) orang Pembantu Syariah gred LS17/LS22 (KUP 15 tahun) dan seorang (1) Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi (PT/PO) gred N17/N22 (KUP 15 tahun).

Bilangan kekosongan jawatan berdasarkan waran perjawatan  
- seorang (1) Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi (PT/PO) gred N17/N22 (KUP 15 tahun).

Bilangan kakitangan kontrak dan tetap  
-Tiada-

### 3. PENCAPAIAN

Objektif Penubuhan Bahagian

1. Menjalankan penyelidikan berkaitan perundangan syariah dan pengurusan pentadbiran di Mahkamah Syariah secara berkualiti dan menyeluruh dalam masa yang ditetapkan.
2. Mengeluarkan maklumat-maklumat semasa yang terkini berhubung dengan perkembangan undang-undang syariah yang diguna pakai di Mahkamah Syariah.
3. Memperhalusi undang-undang syariah bagi memartabatkan Mahkamah dan undang-undang syariah.
4. Menjalankan penyelidikan berkaitan dasar jabatan dan memberi maklumbalas berkaitan pandangan jabatan terhadap sesuatu isu ke Agensi-Ageni lain yang berkaitan sama ada di dalam atau di luar Negara.

Objektif Kualiti Bahagian

Mematikan kajian/penyelidikan jangka pendek diselesaikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Senarai Perancangan Aktiviti Bahagian Tahun 2015.

c. Senarai Perancangan Aktiviti Bahagian 2015

ii. Aktiviti/Program BDP

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM	KEKERAPAN PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Arab Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	5 kali setahun	9 -11Feb 2015 7-9 April 2015 2-4 Jun 2015 4-6 Ogos 2015 6-8 Oktober 2015	JKSM / MSN	AJK Teknikal Bahasa Arab
2	Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Inggeris Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	3 kali setahun	2-4 Mei 2015 / 16-18 Sept. 2015		
3	Multaqa Panel Pentashih Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	2 kali setahun	27-29 Oktober 2015	JKSM/JKSN	HMRys., KP, PK(K) dan Panel Pentashih
4	Muzakarah Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia kali ke 5	1 kali setahun	9-11 Jun 2015	Langkawi Kedah	Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia

d. Pencapaian Objektif Kualiti Bahagian 2015 Secara Terperinci

ii. Aktiviti/Program BDP

d. Pencapaian Objektif Kualiti Bahagian 2015 Secara Terperinci

ii. Aktiviti/Program BDP

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM	KEKERAPAN PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Arab Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	5 kali setahun	10-12 Feb 2015 7-9 April 2015 25-27 Mei 2015 25-27 Ogos 2015 9-11 Sept. 2015	MSWP Putrajaya/ JKSN Terengganu/ JKSN Kelantan/ JKSN Kelantan/ JKSN Terengganu	AJK Teknikal Bahasa Arab
2	Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Inggeris Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	3 kali setahun	2 – 4 Mac 2015/ 4-6 Ogos 2015	MSWP Putrajaya/ JAKESS	AJK Teknikal Bahasa Inggeris
3	Multaqa Panel Pentashih Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah	2 kali setahun	27-29 Okt. 2015 / 24-26 Nov. 2015	JKSM	HMRys., KP, PK(K) dan Panel Pentashih
4	Muzakarah Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia kali ke 5	1 kali setahun	11-13 Nov. 2015	Institut Kesejahteraan Bandar Dan Kerajaan Tempatan, Berjaya Hill Pahang	Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia

i. Kajian/Kertas Cadangan

BIL	PERKARA	SASARAN KERJA
<b>KAJIAN/PENYELIDIKAN</b>		
1.	Kajian impak pengurusan dan pengendalian kes rayuan di JKSM	Kajian dijalankan selama 6 bulan dan selesai pada 2 Julai 2015. Penasihat kajian ialah Dr Nik Hasnaa binti Nik Mahmood. Kajian telah dibentangkan pada 11 November 2015.
2.	Kajian impak latihan anjuran JKSM (2010-2014)	Kajian ini telah dijalankan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan, JKSM dengan kerjasama Prof. Madya Dr. Nik Hasnaa Binti Nik Mahmood (UTM). Kajian ini bermula pada 26 Januari 2015 dan telah disiapkan pada 31 Disember 2015.
<b>KERTAS CADANGAN</b>		
1.	Kertas Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan MS ISO 9001:2008 berkaitan  Pengendalian Kes Mahkamah Rayuan, Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Kepuasan Pelanggan Dalam JKSM bagi tahun 2015	Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun

KAJIAN/ PENYELIDIKAN TAHUN 2015

BIL	KAJIAN/PENYELIDIKAN	PENCAPAIAN
1	Kajian impak pengurusan dan pengendalian kes rayuan di JKSM	Kajian dijalankan selama 6 bulan dan selesai pada 2 Julai 2015. Penasihat kajian ialah Dr Nik Hasnaa binti Nik Mahmood. Kajian telah dibentangkan pada 11 November 2015.
2.	Kajian impak latihan anjuran JKSM (2010-2014)	Kajian ini telah dijalankan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan, JKSM dengan kerjasama Prof. Madya Dr. Nik Hasnaa Binti Nik Mahmood (UTM). Kajian ini bermula pada 26 Januari 2015 dan telah disiapkan pada 31 Disember 2015.

BIL	KERTAS CADANGAN	TARIKH ARAHAN	TARIKH SIAP	TEMPOH
1.	Kertas Laporan Kajian Keuasan Pelanggan MS ISO 9001:2008 berkaitan Pengendalian Kes Mahkamah Rayuan, Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Keuasan Pelanggan Dalam JKSM.	Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun	Laporan kajian ini telah disiapkan sepenuhnya dan akan dibentangkan dalam MKSP 2015 pada bulan April 2016	3 bulan

e. Pencapaian Aktiviti Bahagian 2015 Yang Berjaya Dilaksanakan

- i. Multaqa Panel Pentashih Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah berjaya dilaksanakan 2 kali setahun bagi menyemak nas bahasa inggeris. Di samping itu juga, panel pentashih berjaya menyemak 2 buah kitab terjemahan (Hukum Ruju' dalam Islam dan Hadhanah) oleh ahli Jawatankuasa Teknikal Penterjemahan Bahasa Arab bagi Portal E-Syariah.
- ii. Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Arab Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah telah berjaya dilaksanakan dalam tahun tersebut seperti yang dirancang 5 kali setahun.
- iii. Multaqa Jawatankuasa Teknikal Bahasa Inggeris Nas Al Quran, Al Hadith Dan Pendapat Fuqaha' Bagi Portal E-Syariah pada tahun 2015 telah berjaya dilaksanakan sebanyak 2 kali sahaja berikutan KPI Tan Sri Ketua Hakim Syaries telah berjaya dicapai.
- iv. Muzakarah Pegawai Penyelidik seluruh Malaysia telah berjaya dilaksanakan sekali setahun mengikut perancangan yang ditetapkan.
- v. Kajian Impak Pengurusan dan Pengendalian Kes Rayuan/Semakan Mahkamah Rayuan Syariah di JKSM. Kajian dijalankan selama 6 bulan dan selesai pada 2 Julai 2015. Penasihat kajian ialah Dr Nik Hasnaa binti Nik Mahmood. Kajian telah dibentangkan pada 11 November 2015.
- vi. Kajian Impak Latihan Anjuran JKSM (2010-2014) telah dijalankan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan, JKSM dengan kerjasama Prof. Madya Dr. Nik Hasnaa Binti Nik Mahmood (UTM). Kajian ini bermula pada 26 Januari 2015 dan telah disiapkan pada 31 Disember 2015.
- vii. Kertas Laporan Kajian Keuasan Pelanggan MS ISO 9001:2008 berkaitan Pengendalian Kes Mahkamah Rayuan, Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Keuasan Pelanggan Dalam JKSM bagi tahun 2015 telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

- viii. Bahagian Dasar & Penyelidikan mengurussetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembinaan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Kes (Case Management) di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan bagi tujuan membina tatacara pengurusan kes yang dapat diselaraskan dan digunapakai di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
- ix. Bahagian Dasar & Penyelidikan kali pertamanya telah mewakili JKSM bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif diperingkat JPM. Dengan menggunakan nama Kumpulan Dinamik, Bahagian Dasar & Penyelidikan telah mempertandingkan Projek KIK 'MyResearch'. Melalui projek ini, mereka mencadangkan pengkalan data kajian yang pernah dilaksanakan oleh Jabatan bagi memudahkan pencarian bahan-bahan rujukan. beberapa cadangan yang baik bagi memastikan warga JKSM mendapatkan data serta input berkaitan kajian yang dijalankan oleh JKSM.

#### 4. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya prestasi aktiviti dan program Bahagian Dasar dan Penyelidikan adalah tercapai seperti mana yang dirancang dalam Perancangan Tahunan JKSM.



1. Multaqa Jawatankuasa B.Inggeris

Multaqa ini telah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang 2015 sebagaimana yang dirangka dalam perancangan tahunan JKSM. Multaqa pertama pada 2 - 4 Mac 2015 bertempat di Mahkamah Syariah Putrajaya, manakala bagi siri kedua pula pada 4-6 ogos 2015 bertempat di JAKESS. Multaqa ini adalah bertujuan untuk 47 nas al-Quran, al-Hadith dan pendapat fuqaha yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Ingggris untuk diangkat ke Jawatankuasa Penal Pentashih JKSM.



## 2. Multaqa Jawatankuasa B.Arab.

Multaqa jawatankuasa ini telah diadakan sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2015. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menterjemah nas-nas Syarak dari bahasa arab kedalam bahasa melayu untuk disampaikan kepada pembaca dalam kalangan masyarakat Islam yang berbeza latar belakang pendidikan. Hasil terjemahan tersebut akan dibentangkan diperingkat Jawatankuasa Pentashih JKSM. Tarikh-tarikh multaqa adalah seperti berikut :

- 1).10-12 mac 15 – MSWP Putrajaya
- 2). 7-0 april 15 - JKSN Terengganu
- 3). 25-27 mei 15 - JKSN Kelantan
- 4). 25-27 ogos 15 - MSWP Putrajaya
- 5). 9-11 sept 15 - JKSN Terengganu



## MULTAQA AKBAR PANEL PENTASHIH PENTERJEMAHAN NAS SYARAKJKSM 2015

Multaqa Akbar Panel Pentashih Penterjemahan Nas Syarak JKSM bagi tahun 2015 dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan tarikh yang ditetapkan.

Pada 27-29 Okt 2015, JKSM melakar sejarahnya yang tersendiri dengan berjaya menyemak serta mengesahkan 47 nas al-Quran, al-Hadith dan pendapat fuqaha yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris sekaligus mencatat kecemerlangan buat kali yang ke seterusnya pencapaian KPI YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim JKSM pada tahun 2015. Begitu juga dengan projek penterjemahan kitab secara suntingan teks-teks utama dari nas al-Quran, al-Hadith dan pendapat fuqaha berkenaan seputar isu Hadhanah dan kesannya kepada perkembangan akhlak anak-anak menurut kacamata perundangan Islam berjaya disiapkan.

Manakala pada 24-26 November 2015 pula, terjemahan kitab Hukum Hakam berkaitan isu rujuk secara suntingan teks-teks utama dari nas al-Quran, al-Hadith dan pendapat turut berjaya dilaksanakan.

Pengerusi Multaqa Akbar Panel Pentashih Penterjemahan Nas Syarak JKSM YAA. Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut mewakili JKSM mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAA. Dato' Aria DiRaja Haji Daud bin Mohammad Ketua Hakim SyarieNegeri Kelantan selaku ketua fasilitator, dan dibantu oleh barisan fasilitator Prof. Madya Dr. Rosni bin Samah, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Bahasa Utama, USIM dan Puan Sulhah binti Ramli Pensyarah Fakulti Pendidikan Bahasa Utama, USIM di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang projek terjemahan ini berlangsung.

Selaras dengan kehendak dan komitmen Kerajaan, penterjemahan nas-nas Syarak ini adalah bertujuan untuk disampaikan kepada pembaca dalam kalangan masyarakat Islam yang berbeza latar belakang pendidikan. Penterjemahn secara suntingan ini lebih unik dan tertumpu kepada point-point penting, gaya bahasa yang mudah dan dekat dengan hati pembaca agar ianya mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat. Penterjemahan ini juga merupakan salah satu cara produk atau perkhidmatan sesebuah jabatan kerajaan itu dapat disampaikan dengan cepat dan tepat bagi memahami aspirasi Negara khususnya dalam bidang penterjemahan dan Research and Development menjelang 2020





Semoga usaha dan sumbangan semua pihak tidak kira sebesar mana pun dalam membantu memartabatkan perundangan islam di Negara ini dinilai atas mizan Allah SWT.



### 3. Muzakarah Pegawai Penyelidik kali ke 5

Pada 11-13 Nov 2015 Bahagian Dasar & Penyelidikan telah menganjurkan Muzakarah Pegawai Penyelidik mahkamah Syariah Kali ke 5 bertempat di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT). Muzakarah ini menghimpunkan semua pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, termasuk juga Penolong Penasihat Undang-undang (Syariah) Negeri. Muzakarah Pada kali ini berlangsung dengan jayanya.



#### 4. KAJIAN IMPAK LATIHAN ANJURAN JKSM (2010-2014)

Kajian ini telah dijalankan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan, JKSM dengan kerjasama Prof. Madya Dr. Nik Hasnaa Binti Nik Mahmood (UTM). Kajian ini bermula pada 26 Januari 2015 dan telah disiapkan pada 31 Disember 2015. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti impak dan keberkesanan latihan anjuran JKSM bagi tahun 2010 hingga 2014. Lebih khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

i) Menenalpasti tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Latihan terhadap cadangan penambahbaikan kajian lepas.

- ii. Menenalpasti penilaian peserta terhadap pengurusan dan pengendalian latihan di JKSM.
- iii. Mengkaji impak program latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan JKSM kepada peserta kursus.
- iv. Mengkaji impak program latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan JKSM kepada JKSM.
- v. Mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan impak dan keberkesanan program latihan anjuran Bahagian Latihan JKSM.

Kajian ini telah menggunakan gabungan kaedah penyelidikan iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data bagi menjawab semua persoalan kajian serta mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa latihan anjuran JKSM bagi tahun 2010-2014 memberi impak kepada peserta dari segi peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengaplikasian kemahiran selepas menghadiri latihan. Selain daripada itu, latihan yang dianjurkan oleh JKSM juga memberi impak terhadap prestasi dan imej JKSM serta menghasilkan pulangan pelaburan (ROI) di mana setiap pelaburan yang dikeluarkan untuk menganjurkan latihan memberi pulangan yang baik kepada JKSM.

#### JAWATANKUASA KERJA PEMBINAAN TACARA PELAKSANAAN PENGURUSAN KES (CASE MANAGEMENT) DI MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA

Bahagian Dasar & Penyelidikan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembinaan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Kes (Case Management) di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan bagi tujuan membina tatacara pengurusan kes yang dapat diselaraskan dan digunapakai di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Sehubungan itu, satu lawatan kerja dan dua kali mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Lawatan Kerja bagi membincangkan Amalan Pengurusan Kes (Case Management) di Mahkamah Sivil	9 Februari 2015	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur.

2	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembinaan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Kes (Case Management) di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil 1/2015	8 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat Utama, JKSM..
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembinaan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Kes (Case Management) di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil 2/2015	4 November 2015	Bilik Mesyuarat Aras 4, Mahkamah Syariah Putrajaya, Putrajaya.

#### 5. KAJIAN IMPAK PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KES RAYUAN DI JKSM

Satu mesyuarat Jawatankuasa Kajian Impak JKSM telah diadakan pada 16 Januari 2015 oleh Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod (BPKR) bersama dengan BDP. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Pengurusan JKSM bersetuju supaya BDP menjalankan satu kajian bertajuk Kajian Impak Pengurusan dan Pengendalian Kes Rayuan/Semakan Mahkamah Rayuan Syariah di JKSM. Kajian dijalankan selama 6 bulan dan selesai pada 2 Julai 2015. Penasihat kajian ialah Dr Nik Hasnaa binti Nik Mahmood. Kajian telah dibentangkan pada 11 November 2015.

#### 6. KAJIAN PENYELESAIAN KES DALAM TEMPOH DUA BELAS BULAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2012

Bahagian Dasar & Penyelidikan telah menjalankan kajian penyelesaian kes dalam tempoh dua belas bulan di mahkamah syariah seluruh malaysia bagi tahun 2012. Antara aktiviti sepanjang Kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Penambahbaikan Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	16 Januari 2015 (Jumaat)	Bilik Latihan Komputer Aras 4, Mahkamah Syariah Putrajaya
2.	Mesyuarat Penambahbaikan Kajian Penyelesaian Kes Bersama Pengarah Kanan Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	13 Mac 2015	Bilik Latihan Komputer Aras 4, Mahkamah Syariah Putrajaya
3.	Mesyuarat Penambahbaikan Slide Bagi Pembentangan Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	2 April 2015	Bilik Mesyuarat Aras 4, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

4.	Mesyuarat Penambahbaikan Slide Bagi Pembentangan Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	15 Mei 2015	Bilik Mesyuarat Aras 4, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
5.	Mesyuarat Pembentangan Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	11 Jun 2015	Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 3 JKSM
6.	Mesyuarat Penambahbaikan Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	7 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 3 JKSM
7.	Kajian Lapangan Bagi Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	17 Ogos 2015	Mahkamah Syariah Kuala Lumpur.
8.	Perbincangan Penambaaikan Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	4 September 2015	Razak School UTM, Semarak.
9.	Mesyuarat Pembentangan Hasil Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bagi Tahun 2012 (Pilot test Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan)	14 September 2015	Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 3 JKSM

## 7. KIK JPM

Pada 15-16 Jun 2015 di MAEPS Sedang Bahagian Dasar & Penyelidikan kali pertamanya telah mewakili JKSM bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif diperingkat JPM. Dengan menggunakan nama Kumpulan Dinamik, Bahagian Dasar & Penyelidikan telah mempertandingkan Projek KIK 'MyResearch'. Melalui projek ini, mereka mencadangkan pengkalan data kajian yang pernah dilaksanakan oleh Jabatan bagi memudahkan pencarian bahan-bahan rujukan. beberapa cadangan yang baik bagi memastikan warga JKSM mendapatkan data serta input berkaitan kajian yang dijalankan oleh JKSM.





AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA  
(BSK)**

## 1. LAPORAN STATISTIK JAN HINGGA DISEMBER 2015

### STATISTIK UNIT KHIDMAT NASIHAT & PERUNDANGAN (UKNP) BSK SELURUH MALAYSIA BAGI JANUARI - DISEMBER 2015

BIL	NEGERI	BAKI 2014	JAN		FEB		MAC		APRIL		MEI		JUN		JULAI		OGOS		SEP		OKT		NOV		DIS	
			D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S
1	N. Sembilan	5	22	6	9	6	13	15	12	13	15	16	9	14	4	11	6	5	26	7	10	14	0	12	4	7
2	Melaka	6	1	4	5	4	6	3	9	5	4	6	4	5	3	5	0	5	14	4	12	10	5	8	12	6
3	Johor	14	16	19	8	8	8	6	10	9	10	12	4	4	6	5	6	0	8	8	11	8	6	13	14	5
4	P. Pinang	12	3	2	2	1	2	3	8	0	0	1	1	1	1	1	2	1	10	5	4	23	6	1	1	0
5	Perlis	0	8	5	8	3	5	4	5	6	5	7	6	7	6	8	5	2	3	3	3	0	3	6	1	0
6	Pahang	3	5	4	2	2	4	3	2	4	1	0	9	4	5	7	2	0	0	6	3	2	2	1	2	2
7	Terengganu	17	32	15	12	13	6	13	12	16	15	18	5	16	4	7	8	3	11	5	7	10	13	9	10	12
8	Kelantan	19	6	2	6	14	9	10	10	6	9	7	4	6	1	7	0	0	5	5	8	4	12	0	3	14
9	Sabah	22	3	2	9	6	10	11	8	1	4	6	2	4	3	3	3	3	7	3	5	1	5	3	4	2
10	Wilayah Persekutuan Selangor	12	5	6	10	3	11	9	10	13	11	9	12	14	9	9	6	9	6	3	7	10	11	11	4	4
11	Kedah	30	14	9	14	14	6	13	12	12	12	8	10	20	8	11	13	11	15	13	14	14	6	6	8	8
12	Sarawak	11	6	6	6	1	14	5	7	8	4	2	7	6	7	3	6	2	5	3	6	14	1	0	0	0
13	Sarawak	6	2	5	0	2	1	1	4	2	8	2	2	8	0	3	6	6	3	6	1	4	3	6	1	2
14	Perak	22	14	22	10	12	24	19	23	24	6	11	16	15	7	10	8	11	31	11	9	21	12	12	15	9
<b>JUMLAH</b>		<b>179</b>	<b>137</b>	<b>107</b>	<b>101</b>	<b>89</b>	<b>119</b>	<b>115</b>	<b>132</b>	<b>119</b>	<b>104</b>	<b>105</b>	<b>91</b>	<b>124</b>	<b>64</b>	<b>90</b>	<b>71</b>	<b>58</b>	<b>144</b>	<b>82</b>	<b>100</b>	<b>135</b>	<b>85</b>	<b>88</b>	<b>79</b>	<b>71</b>

Jumlah daftar keseluruhan 1227 dan jumlah selesai keseluruhan 1183

**STATISTIK UNIT PENGURUSAN DANA (UPD) BSK SELURUH MALAYSIA  
BAGI JANUARI - DISEMBER 2015**

BIL	NEGERI	BAKI 2014	JAN		FEB		MAC		APRIL		MEI		JUN		JULAI		OGOS		SEP		OKT		NOV		DIS	
			D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S
1	N. Sembilan	10	0	1	0	1	0	2	1	1	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	2	1
2	Melaka	29	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	Johor	40	6	6	6	0	6	0	6	0	6	6	6	0	6	6	6	6	6	6	6	20	4	0	6	0
4	P. Pinang	13	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	Perlis	9	0	1	1	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0	1	7	0	0	0	0	0	2	0	0	0
6	Pahang	24	4	0	1	0	1	0	1	0	0	8	2	0	3	0	1	0	0	0	1	0	1	0	2	0
7	Terengganu	50	0	0	0	2	0	0	0	0	6	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	2	0
8	Kelantan	44	0	0	0	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	Sabah	27	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	W. Persekutuan	92	2	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0
11	Selangor	110	0	7	0	0	2	13	0	0	0	8	0	1	3	2	0	0	1	2	2	0	4	6	0	5
12	Kedah	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
13	Sarawak	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	26	0	3	0	0	0	0	0	0	0
14	Perak	8	17	0	0	0	0	0	0	0	0	15	0	0	16	0	0	0	0	0	0	0	0	0	13	13
<b>JUMLAH</b>		<b>482</b>	<b>29</b>	<b>16</b>	<b>9</b>	<b>5</b>	<b>9</b>	<b>15</b>	<b>9</b>	<b>1</b>	<b>15</b>	<b>25</b>	<b>23</b>	<b>1</b>	<b>13</b>	<b>25</b>	<b>19</b>	<b>33</b>	<b>8</b>	<b>11</b>	<b>10</b>	<b>21</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>25</b>	<b>19</b>

**Jumlah daftar keseluruhan 181 dan jumlah selesai keseluruhan 178- termasuk baki tahun 2014**

**STATISTIK UNIT PENGUATKUASAAN & PERLAKSANAAN PERINTAH (UPPP) BSK SELURUH MALAYSIA  
BAGI JANUARI - DISEMBER 2015**

BIL	Negeri	BAKI 2014	JAN		FEB		MAG		APRIL		MAY		JUN		JULAI		OGOS		SEP		OKT		NOV		DIS		
			D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D	S	D
1	N. Sembilan	56	13	4	0	5	5	2	5	2	7	9	10	2	4	6	1	9	27	7	9	12				6	10
2	Melaka	72	1	2	1	4	13	5	4	5	5	4	1	1	0	3	3	4	0	3	2	4	1	7	2	2	
3	Johor	125	13	7	15	6	5	20	6	5	12	15	5	9	5	5	6	19	14	19	5	9	5	6	6	15	
4	P. Pinang	95	2	6	2	4	4	1	5	0	1	2	0	3	1	2	1	1	5	3	2	3					
5	Perlis	21	4	11	3	4	1	0	2	2	4	6	1	1	7	3	3	2	6	3	0	0	0	0	3	9	
6	Perang	14	0	1	0	0	2	0	0	0	0	0	0	4	0	2	3	0	0	4	2	2	2		1	3	
7	Terengganu	95	9	3	11	20	26	13	13	19	10	21	12	15	3	7	1	14	4	13	5	14	6	12	5	4	
8	Kelantan	65	1	4	2	5	3	6	4	7	12	2	5	6	5	1	0	0	1	3	4	2	3	3	2	1	
9	Sabah	44	2	1	10	0	3	4	1	9	15	2	4	2	3	0	1	2	3	5	1	1	0	5			
10	N. Borneo	65	5	6	13	11	4	11	7	5	4	5	7	7	7	4	4	5	5	2	6	11	5	9	4	5	
11	Selangor	139	9	4	19	11	12	7	13	15	7	9	15	11	17	10	15	1	14	13	19	15			7	6	
12	Kedah	11	0	0	1	0	4	1	2	0	3	3	0	0	0	0	0	1	1	1	1	1					
13	Sarawak	33	5	4	2	1	1	22	2	3	3	2	6	2	1	5	2	23	5	1	4	4			4	0	
14	Perak	59	11	10	9	5	15	11	15	15	7	9	13	6	5	5	10	4	5	15	15	7	13	5	7	5	
<b>JUMLAH</b>		<b>924</b>	<b>79</b>	<b>51</b>	<b>51</b>	<b>55</b>	<b>191</b>	<b>172</b>	<b>92</b>	<b>94</b>	<b>92</b>	<b>92</b>	<b>95</b>	<b>95</b>	<b>95</b>	<b>97</b>	<b>47</b>	<b>95</b>	<b>100</b>	<b>90</b>	<b>79</b>	<b>95</b>	<b>93</b>	<b>50</b>	<b>47</b>	<b>52</b>	

**Jumlah daftar keseluruhan 902 dan jumlah selesai keseluruhan 969 termasuk baki 2014**

Petujuk :

D = (Daftar Kes)

S = (Selesai Kes)

## 2. LAPORAN PENGURUSAN DANA KUMPULAN WANG AMANAH SOKONGAN KELUARGA (KWASK) JKSM

2.1 Pengumpulan pemusatan maklumat berkaitan kewangan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) adalah berpandukan sumbangan dana yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM15 juta pada September 2010, manakala RM2,037,250.00 lagi merupakan sumbangan daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia. Jumlah keseluruhan sumbangan diterima adalah sebanyak RM17,037,250.00.


Negeri	Dana Persekutuan (Launching)	Dana Persekutuan (Matching)	Jumlah
SELANGOR	100,000.00	200,000.00	300,000.00
N. SEMBILAN	100,000.00	-	100,000.00
MELAKA	100,000.00	100,000.00	200,000.00
JOHOR	100,000.00	100,000.00	200,000.00
PULAU PINANG	100,000.00	100,000.00	200,000.00
PERLIS	100,000.00	50,000.00	150,000.00
KEDAH	100,000.00	100,000.00	200,000.00
PAHANG	100,000.00	100,000.00	200,000.00
TERENGGANU	100,000.00	687,250.00	787,250.00
KELANTAN	100,000.00	-	100,000.00
SARAWAK	100,000.00	100,000.00	200,000.00
SABAH	100,000.00 <sup>** (1)</sup>	-	-
PERAK	100,000.00	100,000.00	200,000.00
WILAYAH PERSEKUTUAN	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,200,000.00</b>	<b>1,637,250.00</b>	<b>2,837,250.00</b>

Negeri	Dana Negeri (Maj Agama Islam Negeri)	Dana Persekutuan (Launching & Matching)	Jumlah
SELANGOR	200,000.00	300,000.00	500,000.00
N. SEMBILAN	-	100,000.00	100,000.00
MELAKA	100,000.00	200,000.00	300,000.00
JOHOR	100,000.00	200,000.00	300,000.00
PULAU PINANG	100,000.00	200,000.00	300,000.00
PERLIS	50,000.00	150,000.00	200,000.00
KEDAH	100,000.00	200,000.00	300,000.00
PAHANG	100,000.00	200,000.00	300,000.00
TERENGGANU	687,250.00	787,250.00	1,474,500.00
KELANTAN	-	100,000.00	100,000.00
SARAWAK	100,000.00	200,000.00	300,000.00
SABAH	-	100,000.00 <sup>** (1)</sup>	-
PERAK	100,000.00	200,000.00	300,000.00
WILAYAH PERSEKUTUAN	600,000.00 (BSK Transit - 100,000)	-	600,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2,237,250.00</b>	<b>2,837,250.00</b>	<b>5,074,500.00</b>

\*\* (1) RM 100,000.00 dibayar terus kepada penerima dana menerusi BSK JKSM sehingga pindaan Arahan Akaun Amanah BSK JKSM Seksyen 9 diluluskan.

2.2 Sebanyak RM2,837,250.00 telah diagihkan kepada BSK Seksyen negeri berdasarkan konsep 'launching grant dan matching grant' untuk tujuan penyaluran dana kepada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yang berkelayakan.

2.3 Status baki dana KWASK (Seksyen 10) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM15 juta sehingga Disember 2015 adalah berjumlah RM3,398,877.00. Baki ini merangkumi pembayaran pendahuluan dana berjumlah RM245,006.26, penyaluran dana ke negeri-negeri berjumlah RM2,837,250.00, pelaburan sebanyak RM10 juta, kutipan balik sebanyak RM53,650.00 dan keuntungan pelaburan iaitu sebanyak RM1,427,484.00




2.4 Manakala baki dana KWASK yang tidak mengambil kira kutipan balik dan juga keuntungan pelaburan adalah sebanyak RM1,917,743.00.

### 3. LAPORAN PENGURUSAN DANA AKAUN AMANAHBAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (AABSK) JKSM


Akaun Amanah BSK Seksyen 9 yang ditadbir oleh BSK, JKSM adalah bagi menguruskan dana di Wilayah Persekutuan. Akaun ini menerima sumbangan dana daripada MAIWP sebanyak RM600,000.00 dengan pecahannya RM500,000.00 bagi pengoperasian pendahuluan dana nafkah sementara RM100,000.00 lagi adalah bagi pelaksanaan perkhidmatan BSK Transit.

Sehingga Disember 2015, BSK telah menyalurkan dana sebanyak RM397,780.00 sementara jumlah keseluruhan kutipan dana adalah sebanyak RM42,250.00.

Status baki dana AABSK Wilayah Persekutuan adalah sebanyak RM102,220.00 daripada RM500,000.00 yang diperuntukkan bagi pengoperasian pendahuluan nafkah iaitu bersamaan 19%. Baki ini setelah mengambilkira pendahuluan bagi Tahun 2009 sebanyak RM82,600.00, Tahun 2010 sebanyak RM58,600.00, Tahun 2011 sebanyak 70,620.00, Tahun 2012 sebanyak RM44,800.00, Tahun 2013 sebanyak RM92,810.00, Tahun 2014 sebanyak RM25,750.00 dan Tahun 2015 sebanyak RM22,600.00 dan tidak termasuk jumlah kutipan balik yang diterima.



**PENDAHULUAN DAN KUTIPAN BALIK DANA AABSK  
(SEKSYEN 9) BERMULA JUN 2009 - DISEMBER 2015  
WILAYAH PERSEKUTUAN**





#### 4. LAPORAN KEJAYAAN

BIL	TARIKH	PERKARA	SEKSYEN NEGERI	CATATAN/ULASAN/PENJELASAN
1	25.05.20	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat NOTIS PENGHAKIMAN/KOMITAL melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Notis Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran PERTAMA secara tunai RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu)  Kes : MARIAH BINTI KADIR LWN GHAZALI BIN RAHMAT  No Kes BSK : 51001-03-037-0014-2015  No Kes Mahkamah : 01001-076-1584-2015 (MRS Johor Bahru)  Tarikh pembayaran : 25.05.2015  <i>*Bayaran KEDUA sebanyak RM13,588.00 akan dilaksanakan pada 25.06.2015</i>
2	26.05.15	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat SPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Notis Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran tunggakan Nafkah Eddah secara tunai RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)  Kes : ASLIDAH BINTI ABDULLAH LWN UDIN BIN RAMLI  No Kes BSK : 51100-03-028-0051-2014  No Kes Mahkamah : 01001-037-0916-2015 (MRS Johor Bahru)  Tarikh pembayaran : 26.05.2015
3	20/05/15	UPPP- Pelaksanaan Waran Tangkap	KELANTAN	Bagi kes di MRS Pasir Puteh di antara Maziah Binti Yusof dengan Khalid Bin Muhammad Kassim  Bailif BSK dan PPA Kota Bharu telah Berjaya melaksanakan waran tangkap terhadap Penghutang Penghakiman pada jam lebih kurang 10.30 malam. Apabila tangkapan dibuat, Penghutang Penghakiman telah menjelaskan tunggakan nafkah anak seperti perintah Mahkamah pada malam tersebut sebanyak RM5,060.00.
4	07/05/15	UKNP	PERLIS	Penghutang telah berjaya membayar tunggakan nafkah iddah dengan mengemukakan slip pembayaran yang dibuat sebanyak RM480.00.
5	22/05/15	UKNP	PERLIS	Penghutang dan Pemuitang bersetuju untuk tunggakan dibayar atau dilanjutkan potongan gaji sehingga tunggakan selesai

BIL	TARIKH	PERKARA	SEKSYEN NEGERI	CATATAN/ULASAN/PENJELASAN
6	07/05//15	UPD	PERLIS	Pendahuluan Nafkah Berjaya Dikutip Sebanyak RM100.00 daripada Aziah Binti Roshali (SELESAI KUTIPAN BALIK)
7	05/05/15	UPPP	PERLIS	Kes SPP melibatkan tunggakan nafkah anak, eddah dan mutaah tunggakan dibayar melalui potongan gaji
8	07/05/15	UPPP	PERLIS	1. kes SPP melibatkan tunggakan RM2600 dibayar secara potongan gaji RM50 sebulan 2. kes ubah perintah semasa dibuat melalui potongan gaji RM150 sebulan
9	13/05/2015	UPPP	PERLIS	1. Kes Notis Penghakiman, Tunggakan keseluruhan RM2480.00 hakim arahkan bayaran dilanjutkan kepada 31 bulan berikutan Penghutang Penghakiman tidak sihat 2. Kes SPP tunggak RM510 dibayar setelah Penghutang sihat
10	26/05/2015	UPPP	PERLIS	1. kes SPP tunggakan RM38,950.00 untuk nafkah anak 2. Kes selesai pemiutang tarik balik kes, tunggakan telah diselesaikan secara tidak langsung
11	28/05/2015	UPPP	PERLIS	1 kes SPP tunggak RM1100.00 melibatkan nafkah anak 2 Dibayar secara ansuran RM100.00 sehingga selesai
12	11.05.2015	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat SPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Notis Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM150.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh)  Kes : NORAZIDAH BINTI ABD AZIZ LWN AZMI  No Kes BSK : 51100-03-011-0033-2015  No Kes Mahkamah : 01001-037-1167-2015 (MRS Johor Bahru)  Tarikh pembayaran : 11.05.2015

BIL	TARIKH	PERKARA	SEKSYEN NEGERI	CATATAN/ULASAN/PENJELASAN
13	20.05.2015	UPPP	JOHOR	<p>Kejayaan Kes di peringkat SPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Notis Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran PERTAMA secara tunai RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)</p> <p>Kes : ROSNANI BINTI SALLEH LWN MOHD NAZRI BIN MOHD SALLEH</p> <p>No Kes BSK : 51001-03-055-0100-2013</p> <p>No Kes Mahkamah : 01001-037-0507-2015 (MRS Johor Bahru)</p> <p>Tarikh pembayaran : 20.05.2015</p> <p>Bayaran KEDUA sebanyak RM1,000.00 akan dilaksanakan pada 01.06.2015.</p>
14	30/6/15	UPPP:	Kelantan	<p>Kes Saman Penghutang Penghakiman (Tunggakan Nafkah Anak) di antara Yusnida Binti Yusoff lwn Ahmad Jasepin Bin Jamaluddin</p> <p>Hakim MRS Kota Bharu memerintahkan Penghutang Penghakiman membayar sebahagian daripada jumlah tunggakan nafkah anak iaitu sebanyak RM2000.00 daripada RM11,750.00 pada hari ini dan sekiranya gagal, Penghutang dikomitkan ke penjara sebulan.</p> <p>Lebih kurang jam 12.00 tengahari, Penghutang Penghakiman telah menjelaskan hutang tunggakan nafkah sebagaimana Perintah.</p>
15	25/6/15	UPPP	Terengganu	<p>(Tunggakan Nafkah Anak/Nafkah diri) Pembayaran kali kedua tunggakan nafkah diri, nafkah anak, utiliti, kos sara hidup dan tempat tinggal berjumlah RM13, 588.50. Pembayaran kali pertama telah dilaksanakan pada 25/5/2015. Jumlah keseluruhan tunggakan ialah RM18,588.50. Kes selesai.</p>
16	28/6/2015	UPPP:	Kelantan	<p>Kes Saman Penghutang Penghakiman (Tunggakan Nafkah Anak) di antara Ida Madiha Bt Che Awang lwn Norisal Bin Manaf</p> <p>Hakim MRS Pasir Puteh telah memerintahkan Penghutang Penghakiman menjelaskan tunggakan nafkah anak sekaligus sebelum jam 2 petang sebanyak RM3,400.00 dan sekiranya gagal Penghutang Penghakiman dikomitkan ke penjara selama 30 hari.</p> <p>Lebih kurang jam 1.00 tengahari, Penghutang Penghakiman telah menjelaskan kesemua jumlah tunggakan nafkah anak sebanyak RM3,400.00.</p>

BIL	TARIKH	PERKARA	SEKSYEN NEGERI	CATATAN/ULASAN/PENJELASAN
17	29/6/2015	UPPP:	Kelantan	Kes Notis Penghakiman (Tunggakan Nafkah Anak) di antara Hasmah Binti Mustafa lwn Megat Husin Bin Ishak Hakim MRS Kuala Krai telah memerintahkan Penghutang Penghakiman menjelaskan tunggakan hutang nafkah anak sekali gus pada hari ini sebanyak RM5,900.00 dan sekiranya gagal, Penghutang Penghakiman dikomitkan ke penjara selama 2 minggu. Lebih kurang jam 1.55 petang, Penghutang Penghakiman menjelaskan keseluruhan tunggakan nafkah anak.
18	29/6/2015	UPPP:	Kelantan	Kes Notis Penghakiman (Tunggakan Nafkah Anak) di antara Rohana Bint Mat lwn Khalid Bin Mat Ail Hakim MRS Kuala Krai telah memerintahkan Penghutang Penghakiman menjelaskan sebahagian daripada tunggakan hutang nafkah anak pada hari ini sebanyak RM4,000.00 daripada RM8,100.00 dan sekiranya gagal, Penghutang Penghakiman dikomitkan ke penjara selama 2 minggu. Lebih kurang jam 12.00 tengahari, Penghutang Penghakiman menjelaskan tunggakan nafkah anak sebagaimana yang diperintahkan.
19	25/8/15	UKNP	PERLIS)	Pihak Penghutang telah bersetuju membayar tunggakan nafkah anak sebanyak RM1200.00 dan telah membayar sebanyak RM500.00 di hadapan pegawai BSK. Bagi tunggakan sebanyak RM700.00 akan dibayar secara ansuran bermula bulan September 2015
20	05/08/15	UPPP	PERLIS	Kes Saman Penghutang Penghakiman:  Bayaran Tunggakan sebyk RM4600, PHP telah membayar RM3000 dan bakinya akan dibayar pada 13/08/2015
21	26/8/2015	UPPP	PERLIS)	Kes Notis Penghakiman:  Bayaran Tunggakan sebyk RM1800, PHP telah membayar RM1600 pada 27/07/2015 dan bakinya akan dibayar pada RM200.00 pada 05/08/2015
22	01.09.15	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu)  Kes: HANITA BINTI ABD HAMID No Kes: BSK : 51100-03-011-0105-2013 No Kes Mahkamah : 01001-037-2775-2015 (MRS Johor Bahru) Tarikh pembayaran : 01.09.2015 (Selasa)

BIL	TARIKH	PERKARA	SEKSYEN NEGERI	CATATAN/ULASAN/PENJELASAN
23	06.09.15	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM800.00 (Ringgit Malaysia : Lapan Ratus)  Kes : ZUBAIDAH BINTI ISMAIL No Kes BSK : 51200-03-022-0055-2012 No Kes Mahkamah : 01010-037-0309-2014 (MRS Ledang) Tarikh pembayaran : 06.09.2015 (Ahad)
24	06.09.15	UPPP	JOHOR	Kerjasama SBSK Johor, Kedah dan Perlis dalam melaksanakan waran tangkap di luar bidang kuasa pada 3/9/2015 yang telah ditetapkan tarikh perbicaraannya di Johor pada 6/9/2015.
25	06.09.15	UPPP	PULAU PINANG	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM450.00 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Lima Puluh)
26	14.09.2015	UPPP	KEDAH	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM16.000 (Ringgit Malaysia : Enam belas ribu)
27	14.09.2015	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM800.00 (Ringgit Malaysia : LapanRatus) Kes : FARIDAH BINTI P. HAMSA No Kes BSK : 51100-03-014-0060-2012 No Kes Mahkamah : 01001-037-3045-2014 (MRS Johor Bahru) Tarikh pembayaran : 14.09.2015 (Isnin)
28	25.10.2015	UPPP	JOHOR	Kejayaan Kes di peringkat UPPP melalui prosiding ke Mahkamah Syariah (Saman Penghutang Penghakiman) yang mana PHP membuat pembayaran secara tunai RM5,302.012(Ringgit Malaysia : Lima Ribu Tiga Ratus Dua Ringgit Dua Belas Sen) Kes : ZANARIAH BINTI MOHAMED YUNOS No Kes BSK : 51003-03-055-0053-2015 No Kes Mahkamah : 01003-037-0254-2015 (MRS Muar) Tarikh pembayaran : 25.10.2015 (Selasa)  SEBANYAK RM5,302.12 TELAH DIKUTIP SECARA TUNAI OLEH BSK NEGERI JOHOR SEPANJANG BULAN OKTOBER 2015

## AKTIVITI GERAK KERJA BSK 2015

BULAN	AKTIVITI	CATATAN
<p>Februari</p>	<p>PERBINCANGAN MEJA BULAT SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (SBSK) JAKESS BERSAMA UNIT GUAMAN SYARIE BAHAGIAN UNDANG-UNDANG MAIS</p> <p>PROGRAM DIALOG SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (SBSK)BERSAMA KAKITANGAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (MRS) AMPANG, SELANGOR DAN PELANGGAN.</p> <p>LAPORAN LAWATAN KERJA SBSK JKSTR KE JABATAN PEMBANGUNANAN KELUARGA DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS AGAMA DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada (Selasa) 10 Februari 2015</li> <li>- Bertempat di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Ampang, Selangor</li> <li>- Delegasi BSK diketuai oleh Tuan Akmalluddin bin Ilyas, Penolong Pengarah Kanan</li> <li>- Program ini telah dipengerusikan oleh Penolong Pendaftar MRS Ampang, Puan Nurfaseha binti Sabaruddin</li>   <li>- Diadakan pada (Jumaat) 13 Februari 2015</li> <li>- Bertempat di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Ampang, Selangor</li> <li>- Delegasi BSK diketuai oleh Tuan Akmalluddin bin Ilyas, Penolong Pengarah Kanan</li> <li>- Program ini telah dipengerusikan oleh Penolong Pendaftar MRS Ampang, Puan Nurfaseha binti Sabaruddin</li>   <li>- Diadakan pada (Khamis) 26 Februari 2015</li> <li>- Bertempat di Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkuasaan MAIDAM</li> <li>- Delegasi BSK di ketuai oleh Tuan Mohd Amir Bin Haji Arifin @ Mohd Rifin</li> <li>- Tujuan utama program ini adalah memperkenalkan dan mempromosikan SBSK JKSTR kepada MAIDAM, di samping membincangkan isu-isu dan juga permasalahan yang melibatkan SBSK JKSTR dan pihak MAIDAM</li> </ul>

BULAN	AKTIVITI	CATATAN
Mac	KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK (JKSNP) DAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KELUARGA JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada (Khamis) 25 Mac 2015</li> <li>- Bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak</li> <li>- Delegasi BSK di ketuai oleh Pengarah, Puan Zuraidah Binti Ayob</li> <li>- Kunjungan tersebut telah disambut baik oleh Ketua Hakim Syarie JKSN Perak, YAA Dato' Muhammad Asri bin Abdullah.</li> <li>- Tujuan utama program ini adalah membincangkan mengenai isu-isu perundangan dan pentadbiran yang melibatkan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Perak (SBSK)</li> </ul>
April	<p>KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA NEGERI JOHOR KE BAHAGIAN UNDANG-UNDANG SYARIAH JABATAN AGAMA JOHOR</p> <p>LAWATAN KERJA PENGARAH BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA &amp; KETUA UNIT INTEGRITI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada (Rabu) 1 April 2015</li> <li>- Bertempat di Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor</li> <li>- Delegasi BSK di ketuai oleh Tuan Mohammad Radzi Bin Sadiman, Penolong Pengarah Kanan BSK Johor</li> <li>- Program ini telah dipengerusikan oleh YBHG. Tuan Haji Mohd Nooh Bin Kadri, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor merangkap Kadi Besar Negeri Johor</li> <li>- Diadakan pada (Rabu) 1 April 2015</li> <li>- Bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ)</li> <li>- Delegasi BSK JKSM telah diketuai oleh Puan Zuraidah Binti Ayob selaku Pengarah BSK JKSM manakala Tuan Muhammad Khairul Nizzam Bin Kassim mewakili Unit Integriti JKSM. Perjumpaan telah dipengerusikan oleh YAA Dato' Haji Amir Bin Danuri, Ketua Hakim Syarie JKSNJ.</li> </ul>

BULAN	AKTIVITI	CATATAN
April	FORUM LITERASI UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENDAHULUAN NAFKAH ANAK BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU SIRI PERTAMA TAHUN 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>-- Diadakan pada 16 April 2015 (Khamis)</li> <li>- Bertempat di Dewan Integriti Terengganu Integrity Strategic Studies Institute (T-ISSI) Kem Telaga Batin, Seberang Takir</li> <li>- Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dengan kerjasama Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan jayanya telah mengadakan Forum Literasi Undang-Undang Syariah dan Majlis Penyampaian Bantuan Pendahuluan Nafkah Anak SBSK JKSTR Siri Pertama Tahun 2015</li> <li>- Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yg. Bhg. Dato' Basir bin Ismail, Pegawai Pembangunan Daerah Kuala Nerus</li> </ul>
Mei	BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA DI MAJLIS MAHABBAH SYARIAH (HARI BERTEMU PELANGGAN) MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada 28 Mei 2015 (Khamis)</li> <li>- Bertempat di Mahkamah Syariah Negeri Melaka</li> <li>- Majlis Pentauliahan Peguam Syarie tersebut turut dihadiri Timbalan Speaker, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Exco-exco Kerajaan Negeri Melaka, Timbalan Pengerusi MAIM, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia</li> <li>- Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah berganding dengan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan bersama dengan Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam menjayakan pameran.</li> </ul>



BULAN	AKTIVITI	CATATAN
Jun	PERBINCANGAN MENGENAI TINDAKAN BERSAMA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA , JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada 25 Jun 2015 (Khamis)</li> <li>- Agensi-agensi yang terlibat adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia</li> <li>- Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Mohamad Shakir Abdul Hamid merangkap Ketua Pendaftar JKSM</li> </ul>
Julai	BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DI STESEN RADIO BFM (THE BUSINESS STATION)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah dijemput untuk memberikan penerangan berkenaan latar belakang serta fungsi BSK di stesen radio BFM (The Business Station)</li> <li>- Tuan Mohamad Muzahid bin Ahmad telah mewakili BSK</li> <li>- Temuramah disiarkan dalam slot "evening edition" yang dikendalikan oleh Caroline Oh dan Ezra Zaid.</li> </ul>
Ogos	MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI DAN PELANCARAN PROJEK EZNAFKAH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>- EZNafkah merupakan satu projek Inovasi terbaru yang dibangunkan oleh Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif (KIK) Syariah Transformation Squad (STS) Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu bertujuan mempercepatkan proses permohonan bantuan nafkah anak kepada yang berhak dalam prosiding penguatkuasaan perintah nafkah anak di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Terengganu.</li> <li>- Y.A.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu melalui wakil beliau iaitu Y.B. Dato' Mohd Zubir bin Embong, Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu telah merasmikan Hari Inovasi Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu sekaligus melancarkan projek Inovasi EZNafkah</li> </ul>

BULAN	AKTIVITI	CATATAN
Ogos	<p>PROGRAM EXPO SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN MASJID NEGARA</p> <p>PENYERTAAN PEGAWAI BSK DALAM KURSUS PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH (BAILIF) ANJURAN BAHAGIAN LATIHAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ekspo Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara Tahun 2015M/1436H telah diadakan pada 26 hingga 29 Ogos 2015 bertempat di perkarangan Masjid Negara, Kuala Lumpur bersempena dengan Program Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara</li> <li>- Bahagian Sokongan Keluarga untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSK kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya. Dalam menjayakan program ini, BSK JKSM turut dibantu oleh wakil-wakil daripada BSK Wilayah Persekutuan dan Selangor</li> <li>- Diadakan pada 27 Ogos 2015 sehingga 29 Ogos 2015</li> <li>- Peserta kursus ini terdiri daripada semua bailif BSK (gred LS17 dan LS 27) seluruh Malaysia manakala penceramah pula terdiri dari YBhg. Tuan Mohd Nadzri bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Kehakiman JKSM dan Puan Aidatul Azura daripada Jabatan Peguam Negara</li> </ul>
September	<p>PERBINCANGAN MENGENAI TINDAKAN BERSAMA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) DAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) BERHUBUNG DENGAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada 11 September 2015</li> <li>Di pengerusikan oleh Oleh YAA Dato' Yusuf bin Musa, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM dengan Kehadiran pegawai-pegawai Kanan dari BPU JAKIM yang diketuai Oleh Tuan Haji Yusoff Bin Abu Bakar selaku Ketua Penolong Pengarah (K), BPU JAKIM manakala pegawai-pegawai kanan JKSM yang turut sama menyertai mesyuarat ini terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan Kehakiman dan beberapa orang pegawai penyelidik kepada Hakim-Hakim Rayuan.</li> </ul>

**LAPORAN GERAK KERJA BSK  
YANG DIMUAT NAIK KE DALAM PORTAL BAGI TAHUN 2015**

BIL.	BULAN	TARIKH	TAJUK LAPORAN
1	FEBRUARI	10 Februari 2015	Perbincangan Meja Bulat Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (Sbsk) Jakess Bersama Unit Guaman Syarie Bahagian Undang-Undang Mais
2		13 Februari 2015	Program Dialog Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (Sbsk) Bersama Kakitangan Mahkamah Rendah Syariah (Mrs) Ampang, Selangor Dan Pelanggan.
3		26 Februari 2015	Laporan Lawatan Kerja SBSK JKSTR ke Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkuasaan Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
4	MAC	25 Mac 2015	Kunjungan Hormat Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSNP) Dan Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Perak
5	APRIL	1 April 2015	Lawatan kerja Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga & Ketua Unit Integriti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
6		1 April 2015	Kunjungan Hormat Dan Lawatan Kerja Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Johor Ke Bahagian Undang-Undang Syariah Jabatan Agama Johor
7		2 April 2015	Lawatan Kerja Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Ke Bsk Transit Bahagian Sokongan Keluarga
8		16 April 2015	Forum literasi undang-undang syariah Dan Majlis penyampaian bantuan pendahuluan nafkah anak Bahagian sokongan keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu Siri pertama tahun 2015
9	MEI	28 Mei 2015	Bahagian Sokongan Keluarga Di Majlis Mahabbah Syariah (Hari Bertemu Pelanggan) Mahkamah Syariah Negeri Melaka
10	JUN	25 Jun 2015	Perbincangan Mengenai Tindakan Bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia , Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Dan Agensi-Agensi Berkaitan Keputusan Mesyuarat Majlis Sosial Negara

<b>BIL.</b>	<b>BULAN</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK LAPORAN</b>
11	JULAI	7 Julai 2015	Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Di Stesen Radio Bfm (The Business Station)
12	OGOS	18 Ogos 2015	Majlis Sambutan Hari Inovasi Dan Pelancaran Projek Eznafkah Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu 2015
13		26-29 Ogos 2015	Program Expo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara
14		27 Ogos 2015	Penyertaan Pegawai BSK Dalam Kursus Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah (Bailif) Anjuran Bahagian Latihan
15	SEPTEMBER	11 September 2015	Perbincangan Mengenai Tindakan Bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Jksm) Dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Berhubung Dengan Penyelarasan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Syariah
16		7 September 2015	BSK Di Seminar Mengenai Hak Dan Isu-Isu Wanita Dan Kanak-Kanak
17	OKTOBER	15 Oktober 2015	Polis Diraja Malaysia Negeri Melaka Komited Bantu Sbsk Melaka
18		22 Oktober 2015	Penglibatan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Sempena Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal Anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

**PERBINCANGAN MEJA BULAT  
SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (SBSK) JAKESS  
BERSAMA UNIT GUAMAN SYARIE BAHAGIAN UNDANG-UNDANG MAIS**

10 Februari 2015, Selasa jam 3.00 petang –Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah menghadiri perbincangan meja bulat Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga JAKESS bersama Unit Guaman Syarie Bahagian Undang-Undang MAIS bagi membincangkan mengenai penyelarasan kes-kes SBSK yang berkaitan dengan nafkah di Mahkamah Syariah Selangor yang telah dikendalikan oleh Peguam Syarie Unit Guaman Syarie MAIS. Perbincangan ini diadakan susulan daripada ketetapan Mesyuarat MAIS bil. 2/2014 yang telah meluluskan kertas cadangan SBSK JAKESS bagi Peguam Syarie UGS membantu mengendalikan kes-kes pelaksanaan perintah nafkah pelanggan-pelanggan SBSK JAKESS di Mahkamah Syariah Selangor.

Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Puan Norlaili binti Mohamad Pegawai Syarie Unit Guaman Syarie MAIS dengan dihadiri Puan Hazura binti Hamzah, Puan Norshadatulnizma binti Misnun, Pegawai Syarie UGS, manakala pihak SBSK JAKESS dihadiri oleh Penolong Pengarah Kanan SBSK Tuan Akmalluddin bin Ilyas, Penolong Pengarah SBSK Tuan Amir Firdaus bin Sidin, Penolong Pegawai Syarie SBSK Puan Hariani binti Mohamad dan Cik Nurusaadah binti Baharudin.

Hasil daripada perbincangan tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan iaitu:

1. Pihak UGS mengenalpasti beberapa permasalahan mengenai permastautinan iaitu tempat tinggal di luar Selangor dan kes yang melibatkan kerakyatan warga negara asing (PR). UGS tidak boleh menerima kes tersebut.
2. UGS memaklumkan kes Plaintiff yang dibawa kepada majlis sulh hendaklah selesai terlebih dahulu dan jika gagal barulah boleh dirujuk kepada UGS.
3. Pihak UGS juga meminta SBSK memaklumkan kepada UGS jika Plaintiff merupakan pemohon dana bagi memudahkan urusan kutipan balik dana .
4. UGS meminta SBSK jika dalam satu perintah terdapat perintah nafkah anak, iddah dan mutaah hanya nafkah anak sahaja yang perlu dirujuk kepada UGS.
5. Pihak SBSK meminta UGS mewawarkan kepada Plaintiff mengenai BSK transit bagi tujuan penginapan untuk menghadiri kes di Mahkamah.
6. Pihak UGS meminta kerjasama SBSK memberi borang permohonan untuk mendapatkan bantuan guaman UGS kepada Plaintiff semasa mengambil Pliding di SBSK bagi memudahkan Plaintiff menyediakan atau melengkapkan dokumen yang diperlukan oleh UGS sebelum membuat pendaftaran kes di UGS.

7. Pihak UGS juga meminta untuk bersama-sama menyertai Program Klinik SBSK di MRS Selangor bagi tujuan Promosi UGS kepada masyarakat
8. SBSK juga dialu-alukan untuk menyertai program yang dianjurkan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga bagi tujuan mempromosi SBSK dengan masyarakat.

Perbincangan tersebut telah membuahkan hasil yang amat positif dan merupakan hasil jalinan hubungan kerjasama antara SBSK dengan UGS MAIS dalam memastikan perintah Mahkamah Syariah khususnya berkaitan dengan nafkah dapat dikuatkuasa dan dilaksanakan dengan baik.



## **PROGRAM DIALOG SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (SBSK) BERSAMA KAKITANGAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (MRS) AMPANG, SELANGOR DAN PELANGGAN.**

13 Februari 2015, Jumaat jam 10.00 pagi– Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah mengadakan Program Dialog bersama Kakitangan Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Ampang dan Pelanggan. Pengerusi majlis mengucapkan terima kasih serta mengalu-alukan kedatangan SBSK Selangor ke MRS Ampang bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan nafkah iaitu suami atau bekas suami yang gagal melaksanakan perintah mahkamah bagi membayar nafkah kepada isteri serta anak-anak.

Seterusnya Penolong Pengarah Kanan SBSK Tuan Akmalluddin bin Ilyas telah memberikan penerangan mengenai fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh SBSK Jabatan Kehakiman Syariah Selangor khususnya berkaitan dengan penguatkuasaan nafkah di MRS Ampang. SBSK juga bertindak sebagai bailif Mahkamah untuk melaksanakan pelaksanaan waran tangkap, perintah pengkomitan dan proses pelaksanaan perintah yang lain dengan kebenaran Mahkamah. SBSK Selangor juga menyediakan kemudahan BSK Transit kepada pelanggan yang mempunyai kes Mal di Mahkamah Syariah Selangor.

Program ini telah dipengerusikan oleh Penolong Pendafftar MRS Ampang, Puan Nurfaseha binti Sabaruddin. Program ini juga telah dihadiri oleh seluruh warga kakitangan Mahkamah Syariah Ampang dan wakil dari Pejabat Agama Islam Hulu Langat (Bahagian Undang-undang Keluarga). Manakala, SBSK terdiri daripada Tuan Akmalluddin bin Ilyas (Penolong Pengarah Kanan SBSK Selangor), Tuan Muhammad Amir Firdaus bin Sidin (Penolong Pengarah SBSK Selangor), Puan Hariani binti Mohamad dan Cik Nurusaadah binti Baharudin (Penolong Pegawai Syariah SBSK Selangor) serta Puan Nuraziraakmar Binti Othman (Pembantu Syariah SBSK Selangor).

Lampiran Gambar Kenangan Semasa Program Tersebut



## LAPORAN LAWATAN KERJA SBSK JKSTR KE JABATAN PEMBANGUNAN KELUARGA DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS AGAMA & ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

26 FEBRUARI 2015, KHAMIS –Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu ( SBSK JKSTR) telah mengadakan satu Lawatan Kerja/Kunjungan Hormat ke Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkuasaan MAIDAM. Seramai 4 orang pegawai dan kakitangan SBSK JKSTR terlibat, yang terdiri daripada Penolong Pengarah Kanan, Penolong Pengarah, dan dua (2) orang Penolong Pegawai Syariah SBSK JKSTR telah bersama-sama menyertai lawatan kerja ini bagi memperkenalkan dan mempromosikan SBSK JKSTR kepada MAIDAM, di samping membincangkan isu-isu dan juga permasalahan yang melibatkan SBSK JKSTR dan pihak MAIDAM .

Pihak tuan rumah pula telah disertai oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkuasaan, serta 8 orang pegawai dan kakitangan dari 3 bahagian, iaitu Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Undang-Undang Keluarga, dan Bahagian Pendakwaan MAIDAM.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari tuan rumah, dan disusuli dengan Taklimat Ringkas berkenaan SBSK JKSTR oleh Penolong Pengarah Kanan BSK, Tuan Mohd Amir Bin Haji Arifin @ Mohd Rifin. Kemudiannya, sesi perbincangan berkenaan isu dan permasalahan telah berlangsung, dan pelbagai maklumat berguna telah diperolehi oleh pihak SBSK JKSTR hasil dari sesi perbincangan ini.

Berikut adalah isu-isu yang dibincangkan berserta cadangan penyelesaian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak :-

BIL	ISU / PERMASALAHAN	CADANGAN PENYELESAIAN
1	<p>Waran Tangkap Dalam Bidangkuasa Negeri</p> <p>(1.1) BSK mohon penjelasan berkenaan peranan Penguatkuasa Agama MAIDAM dalam melaksanakan waran tangkap kes Mal, adakah keutamaannya sebagaimana juga waran tangkap kes Jenayah Syariah.</p>	<p>(i) Pihak Penguatkuasa menjelaskan bahawa waran kes Mal juga dilaksanakan oleh mereka. Mereka bertindak mengikut arahan/perintah Mahkamah. Jika waran tersebut ditujukan kepada Penguatkuasa, maka mereka akan melaksanakannya</p>
	<p>(1.2) BSK mohon penjelasan bahawa terdapat daerah-daerah tertentu yang mana Waran Tangkap kes Mal perlu diarahkan berulang kali pelaksanaannya oleh Penguatkuasa MAIDAM.</p>	<p>(i) Satu sesi khas SBSK JKSTR bersama semua penguatkuasa daerah boleh dibuat supaya masalah kelewatan pelaksanaan waran dapat dikenalpasti dan seterusnya diatasi bersama. BSK perlu mengenalpasti daerah-daerah yang berkaitan untuk diketengahkan dalam sesi perbincangan.</p>



BIL	ISU / PERMASALAHAN	CADANGAN PENYELESAIAN
		(ii) Setiap Waran Tangkap yang dihantar ke daerah juga hendaklah disalinkan kepada ibu pejabat bagi memudahkan pemantauan dilakukan.
	<p>(1.3) Isu Tangguhan kes-kes yang melibatkan Waran Tangkap lambat dimaklumkan kepada Penguatkuasa sehingga menyebabkan kekeliruan.</p> <p>Penguatkuasa memaklumkan bahawa dalam sesetengah kes, waran tangkap akan dilaksanakan 2 atau 3 hari lebih awal dari tarikh kes. Kadangkala setelah waran dijalankan, baru ada makluman berkenaan tangguhan kes. Maka timbul kekeliruan dan juga pembaziran tenaga di sini.</p>	BSK hendaklah memaklumkan tarikh tangguhan lebih awal bagi mengelakkan kekeliruan dan pertindihan di antara arahan menangkap dan arahan penangguhan kes.
2.	<p>Waran Tangkap Di Luar Bidangkuasa Negeri (Perintah Bersaling)</p> <p>(2.1) Waran Tangkap tidak disertakan jaminan. Masalah berlaku apabila Waran Tangkap luar bidangkuasa ini tidak disertakan tawaran jaminan, sehingga menyebabkan Penguatkuasa keliru dan agak terbeban dalam kes yang mana Penghutang Penghakiman berjaya ditangkap, kerana proses penghantaran yang akan melibatkan jarak yang jauh.</p>	(i) Semua kes BSK yang melibatkan Waran Tangkap di luar bidangkuasa hendaklah dipohon bersama tawaran jaminan untuk memudahkan kerja penguatkuasa sekiranya Penghutang Penghakiman berjaya ditangkap.
	(2.2) Penguatkuasa tidak tahu ke mana untuk membawa Penghutang Penghakiman kes BSK selepas penangkapan berjaya dibuat.	<p>(i) Penghutang Penghakiman hendaklah dibawa ke Mahkamah yang mengendorskan Waran Tangkap bersaling tersebut, dan pihak BSK di negeri yang terbabit akan mengendalikan sebutan kes di hadapan Hakim.</p> <p>(ii) Salinan waran tangkap bersaling tersebut berserta makluman bertulis berkenaan kes akan disalinkan juga kepada BSK negeri yang terlibat.</p>

BIL	ISU / PERMASALAHAN	CADANGAN PENYELESAIAN
	(2.3) BSK mohon penjelasan berkenaan tatacara (SOP) penghantaran Penghutang Penghakiman dari negeri ke negeri, adakah melibatkan had bidanguasa penguatkuasa di sempadan negeri masing-masing.	<p>(i) Pihak Penguatkuasa menjelaskan bahawa had/ bidanguasa seseorang Penguatkuasa hanya tertakluk kepada 'kuasa menangkap' sahaja, dan tidak termasuk penghantaran Penghutang Penghakiman.</p> <p>(ii) Semua Penghutang Penghakiman yang telah berjaya ditangkap boleh dihantar secara terus ke Mahkamah asal yang mengeluarkan waran tangkap tersebut tanpa perlu memikirkan isu sempadan/had bidanguasa.</p> <p>Cuma, amalan yang dijalankan di antara negeri-negeri sekarang memang melibatkan sempadan negeri, dan ianya dipraktikkan atas dasar persepakatan antara penguatkuasa negeri-negeri bagi tujuan menjimatkan kos dan tenaga penguatkuasa negeri-negeri yang terlibat sahaja.</p>
3	Syor dari Bahagian Pendakwaan MAIDAM untuk memulakan prosiding penghinaan Mahkamah terhadap Penghutang Penghakiman bagi kes-kes BSK yang telah beberapa kali disaman di Mahkamah atas kecuai/ ingkar perintah Mahkamah namun masih tidak serik, dan aduan masih berulang	(i) BSK disarankan agar mengenalpasti kes-kes terbabit, dan membuat aduan rasmi bertulis kepada Bahagian Pendakwaan MAIDAM M dengan mengisi Borang 5 yang diperuntukkan. Hanya selepas aduan rasmi dibuat, baru pihak Pendakwa boleh membuka kertas siasatan.



Kesimpulannya, hasil dari Lawatan Kerja/Kunjungan Hormat ini, banyak manfaat dan pengalaman telah dikutip oleh pihak SBSK JKSTR dengan usul / inisiatif ke arah penambahbaikan dan pengubahsuaian di mana perlu. SBSK JKSTR sangat berterima kasih di atas kerjasama padu yang diberikan sepanjang lawatan tersebut. Segala cadangan, permasalahan yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkuasaan MAIDAM tersebut diterima dengan terbuka oleh BSK, dan seterusnya semua cadangan dan permasalahan ini akan dipanjangkan kepada pihak ibu pejabat BSK di JKSM Putrajaya bagi tujuan mendapatkan penyelarasan / penyeragaman pelaksanaan bagi BSK seluruh negeri di Malaysia.

**KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK (JKSNP)  
DAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KELUARGA JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

25 Mac 2015 (Rabu) – Satu kunjungan hormat Bahagian Sokongan Keluarga yang diwakili oleh Puan Zuraidah binti Ayob (Pengarah BSK) dan dua orang pegawai dari Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Perak telah diadakan pada 25 Mac 2015 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. Kunjungan tersebut telah disambut baik oleh Ketua Hakim Syarie JKSN Perak, YAA Dato' Muhammad Asri bin Abdullah.

Objektif utama kunjungan hormat tersebut diadakan adalah bagi membincangkan mengenai isu-isu perundangan dan pentadbiran yang melibatkan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Perak (SBSK). Antara isu penting yang dibincangkan adalah mengenai kelewatan penerimaan masuk seorang pegawai Syariah SBSK Negeri sebagai peguam Syarie di Negeri Perak. Setakat ini hanya ada seorang pegawai SBSK yang mempunyai tauliah peguam Syarie untuk mengendalikan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah di seluruh Negeri Perak. Kekangan pegawai dan pertambahan kes yang meningkat dari masa ke semasa menyebabkan fungsi dan objektif SBSK Negeri untuk membantu anak guam menyelesaikan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah tidak tercapai sepenuhnya.

Selanjutnya, sesi Kunjungan Hormat diteruskan dengan lawatan ke Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Negeri Perak yang menempatkan SBSK Negeri. Kunjungan tersebut telah disambut baik oleh Ketua Pendaftar Nikah Cerai Rujuk, Tuan Haji Zakaria bin Abd Razak

Antara isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan cadangan pindaan undang-undang yang berkaitan dengan BSK di samping cadangan penganjuran program-program SBSK Negeri Perak dengan kerjasama JAIN bagi tujuan mempromosi dan memperkenalkan BSK kepada segenap lapisan masyarakat.



## KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA NEGERI JOHOR KE BAHAGIAN UNDANG-UNDANG SYARIAH JABATAN AGAMA JOHOR

JOHOR, 1 April 2015 (Rabu)– Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Johor telah mengadakan sesi Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja ke Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor sebagai satu usaha menjalinkan kerjasama erat dan memperkukuhkan lagi silaturrahim di antara dua bahagian. Pertemuan telah diadakan pada 1hb April 2015 bersamaan dengan 19 JamadilAkhir 1436H. Delegasi BSK Johor telah diketuai oleh Tuan Mohammad Radzi Bin Sadiman, Penolong Pengarah Kanan BSK Johor. Pertemuan juga dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Nooh Bin Kadri, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor merangkap Kadi Besar Negeri Johor.

Tujuan utama kunjungan hormat dan lawatan kerja ini adalah untuk mengadakan perbincangan lanjut berhubung dengan cadangan pindaan beberapa seksyen dalam enakmen yang sedang berkuatkuasa untuk memberi ruang yang lebih luas dan selesa dalam tatacara pelaksanaan dan gerak kerja BSK Seksyen Negeri Johor. Turut dibincangkan adalah perihal Majlis Pentauliahan Peguam Syarie bagi sesi 2015.

“..Saya berharap kunjungan dan lawatan seperti ini dapat diadakan lebih kerap untuk kebaikan dan manfaat kedua-dua bahagian..”begitu harapan Tuan Haji Nooh, KPP Undang-Undang Syariah Jabatan Agama Johor sebagai mengakhiri ucapan penutup lawatan.



## LAWATAN KERJA PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN KE BSK TRANSIT BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA

KHAMIS, 2 April 2015 - Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BSK JKSM) bersama-sama Unit Aset Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM JKSM) telah mengadakan lawatan kerja bersama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Pasukan ini dihadiri oleh Tuan `Afif Sofiuddin Abd Ghani (Penolong Pengarah 1, BSK JKSM), Tuan Muhammad Mujahid Ahmad (Penolong Pengarah 2, BSK JKSM) dan Puan Siti Sarah Yakub (Pegawai Aset JKSM). Manakala CGSO diketuai Encik Mohd Zaidi Idrus (Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan Kanan) dan Encik Mohamad Zaihan Wasimin (Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan).

Sesi pertemuan antara lain mendapatkan penjelasan keseluruhan dan gambaran khusus mengenai kawasan kedudukan rumah sebelum satu laporan dikeluarkan CGSO. Antara perbincangan lain adalah seperti berikut:

- Keadaan fizikal BSK Transit termasuk faktor keselamatan aset kerajaan yang terdapat pada BSK Transit.
- Perkongsian maklumat berkaitan fungsi dan peranan BSK Transit.
- Kesesuaian kedudukan dan keberadaan aset-aset kerajaan di BSK Transit.
- Tindakan perlindungan dan kawalan yang sewajarnya diambil oleh BSK.
- Syor, langkah dan cadangan penambahbaikan CGSO kepada BSK Transit.

Sesi ini berakhir dengan tinjauan sekitar kawasan perumahan.



## LAWATAN KERJA PENGARAH BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA & KETUA UNIT INTEGRITI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

JOHOR, 1 April 2015 (Rabu)- Satu kunjungan Hormat dan Lawatan kerja Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga dan Ketua Unit Integriti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) telah diadakan pada 1hb April 2014 (Rabu) bersamaan dengan 11 JamadilAkhir 1436H. Delegasi BSK JKSM telah diketuai oleh Puan Zuraidah Binti Ayob selaku Pengarah BSK JKSM manakala Tuan Muhammad Khairul Nizzam Bin Kassim mewakili Unit Integriti JKSM. Perjumpaan telah dipengerusikan oleh YAA Dato' Haji Amir Bin Danuri, Ketua Hakim Syarie JKSNJ.

Tujuan kunjungan hormat dan lawatan kerja ini adalah untuk mengadakan perbincangan awal berhubung dengan cadangan pindaan beberapa seksyen dalam enakmen yang sedang berkuatkuasa untuk memberi ruang yang lebih luas dan selesa dalam tatacara pelaksanaan dan gerak kerja BSK Seksyen Negeri Johor. Selain itu juga, Pn Zuraidah Binti Ayob, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia turut bertanyakan permasalahan semasa yang dihadapi oleh BSK Seksyen Negeri Johor selain memberi idea-idea baharu untuk diterapkan dalam membantu melicinkan proses kerja BSK Seksyen Negeri Johor. Beliau juga melahirkan rasa terima kasih dan teruja dengan segala kerjasama serta komitmen YAA Dato' khususnya dan JKSNJ amnya dalam menyokong gerak kerja BSK.

Penolong Pengarah Kanan BSK Seksyen Negeri Johor, Tuan Mohammad Radzi Bin Sadiman telah diberi peluang untuk menguar-uarkan perkembangan terkini BSK Negeri Johor dan mengutarakan isu serta permasalahan yang perlu diberi perhatian oleh pihak BSK JKSM. Dalam masa yang sama, Ketua Unit Integriti JKSM, Tuan Khairul Nizam Bin Kassim turut berkongsi pengalaman dan memberi penerangan perihal integriti berkait dengan aktiviti promosi unit itu dan kerjasama yang diadakan bersama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri kearah membudayakan integriti di semua peringkat. Beliau juga ada melahirkan harapan dengan lawatan yang diadakan ini menjadi titik tolak kerjasama yang bakal dijalinkan dengan JKSNJ.

Lawatan tersebut juga menyaksikan YAA Dato' Haji Amir Bin Danuri, Ketua Hakim Syarie JKSNJ menerima Sijil Penghargaan di atas kecemerlangan Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Johor atas pencapaian tertinggi dalam Petunjuk Prestasi Utama Strategik (KPI) Penyelesaian Kes Pelanggaran Perintah Nafkah Melalui Rundingcara bagi tahun 2014. Sijil Penghargaan telah disampaikan sendiri oleh Pengarah BSK JKSM. YAA Dato' Ketua Hakim Syarie JKSNJ melahirkan rasa syukur dengan pencapaian ini dan mengharapkan supaya dengan penghargaan ini dapat memberi motivasi kepada Pegawai dan Kakitangan BSK khususnya supaya dapat bekerja dengan lebih kuat dan memberi yang terbaik kepada pelanggan yang berurusan. Untuk rekod, BSK Seksyen Negeri Johor memperolehi 92.16% bagi pencapaian tahun 2014.



FORUM LITERASI UNDANG-UNDANG SYARIAH  
DAN MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENDAHULUAN NAFKAH ANAK  
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU  
SIRI PERTAMA TAHUN 2015

16 APRIL 2015, KHAMIS – Daerah Kuala Nerus, bertempat di Dewan Integriti Terengganu Integrity Strategic Studies Institute (T-ISSI) Kem Telaga Batin, Seberang Takir, Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dengan kerjasama Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan jayanya telah mengadakan Forum Literasi Undang-Undang Syariah dan Majlis Penyampaian Bantuan Pendahuluan Nafkah Anak SBSK JKSTR Siri Pertama Tahun 2015.

Forum Literasi Undang-Undang Syariah yang bertemakan “Perintah Nafkah Anak & Nafkah Isteri: Memperkasakan Pengurusan Perintah Pasca Penghakiman (Post Judgement Management)” telah membariskan tiga orang Panel iaitu Yang Arif Tuan Haji Muhamad Abdul Karim bin Wahab, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Puan Zuraidah binti Ayob, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BSK JKSM) dan Ustazah Hjh. Hawa binti Hj Embong, Ketua Pembantu Hal Ehwal Islam Bahagian Penerbitan MAIDAM. Seramai 400 orang peserta terdiri daripada tetamu kehormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan, penghulu, JKKK dan pelajar-pelajar IPT sekitar Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus hadir memeriahkan Majlis.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yg. Bhg. Dato’ Basir bin Ismail, Pegawai Pembangunan Daerah Kuala Nerus wakil kepada Y.A.B. Dato’ Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu. Turut mengiringi ialah Yang Berhormat Dato’ Haji Shaikh Harun bin Hj Shaikh Ismail, Yang DiPertua MAIDAM dan Y.A.A. Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd, Ketua Hakim Syarie Terengganu. Majlis turut diserikan dengan penyampaian cek bantuan dana zakat sebanyak RM200,000.00 oleh pihak MAIDAM kepada JKSTR dan penyampaian cek pendahuluan nafkah (matching grant) sebanyak RM200,000.00 oleh JKSM kepada JKSTR. Pada majlis ini seramai 63 orang penerima yang layak telah diberi bantuan pendahuluan nafkah anak sebanyak RM94,500.00.



BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA DI MAJLIS MAHABBH SYARIAH  
(HARI BERTEMU PELANGGAN)  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

28 Mei 2015 (Khamis) - Majlis Mahabbah Syariah (Hari Bertemu Pelanggan) Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah diadakan di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka serentak dengan Majlis Pentauliahan Peguam Syarie yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Ir. Hj Idris Bin Hj Haron, Ketua Menteri Melaka.

Majlis Pentauliahan Peguam Syarie tersebut turut dihadiri Timbalan Speaker, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Exco-exco Kerajaan Negeri Melaka, Timbalan Pengerusi MAIM, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia,

Terdapat pelbagai program yang dilaksanakan sempena Majlis Mahabbah Syariah tersebut di mana antaranta adalah Bicara Syariah bertajuk “ Tertalaqkah aku” yang disampaikan oleh Tuan Shukeri Najib Bin Ab Rahim, Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Selain daripada itu, terdapat juga program Syariah Tour, Love Syariah, Simulasi Perbicaraan dan Kuiz Syariah, Perkongsian Pengalaman Oleh Peguam Senior yang melibatkan pelajar-pelajar IPTA dan sekolah.

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah berganding dengan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan bersama dengan Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam menjayakan pameran agensi dan jabatan kerajaan negeri dan persekutuan dalam program tersebut. Ramai peserta-peserta yang menghadiri program Bicara Syariah telah berpeluang untuk melawat khemah pameran yang telah disertai pelbagai jabatan kerajaan dan agensi termasuk BSK JKSM.

Selain daripada itu, terdapat juga Kempen Derma Darah yang telah dijayakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bertempat di perpustakaan di Aras 1. Program Mahabbah ini diserikan lagi dengan sesi Ceramah Forum Bicara Hati ‘Rindu 200%’ oleh Ustazah Asmak Binti Husin (Panelis Tanyalah Ustazah TV9 dan Fiqh Wanita TV3), Ustaz Dzulkarnain Hamzah (Astro OASIS) dan Moderator oleh Tuan Haji Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka) dan juga Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Datuk Latipah Binti Omar, Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan) Negeri Melaka

Semua program telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada semua peguam syarie, peserta ceramah dan jabatan yang terlibat serta maklumbalas yang positif daripada semua pihak.

Adalah menjadi harapan agar pameran oleh BSK dan Unit Komunikasi Korporat dapat memberikan impak yang positif terutamanya kepada peserta program Bicara Syariah agar mendapat pendedahan terdapat fungsi dan peranan yang telah dimainkan oleh BSK khususnya dan JKSM khususnya.



**PERBINCANGAN MENGENAI TINDAKAN BERSAMA  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA ,  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN  
KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA**

KHAMIS, 25 Jun 2015 – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengadakan perbincangan mengenai tindakan bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia , Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan agensi-agensi berhubung dengan keputusan Mesyuarat Majlis Sosial bil 1/2015 yang telah diadakan pada 3 Mac 2015.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Mohamad Shakir Abdul Hamid merangkap Ketua Pendaftar JKSM dengan kehadiran wakil-wakil jabatan/kementerian masing-masing daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Wakil JKSM yang turut hadir bersama ialah Tuan Mohd Nazri Abd Rahman, Pengarah Kanan Kehakiman.

Sebagai latar belakang, pada 3 Mac 2015 yang lalu, YAA Dr Mohd Naim Mokhtar, Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor yang mewakili JKSM telah membentangkan suatu Kertas Konsep bertajuk Cadangan Mewujudkan “Unified System” Pasca Perceraian bagi menangani isu-isu kekeluargaan yang timbul daripada pasca perceraian. Kertas tersebut mengambil contoh pelaksanaan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) sebagai model pembangunan “Unified System” dalam memantau pelaksanaan perintah nafkah oleh bekas suami atau pihak-pihak yang bertanggung terhadap isteri/ibu-ibu tunggal dan anak-anak pasca perceraian. Hasil daripada pembentangan tersebut, Mesyuarat telah memutuskan bahawa JAKIM dan JKSM hendaklah membuat kajian pelaksanaan system secara menyeluruh dengan mendapatkan pandangan dari Mahkamah Sivil dan setiap Negeri manakala, Kementerian/Agensi yang berkepentingan boleh bertindak sebagai ahli.

Sehubungan itu, Mesyuarat pada kali telah membincangkan dengan lebih lanjut berhubung dengan cadangan pewujudan “Unified System” Pasca Perceraian dengan mengambil kira antaranya isu-isu yang melibatkan punca kuasa undang-undang , bidang kuasa mahkamah dan agensi yang berkompeten berdasarkan kepakaran dan keupayaan untuk menerajui pewujudan “Unified System” tersebut.

Rumusan Perbincangan adalah seperti berikut :

- Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan mewujudkan “Unified System” adalah rentetan daripada Kertas bertajuk Isu Perceraian Di Kalangan Pasangan Islam Dan Bukan Islam : Punca Dan CadanganPenyelesaiannya yang telah dibentangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (KSK JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam Mesyuarat Majlis Sosial Bil 2/2014 pada 24 Mei 2014 yang lalu;
- Mesyuarat mengambil maklum bahawa pada ketika itu mesyuarat bersetuju supaya pihak Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dilantik sebagai lead agency bagi menangani isu dan permasalahan yang telah dibangkitkan;
- Mesyuarat juga bersetuju bahawa kertas konsep yang dibentangkan oleh JKSM pada Mesyuarat Majlis Sosial Bil 1/2015 adalah sebahagian daripada contoh pemantauan yang dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah melibatkan pasca perceraian;

- Mesyuarat seterusnya mengambil maklum bahawa bidang kuasa pemantauan pasca perceraian oleh JAKIM dan JKSM hanya melibatkan orang Islam sahaja;
- Mesyuarat juga bersetuju supaya KPWKM dilantik sebagai “lead agency” bagi menerajui “unified system” memandangkan ianya akan melibatkan orang Islam dan bukan Islam dan juga penglibatan pelbagai agensi selain JKSM dan JAKIM; dan
- Mesyuarat juga bersetuju makluman ini perlu dikemukakan sebagai maklumbalas kepada Mesyuarat Majlis Sosial Bil 1/2015.



#### BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DI STESAN RADIO BFM (THE BUSINESS STATION)

7 Julai 2015 (SELASA) – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah dijemput untuk memberikan penerangan berkenaan latar belakang serta fungsi BSK di stesen radio BFM (The Business Station). BSK melalui wakilnya Mujahid Ahmad memberikan pendedahan berkenaan fungsi BSK yang dianggap unik kerana fungsinya untuk memastikan suami atau bekas suami melunaskan tanggungjawabnya untuk membayar nafkah kepada isteri atau bekas isteri dan anak-anak.

Beberapa perkara yang mencuri perhatian BFM antara lainnya kaedah dan cara yang digunakan oleh pegawai-pegawai di BSK untuk mengesan suami atau bekas suami yang ingkar dalam melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Syariah.

Disamping itu, BFM turut menemuramah beberapa individu yang pernah menjadi pelanggan BSK untuk mendapatkan maklum balas berkenaan perkhidmatan yang telah diberikan.

Temuramah disiarkan dalam slot “evening edition” yang dikendalikan oleh Caroline Oh dan Ezra Zaid.



MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI  
DAN PELANCARAN PROJEK EZNAFKAH  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU 2015

18 OGOS 2015 (SELASA) –Bertemakan “Inovasi Pemacu Transformasi Mahkamah Syariah” atau “Innovation Drives The Transformation Of Syariah Court” Mahkamah Syariah Terengganu sekali lagi melakar sejarah apabila dengan jayanya melancarkan projek Inovasi 2015 iaitu EZNafkah. EZNafkah merupakan satu projek Inovasi terbaru yang dibangunkan oleh Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Syariah Transformation Squad (STS) Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu bertujuan mempercepatkan proses permohonan bantuan nafkah anak kepada yang berhak dalam prosiding penguatkuasaan perintah nafkah anak di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Terengganu.

Y.A.B. Dato’ Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu melalui wakil beliau iaitu Y.B. Dato’ Mohd Zubir bin Embong, Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu telah merasmikan Hari Inovasi Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu sekaligus melancarkan projek Inovasi EZNafkah. Dalam majlis yang sama Y.B. Dato’ Speaker telah menyampaikan Sijil Mediasi Lanjutan kepada 22 peserta yang telah hadir kursus Mediasi Lanjutan di New Zealand pada Julai 2015 dan penyampaian Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JKSTR kepada 9 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah Terengganu.



Pelancaran Projek Inovasi EZNafkah Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu oleh Y.B. Dato’ Mohd Zubir bin Embong, Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu mewakili Y.A.B. Dato’ Seri Hj Ahmad Razif bin Abd Rahman, Menteri Besar Terengganu



## PROGRAM EXPO SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN MASJID NEGARA

RABU, 26 OGOS 2015 BERSAMAAN 11 ZULKAEDAH 1436H – Ekspo Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara Tahun 2015M/1436H telah diadakan pada 26 hingga 29 Ogos 2015 bertempat di perkarangan Masjid Negara, Kuala Lumpur bersempena dengan Program Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara. Bagi menjayakan program Ekspo Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara tersebut, semua agensi di bawah YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri termasuk Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah dipilih untuk menyertai Ekspo tersebut sebagai pempamer utama ekspo.

Penyertaan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) sebagai wakil kepada pihak jabatan adalah amat dialu-alukan kerana selain dari memperkenalkan JKSM sebagai sebuah institusi kehakiman Syariah yang berwibawa, ekspo ini turut memberi peluang kepada Bahagian ini untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSK kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya. Dalam menjayakan program ini, BSK JKSM turut dibantu oleh wakil-wakil daripada BSK Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima daripada orang ramai yang berkunjung ke booth pameran JKSM amatlah menggalakkan khususnya bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang lebih lanjut berhubung dengan peranan, visi dan misi JKSM secara umumnya dan BSK secara khususnya.



## Penyertaan pegawai BSK dalam Kursus Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (Baillif) anjuran Bahagian Latihan

KHAMIS, 27 OGOS 2015 BERSAMAAN 12 ZULKAEDAH 1436H- Bahagian Latihan telah menganjurkan kursus Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah pada 27 hingga 28 Ogos 2015. Peserta kursus ini terdiri daripada semua bailif BSK (gred LS17 dan LS 27) seluruh Malaysia manakala penceramah pula terdiri dari YBhg. Tuan Mohd Nadzri bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Kehakiman JKSM dan Puan Aidatul Azura daripada Jabatan Peguam Negara.

Kursus ini bertujuan antara lainnya —

1. Memberi kefahaman kepada peserta berhubung peranan dan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada bailif dalam melaksanakan perintah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah;
2. Memberikan kefahaman kepada peserta berhubung jenis tindakan yang sesuai dalam menguatkuasa dan melaksanakan perintah seperti Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah;
3. Memberi pendedahan kaedah penguatkuasaan yang diguna pakai di Mahkamah Sivil;
4. Memberi latihan secara amali kepada peserta seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang; dan
5. Memberi peluang kepada peserta berbincang dan berkongsi pengalaman berhubung kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di negeri masing-masing.

Pihak BSK mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Latihan atas penganjuran program ini dan semoga segala maklumat dan panduan yang diperoleh akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta kursus dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di jabatan masing-masing.



## PERBINCANGAN MENGENAI TINDAKAN BERSAMA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) DAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) BERHUBUNG DENGAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH

JUMAAT, 11 September 2015 –Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) selaku urus setia telah mengadakan perbincangan mengenai tindakan bersama Jabatan ini dengan Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( BPU JAKIM) berhubung dengan cadangan penyelarasan penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah. Mesyuarat ini adalah rentetan daripada lawatan Kunjung Hormat BPU JAKIM ke JKSM pada 23 April yang lalu.

Mesyuarat dipengerusikan Oleh YAA Dato' Yusuf bin Musa, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM dengan Kehadiran pegawai-pegawai Kanan dari BPU JAKIM yang diketuai Oleh Tuan Haji Yusoff Bin Abu Bakar selaku Ketua Penolong Pengarah (K), BPU JAKIM manakala pegawai-pegawai kanan JKSM yang turut sama menyertai mesyuarat ini terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan Kehakiman dan beberapa orang pegawai penyelidik kepada Hakim-Hakim Rayuan.

Antara isu-isu yang dicadangkan untuk diselaraskan oleh kedua-dua jabatan ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut :

- (1) Penyelarasan Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Waran Tangkap di Luar Bidang Kuasa;
- (2) Penyelarasan Pelaksanaan Waran Tangkap Luar Bidang kuasa; dan
- (3) Penyelarasan Kaedah Penyelesaian Melalui Bon Jaminan.

Rumusan Perbincangan adalah seperti berikut :

- (1) Agensi-agensi yang menganjurkan kursus/bengkel mengenai penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah hendaklah terlebih dahulu mempunyai kemahiran dan mampu menguasai undang-undang berkaitan serta isu-isu semasa yang berbangkit dalam gerak kerja penguatkuasaan dan pendakwaan bagi memastikan objektif dan matlamat kursus/bengkel tercapai;
- (2) Peruntukkan kewangan adalah satu keperluan bagi menanggung kos-kos berbangkit daripada tindakan penguatkuasaan;
- (3) Pelaksanaan waran tangkap luar bidang kuasa perlu dikurangkan dan sebagai alternatif jaminan boleh digunakan.;
- (4) Perjumpaan bersama antara pihak mahkamah dan penguatkuasa seluruh Malaysia perlu diadakan secara berkala;
- (5) Keutamaan kepada pihak polis (PDRM) bagi melaksanakan waran tangkap kes mal berbanding penguatkuasa agama; dan
- (6) Satu Kertas Cadangan untuk menyelaraskan isu-isu penguatkuasaan dan pendakwaan akan dibentangkan dalam Persidangan Ketua-Ketua Hakim Seluruh Malaysia yang akan datang bagi mendapatkan pandangan ahli-ahli persidangan.

## POLIS DIRAJA MALAYSIA NEGERI MELAKA KOMITED BANTU SBSK MELAKA

15 OKTOBER 2015, KHAMIS. Pada jam 2.30 petang, Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) Mahkamah Syariah Negeri Melaka (MSNM) telah mengadakan satu kunjung hormat di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah bersama Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, ACP Shaikh Abdul Adzis Bin Sh. Abdullah. Kunjung hormat ini diketuai oleh Yang Arif Tuan Haji Mohd Asri Bin Haji Tahir, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kanan selaku wakil Ketua Hakim Syarie, Tuan Abu Suffian Bin Abu Yaziz, Ketua Pendaftar, Puan Aisah Binti Saleh, Penolong Pengarah Kanan SBSK, Tuan Mohd Tarmizi Binti Jaafar, Pegawai Penyelidik kepada Ketua Hakim Syarie, Encik Muhammad Afiq Bin Ab Samat, Penolong Pegawai Syariah SBSK, Encik Sazali Bin Ibrahim, Penolong Pegawai Tadbir dan Koperal Ayub, Polis Mahkamah.

Antara tujuan kunjung hormat tersebut adalah untuk mendapat kerjasama daripada pihak polis dalam menyediakan anggota polis yang secukupnya di Mahkamah Syariah Melaka mengikut dewan Mahkamah kerana telah terdapat seorang polis Mahkamah yang telah bersara wajib. Selain daripada itu, pertemuan ini juga bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dua (2) hala antara kedua-dua pihak khususnya dalam pelaksanaan waran tangkap, penggunaan lokap di mana-mana balai polis di negeri Melaka, dan juga pengesanan alamat atau maklumat Penghutang Penghakiman yang gagal dikesan melalui lain-lain sumber.

Perbincangan dimulakan dengan kata-kata aluan daripada ACP Shaikh Abdul Adzis Bin Sh Abdullah, seterusnya ucapan balas oleh Yang Arif Tuan Hj Mohd Asri Bin Haji Tahir selaku ketua delegasi telah menerangkan serba sedikit berkenaan proses gazet lokap di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka, keperluan penambahan anggota polis dan peranan SBSK MSNM dalam menguatkuasaan dan melaksanakan perintah. Pada sesi berkenaan, SBSK MSNM telah mengemukakan Kertas Cadangan Kerjasama di antara SBSK MSNM dan Polis Diraja Malaysia Negeri Melaka untuk pertimbangan.

Antara keputusan yang telah dicapai hasil daripada kunjung hormat tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah akan terus membantu SBSK Melaka untuk menyediakan kemudahan lokap bagi Penghutang Penghakiman yang ditahan pada sehari sebelum sebutan/perbicaraan kes di Mahkamah Syariah tidak mengira Penghutang Penghakiman ditangkap di daerah Jasin atau Alor Gajah ;
- 2) Permohonan anggota polis dalam membantu mengiringi bailif SBSK Melaka untuk membawa Penghutang Penghakiman daripada premis ke lokap dan daripada lokap ke Mahkamah akan dipertimbangkan dan disyorkan kepada Ketua Polis Melaka untuk kelulusan;
- 3) Pihak polis bersedia untuk membantu pihak SBSK Melaka dalam pengesanan alamat atau maklumat Penghutang Penghakiman jika maklumat daripada sumber-sumber lain tidak dikemaskini; dan
- 4) Keperluan gari oleh polis pengiring Mahkamah boleh dimohon kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) jika menjadi keperluan dalam membantu melaksanakan waran tangkap.

Perjumpaan tersebut berakhir pada jam 4.30 petang dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kanan telah merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama dan layanan yang ditunjukkan oleh Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, dan pegawai-pegawai yang hadir. ACP Shaikh Abdul Adzis juga turut mengalu-alukan agar pihak Mahkamah sentiasa menjalinkan kerjasama yang baik dengan pihak polis dalam apa-apa prosiding Mahkamah atau secara pentadbiran. Adalah diharapkan agar kerjasama dua hala yang disepakati dalam pertemuan tersebut boleh membantu SBSK MSNM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan iaitu menguatkuasakan dan melaksanakan perintah nafkah anak dan isteri yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah.





## PENGLIBATAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA SEMENA MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL ANJURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KHAMIS, 22 OKTOBER 2015 BERSAMAAN 9 Muharram 1437H – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita telah mengadakan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal di Ibu Pejabat Presint 4 Putrajaya. Kemeriahan majlis ini hadir oleh seramai 250 peserta yang terdiri dari wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan NGO termasuk wakil-wakil persatuan dan ahli-ahli akademik. Majlis Perasmian telah disempurnakan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Penyertaan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai wakil kepada pihak jabatan adalah amat dialu-alukan kerana selain dari memperkenalkan JKSM sebagai sebuah institusi kehakiman Syariah yang beribwawa, pameran ini turut memberi peluang kepada Bahagian ini untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSK kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Selain itu, BSK JKSM telah diberi pengiktirafan sebagai pempamer bagi memberikan pendedahan fungsi dan peranan BSK dalam menguatkuasakan perintah nafkah di Mahkamah Syariah. BSK turut mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan BSK Transit secara Atas Talian bertujuan bagi memudahkan proses permohonan dan mempercepatkan proses kelulusan pihak-pihak yang mempunyai kes di Mahkamah Syariah.

Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima daripada orang ramai yang berkunjung ke pameran JKSM amatlah menggalakkan khususnya bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang lebih lanjut berhubung dengan peranan, visi dan misi JKSM secara umumnya dan BSK secara khususnya.



## SESI PERBINCANGAN DAN LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH (BPH), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

KHAMIS, 26 NOVEMBER 2015 BERSAMAAN 14 SAFAR 1437H- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menerusi Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) di Aras 7, Bilik Mesyuarat Delima, Kompleks B, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya Malaysia.

Delegasi BSK yang diketuai oleh Pengarah BSK, Puan Zuraidah binti Ayob serta pegawai-pegawai BSK telah disambut mesra oleh Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Pengurusan Kuarters, Encik Adiratno bin Che Ani beserta pegawai-pegawai daripada BPH.

Perjumpaan ini hasil daripada perbincangan strategik dan susulan yang telah wujud sebelum ini. Sesi perbincangan bermula dengan aluan dan penerangan dari pihak BPH dan seterusnya disusuli dengan taklimat BSK yang disampaikan oleh Puan Zuraidah binti Ayob berkenaan sejarah penubuhan, fungsi dan dasar BSK utama bagi melaksana dan menguatkuasakan perintah nafkah.

Kemudiannya, pelbagai isu telah dibincangkan secara bersama dan hasil persetujuan telah dicapai bersama di mana pihak BPH antara lain telah bersetuju dengan cadangan BSK untuk memperluaskan syarat penggunaan BSK Transit selain menyelesaikan beberapa isu berkaitan fasiliti dan penyelenggaraan rumah BSK Transit.




AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
& KOMUNIKASI (BTMK)**



## BILANGAN PELAWAT PORTAL JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA TAHUN 2015

Berikut adalah dilampirkan perbandingan bilangan pelawat portal rasmi JKSM mengikut bulan sepanjang tahun 2015:



Jumlah Keseluruhan Sepanjang 2015	53,179 Pelawat
Bulan Tertinggi (Mac 2015)	5895 Pelawat
Bulan Terendah (Mei 2015)	3819 Pelawat
Purata Setiap Bulan	4431 Pelawat

## BILANGAN TRANSAKSI PERKHIDMATAN ONLINE JKSM 2015

Berikut adalah maklumat bilangan transaksi online setiap perkhidmatan online JKSM Bagi Tahun 2015:

Bilangan Transaksi Bagi Setiap Perkhidmatan Online Bagi Tahun 2015 Yang Disediakan:

Maklumat bilangan transaksi Online yang ditawarkan oleh JKSM dikemaskini secara bulanan

Bil.	Nama Perkhidmatan Online	Bilangan Transaksi												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
1.	Pra Pendaftaran Kes Mal - (Portal E-Syariah)	18	34	42	37	27	46	33	54	50	74	61	86	562
2.	MySMS Lokasi Mahkamah	1	0	1	0	1	2	1	0	1	0	1	3	11
3.	MySMS Kod Kes	0	1	1	1	0	0	1	1	1	0	0	0	6
4.	MySMS Status Kes	7	1	37	25	0	1	5	6	3	22	5	5	117
5.	Aduan/Maklumbalas Laman Web	54	14	42	40	55	55	30	40	57	60	74	87	608
6.	Sistem Pengurusan Latihan Elektronik (ETMS)	79	368	529	205	292	116	65	112	191	305	110	77	2449
7.	Sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan JKSM (SPPK)	8	1	3	0	4	1	0	2	0	0	4	2	25
8.	Pembaharuan Sijil Amalan - (Portal E-Syariah)	0	0	0	0	0	0	0	0	5	24	7	24	60
9.	Pengemaskinian Maklumat Peguam Syarie - (Portal E-Syariah)	0	0	0	3	0	0	1	0	1	0	0	2	7
<b>JUMLAH</b>		167	419	655	311	379	221	136	215	309	485	262	286	3845

\*Sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan JKSM (SPPK) mula beroperasi pada bulan Julai 2015.

\*Penyelenggaraan aplikasi di dalam Portal E-Syariah dilaksanakan sehingga bulan Mei 2015 dan mula beroperasi semula pada bulan Jun 2015.


## PROVIDER- BASED EVALUATION (ProBE)



Pada tahun 2015, portal rasmi JKSM telah berjaya mengekalkan kedudukannya dalam penilaian ProBE dengan penarafan lima (5) bintang selama tiga (3) tahun berturut-turut. Ini membuktikan portal jabatan telah mematuhi segala kriteria yang terkandung di dalam PKPA Bil.2/2015 yang digariskan oleh pihak MAMPU dan MDeC.

## STATISTIK KUMULATIF PELAPORAN DI MEJA BANTUAN TAHUN 2015


Berikut adalah dilampirkan Statistik Kumulatif Pelaporan Di Meja Bantuan JKSM bagi tahun 2015:



Meja Bantuan (helpdesk) Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTMK) berfungsi bagi membuat penyelenggaraan setiap aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan. Tindakan akan diambil dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh aduan diterima. Bagi tempoh Januari 2015 hingga Disember 2015, statistik menunjukkan 923 tiket aduan telah diterima dari ke semua 14 negeri. Purata tiket aduan diterima dalam sebulan ialah 76.9.

## STATISTIK KUMULATIF PELAPORAN DI MEJA BANTUAN MENGIKUT KATEGORI SEPANJANG TAHUN 2015


Berikut dilampirkan analisis Statistik Penyelenggaraan Sistem E-Syariah bagi tahun 2015 mengikut kategori:



Aduan masalah berkaitan Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) mencatatkan jumlah tertinggi aduan bagi tahun 2015 iaitu 636 tiket (%) dari jumlah keseluruhan aduan diterima. Berikutnya ialah tiket ID Pengguna yang mencatatkan kedua tertinggi aduan iaitu 217 tiket (%). Ini disusuli dengan aduan mengenai e-Nafkah (39 tiket), Portal E-Syariah (7 tiket), Statistik (4 tiket), Sistem Link (3 tiket) dan Sistem Pendaftaran Pegawai Syarie (SPSS) (4 tiket).



**Statistik Pelaporan Di Meja Bantuan Bagi Tahun 2015  
Mengikut Negeri**



Berdasarkan carta statistik aduan, negeri Selangor mencatatkan aduan tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu sebanyak 15% tiket aduan daripada jumlah keseluruhan. Ini disusuli Negeri Sembilan 12%, Terengganu 11% ,Perak 10%, Wilayah Persekutuan 7%, Kedah 7% dan Melaka 7% serta Pahang 7% , Sabah 5%, Johor 4% dan Pulau Pinang 4%. JKSM 3%, dan paling sedikit ialah negeri Sarawak 2%

### Deskripsi Projek

Projek Pembangunan Perisian Sistem e-Faraid adalah projek pembangunan sistem pengurusan faraid berasaskan web iaitu modul e-Faraid (Modul Sistem Pengurusan/Pengiraan Kes Faraid) yang akan digunakan oleh Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dan modul k-Faraid (Modul Pembelajaran Secara Interaktif) yang dilengkapi dengan paparan sistem/aplikasi yang berasaskan pendidikan kepada masyarakat serta orang awam.

Modul e-Faraid berfungsi sebagai aplikasi utama yang digunakan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia untuk melaksanakan pengurusan Kes Faraid bermula dari pendaftaran kes Faraid, prosiding kes (sebutan, pengagihan, perbicaraan, siasatan dan sebagainya), pengiraan dan keputusan (pengeluaran sijil Faraid yang unik). Sistem ini bertujuan membantu dalam mencari ahli waris dan menentukan bahagian daripada harta pusaka yang bakal diterima serta nas-nas yang berkaitan dengan pembahagian pusaka. Walau bagaimanapun keputusan akhir bahagian daripada harta pusaka yang bakal diterima akan ditentukan oleh Mahkamah Syariah.

Modul k-Faraid lebih menumpukan kepada aplikasi berasaskan portal yang berfungsi sebagai medan pembelajaran ilmu Faraid merangkumi aspek sumber hukum, hak-hak mewarisi, rukun mewarisi, pusaka orang hilang, mati atau anak dalam kandungan, sebab mewarisi dan sebagainya. Kaedah pengiraan dan kaedah penyelesaian secara interaktif melalui paparan carta waris dan simulasi pengiraan turut dilaksanakan dalam modul ini. Sistem ini bermatlamat untuk memberi pengetahuan dan mendidik umat Islam.

### Objektif Projek

- Memastikan institusi Kehakiman Syariah mengendalikan kes berkaitan faraid secara sistematik dan efektif melalui rujukan rekod elektronik yang sentiasa boleh dicapai dan sentiasa tersedia.
- Mewujudkan keseragaman pengurusan kes faraid di seluruh Malaysia termasuk mengeluarkan format Sijil faraid yang seragam.
- Membantu orang awam memahami perjalanan kes faraid serta memberi kefahaman yang lebih baik kepada masyarakat dengan pewujudan komponen Pembelajaran Interaktif.
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman umum (rakyat awam) mengenai disiplin ilmu faraid, nas/dalil berkaitan serta prosiding kes faraid di Mahkamah Syariah.
- Memelihara kesinambungan ilmu faraid melalui perkongsian maklumat secara atas talian dan interaktif.

## Sasaran Pengguna

Sistem	e-Faraid	k-Faraid
Sasaran pengguna	Institusi Kehakiman Syariah: a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri b. Mahkamah Syariah Negeri	a. Ahli waris b. Orang awam c. Pengamal undang-undang d. Pelaksana pembahagian pusaka

## Pelaksanaan Projek

### Jawatankuasa Projek



## Milestone Projek



## Aktiviti dan pencapaian projek sepanjang tahun 2015

### a) Mesyuarat


Bil.	Mesyuarat	Tarikh
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-Faraid	
	1) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-Faraid Kali Ke-5 Bil 1/2015	8 April 2015
	2) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-Faraid Kali Ke-6 Bil 2/2015	8 Julai 2015
	3) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-Faraid Kali Ke-7 Bil 3/2015	23 September 2015
	4) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-Faraid Kali Ke-8 Bil 4/2015	1 Disember 2015
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna	
	1) Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna e-Faraid Kali Ke-3 Bil 1/2015	3 April 2015
	2) Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna e-Faraid Kali Ke-4 Bil 2/2015	28 Ogos 2015
	3) Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna e-Faraid Kali Ke-5 Bil 3/2015	18 Disember 2015
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid	
	1) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-25 Bil 1/2015	13 Januari 2015
	2) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-26 Bil 2/2015	29 Januari 2015
	3) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-27 Bil 3/2015	2 Mac 2015
	4) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-28 Bil 4/2015	27 Mac 2015
	5) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-29 Bil 5/2015	5 Mei 2015
	6) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-30 Bil 6/2015	18 Jun 2015
	7) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-31 Bil 7/2015	4 Ogos 2015
	8) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-32 Bil 8/2015	21 September 2015
	9) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-33 Bil 9/2015	15 Oktober 2015
	10) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-34 Bil 10/2015	27 Oktober 2015
	11) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-35 Bil 11/2015	20 November 2015
	12) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-Faraid Kali Ke-36 Bil 12/2015	18 Disember 2015

b) Latihan

BIL	NAMA LATIHAN	TARIKH
1.	Latihan Pembangunan Sistem <i>Oracle Weblogic Server : Administration Essentials</i>	1 – 5 Jun 2015
2.	Latihan Pembangunan Sistem Java	8 – 12 Jun 2015
3.	Latihan Teknikal Sistem E-Faraid : <i>Server Platform</i>	15 – 17 Jun 2015
4.	Latihan Teknikal Sistem E-Faraid : <i>Load Balancer</i>	24 Jun 2015
5.	Latihan <i>Domino</i>	2 & 9 Julai 2015
6.	Latihan Teknikal Sistem E-Faraid : Integrasi	10 – 11 Ogos 2015 26 Nov 2015
7.	Latihan Teknikal Sistem E-Faraid : <i>Backup</i>	12 – 14 Ogos 2015
8.	Latihan Teknikal Sistem E-Faraid : <i>Server Management</i>	24 – 26 Ogos 2015
9.	Latihan Penggunaan Sistem E-Faraid (Modul <i>Admin</i> )	26 – 30 Sept 2015
10.	Latihan <i>Transfer of Technology</i> (TOT) Bil 1/2015	2 – 3 Nov 2015 5 – 6 Nov 2015 9 & 12 Nov 2015 27 NOV 2015
11.	Sesi Latihan Sistem e-Faraid dan k-Faraid i) Zon Tengah ii) Zon Utara iii) Zon Timur iv) Zon Sabah, Sarawak & Labuan	17 – 19 NOV 2015 23 – 24 NOV 2015 25 – 26 NOV 2015 3-4 DIS 2015
12.	<i>Final Acceptance Test</i> (FAT)	30 NOV 2015
13.	Latihan <i>Training for Trainers</i> (TFT) – JKSM	2 – 4 DIS 2015
14.	Latihan <i>Training for Trainers</i> (TFT) – JKSN/MSN	7 – 8 DIS 2015
15.	Latihan <i>Transfer of Technology</i> (TOT) BIL 2/2015	7 – 9 DIS 2015

## LAPORAN KETERSEDIAAN TALIAN RANGKAIAN (NETWORK) BAGI JKSN/MSN/MRS 2015

Bil	Bulan	% Capaian
1	Januari	99.8
2	Febuari	99.9
3	Mac	100
4	April	100
5	Mei	100
6	Jun	99.9
7	Julai	100
8	Ogos	100
9	September	99.9
10	Oktober	99.9
11	November	99.9
12	Disember	99.9



Berdasarkan kepada pencapaian talian rangkaian (network) bermula Januari hingga Disember 2015 didapati ketersediaan talian rangkaian (network) adalah sebanyak 99.93%.

### INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) JKSM MS ISO/IEC 27001:2013

JKSM telah berjaya mendapat persijilan Information Security Management System (ISMS) versi baru iaitu MS ISO/IEC 27001:2013 oleh pihak CyberSecurity Malaysia pada 25 November 2015. Skop pensijilan ISMS JKSM ialah pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) merangkumi pengurusan pengoperasian pusat data JKSM bagi sistem E-Syariah. Pengecualian skop pensijilan ISMS JKSM ialah:

- (i) infrastruktur sistem E-Syariah di JKSN/MSN;
- (ii) sumber data bermula di JKSN/MSN;
- (iii) infrastruktur 1Gov\*Net; dan
- (iv) semua aplikasi pengguna kecuali Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS)

AKTIVITI BAHAGIAN

**BAHAGIAN PUSAT SUMBER  
MAKLUMAT & PENERBITAN (BPSMP)**

## BAHAGIAN PUSAT SUMBER MAKLUMAT DAN PENERBITAN (BPSMP)

### a) Objektif Penubuhan Bahagian

Kedua –dua Seksyen di bawah BPSMP ini mempunyai objektif masing-masing yang telah ditetapkan seperti mana berikut:

#### i. Objektif Seksyen Pusat Sumber Maklumat

- Mewujudkan dan mengemaskini koleksi dalam bidang perundangan dan kehakiman Syariah serta mempertingkatkan fungsi Pusat Sumber selaras dengan fungsi JKSM.
- Memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalam pencarian maklumat dan mewujudkan jaringan kerjasama serta pemantapan pengurusan Pusat Sumber di JKSM/JKSN/MSN.

#### ii. Objektif Seksyen Penerbitan

- Menghasilkan bahan penerbitan yang berkualiti dan berwibawa mengenai falsafah, dasar dan wawasan jabatan ke arah pencapaian matlamat jabatan.
- Menyediakan khidmat Penerbitan kepada bahagian-bahagian lain.
- Mempertingkatkan tahap profesionalisme anggota Jabatan dan pengurusan kes syariah melalui penerbitan Jurnal Hukum dan Risalah.
- Menerbitkan bahan cetak sebagai aktiviti promosi visi dan misi serta maklumat-maklumat terkini Jabatan melalui Laporan Tahunan, Buletin dan terbitan lain.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan bagi acara rasmi Jabatan.

### b) Objektif Kualiti Bahagian


Objektif kualiti ini hanya melibatkan Seksyen Penerbitan sahaja:-

- i. Memastikan Penerbitan Jurnal Hukum JKSM diterbitkan sebanyak Empat (4) kali setahun.



- ii. Memastikan Penerbitan Buletin JKSM diterbitkan dua (2) kali setahun
- iii. Memastikan penerbitan Laporan Tahunan JKSM diterbitkan sekali setahun.
- iv. Memastikan penerbitan Arahan Amalan diterbitkan mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- v. Memastikan penyediaan bahan bercetak rasmi jabatan yang diarah dari masa ke semasa mengikut perancangan yang ditetapkan.

**CARTA ORGANISASI  
BAHAGIAN PUSAT SUMBER MAKLUMAT DAN PENERBITAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**



## Aktiviti Seksyen Pusat Sumber Maklumat 2015:

### 1) Pendokumentasian Koleksi Bahan Rujukan

Secara keseluruhannya, koleksi bahan rujukan adalah sebanyak 9,250 tajuk buku atau 26,468 buah buku meliputi:

- i. 18,235 Koleksi Terbuka
- ii. 7,312 Koleksi Rujukan
- iii. 616 Koleksi Hadiah
- iv. 111 Bahan Akta
- v. 181 Koleksi Khas
- vi. 13 Koleksi Kertas Kerja

### 2) Perkhidmatan Rujukan dan Sirkulasi

Perkhidmatan ini terbuka kepada semua warga kerja JKSM/ JKSJ/ MSN serta pelanggan luar yang ingin membuat rujukan dengan memohon kebenaran secara bersurat terlebih dahulu. Sebanyak 116 aktiviti sirkulasi dilakukan pada tahun 2015.

Jumlah pengunjung yang telah menggunakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut :

<b>BULAN</b>	<b>PINJAMAN</b>	<b>PEMULANGAN</b>
Januari	8	8
Februari	6	4
Mac	12	10
April	4	2
Mei	6	3
Jun	4	1
Julai	7	3
Ogos	11	5
September	4	1
Oktober	6	2
November	8	3
Disember	8	5
<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>	<b>47</b>


ii. Aktiviti Seksyen Penerbitan 2015

a. Mesyuarat Lembaga Penasihat Jurnal Hukum 2015

Mesyuarat	Tarikh	Tempat	Keputusan
Mesyuarat Lembaga Bil. 1 Tahun 2015	28 April 2015	JKSM	JH Jld. 40 Bhg 1 dan 2
Mesyuarat Lembaga Bil. 2 Tahun 2015	22 - 24 Okt. 2015	Hotel Avillion, Melaka	JH 41 Bhg. 1 dan 2

b. Jualan Jurnal Hukum 2015

BULAN	BIL. JH YG DIJUAL	NASKHAH HADIAH	JUMLAH KUTIPAN JUALAN (RM)
Januari	215	12	3,527.00
Februari	147	4	2,865.00
Mac	117	26	2,265.00
April	52	9	926.00
Mei	50	2	885.00
Jun	995	11	15,591.00
Julai	9	-	175.00
Ogos	18	9	350.00
September	148	5	2,564.00
Oktober	51	34	838.00
November	150	12	2,471.00
Disember	142	4	2,691.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2094</b>	<b>128</b>	<b>35,148.00</b>



AKTIVITI UNIT

**UNIT INTEGRITI  
(UI)**

## SENARAI AKTIVITI UNIT INTEGRITI, JKSM SEPANJANG TAHUN 2015.

1. Mesyuarat Penyelarasan Program Pematapan Integriti iSiri 1, Zon Utara Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis (JKSNPs) bertarikh pada 14 Januari 2015.
2. Hari Anugerah Kempen Bersih Kad Perakam Waktu & Pematuhan Waktu Bekerja bertarikh pada 16 Januari 2015.



3. Mesyuarat Unit Integriti JKSM Bil.1 Tahun 2015 bertarikh pada 19 Januari 2015.

4. Siasatan Kes Aduan Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertarikh pada 20 Januari 2015.

5. Mesyuarat Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) JKSM Bil. 1 Tahun 2015 bertarikh pada 22 Januari 2015



6. Mesyuarat Lembaga Tata tertib Kumpulan Sokongan (No. 2), JKSM bertarikh pada 06 Februari 2015.

7. Program Pemantapan Integriti Siri 1, Zon Utara Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis (JKSNPs) bertarikh pada 10 & 11 Februari 2015.



8. Mesyuarat Unit Integriti JKSM Bil.2 Tahun 2015 bertarikh pada 24 Februari 2015.
9. Mesyuarat Penyelarasan Program Pematapan Integriti Siri 2, Zon Timur Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK) bertarikh pada 25 Februari 2015.



10. Taklimat Corporate Integriti Pledge Dalam Mesyuarat Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia Kali Ke-59 Bil. 1/2015 Di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh, Melaka bertarikh pada 18 Mac 2015.



11. Pelancaran Kempen Bersih Kad Perakam Waktu Dan Pematuhan Waktu Bekerja Siri 2 Di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, JKSM bertarikh pada 20 Mac 2015.





12. Mesyuarat Unit Integriti JKSM Bil.3 Tahun 2015 bertarikh pada 20 Mac 2015.
13. Program Pemantapan Integriti Siri 2, Zon Timur Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK) bertarikh pada 24 & 25 Mac 2015.




14. Kunjungan Hormat Dan Siasatan Aduan Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) bertarikh pada 1 April 2015.



15. Mesyuarat Unit Integriti JKSM Bil.4 Tahun 2015 bertarikh pada 21 Mac 2015.
15. Mesyuarat Penyediaan Deraf Corporate Integrity Pledge JKSM/JKSN/MSN bertarikh pada 27 April 2015.

15. Program Bengkel Semakan Pelan Integriti JKSM bertarikh pada 28 & 29 April 2015.



AKTIVITI UNIT

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
(UKK)**

Wawancara bersama YAA Tan Sri Dr Ibrahim Lembut  
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Bersama wakil Media dari Utusan Malaysia bertajuk Laporan Khas Kes Penceraian Di Malaysia telah diadakan pada 29 Januari 2015 ( Khamis ) jam 3.00 petang di JKSM.



# PROGRAM JELAJAH INFORMASI JKSM DI SG.AIR TAWAR, SABAK BERNAM





KERATAN AKHBAR  
PUSAT SUMBER  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

KERATAN DARI AKHBAR: HARIAN DISAPOR BERTARIKH: 17 FEBRUARI 2015

# Kompleks Mahkamah Syariah Sabah pencetus syiar Islam: Musa

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri berharap lebih ramai rakyat Sabah akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk mengisi kekosongan di masa akan datang dan mendapat kenaikan pangkat di Jabatan Kehakiman Syariah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata kerajaan negeri berterima kasih jabatan itu memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai syariah dari Sabah, memberi mereka pengalaman dalam perkhidmatan kehakiman syariah kebangsaan.

Mahkamah Syariah Sabah mencipta sejarahnya sendiri dengan menjawab permintaan untuk melantik seorang Hakim Syarie wanita, yang pertama di Sabah dan kelima di negara ini, membuktikan kerajaan memberi peluang sama kepada wanita yang layak, katanya pada upacara pecah tanah Kompleks Mahkamah Syariah Sabah di Teluk Likas dekat sini, Jumaat.

Sementara itu, Musa menggarbarkan kompleks RM63 juta itu dijangka siap pada 2018 sebagai perintis bagi membuka laluan untuk meningkatkan penyebaran Islam di Sabah.

Pembinaan kompleks baharu itu sesuai dan relevan selain penting, katanya, menambah ia juga selaras dengan pembangunan sosial serta budaya di kawasan sekitar.

"Saya yakin, sebaik Kompleks Mahkamah Syariah beroperasi sepenuhnya, ia bukan saja akan menjadi lambang kebanggaan masyarakat Muslim terutamanya di Sabah, tetapi lebih penting lagi, ia adalah harapan masyarakat Muslim untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik dan berkualiti," katanya.

"Adalah menjadi harapan kerajaan bahawa ia akan memberi impak positif terhadap keberkesanan penyampaian dan perkhidmatannya secara keseluruhan," katanya.

Hadir sama pada acara itu adalah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Masidi Manjun serta Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad.

Hadir sama, Ketua Hakim Mahkamah-mahkamah Syariah Malaysia, Tan Sri Dr Ibrahim Lembut, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman, Setiausaha Persekutuan ke Sabah, Datuk Borhan Dullah, jemaah pembantu menteri, wakil rakyat, hakim mahkamah Syariah serta ketua jabatan.

Ibrahim juga menyampaikan kepada Musa, cek replika bagi RM980,000 untuk program dan kegiatan agama Islam di Sabah termasuk RM300,000 untuk tabung banjir Sabah.

Ibrahim yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kompleks baharu itu antara lainnya akan menempatkan sebuah Mahkamah Rayuan, dua Mahkamah Tinggi, tiga mahkamah rendah, kamar dan pejabat hakim, bilik teknologi maklumat, perpustakaan, kafeteria, surau dan tempat letak kereta.

Chris Maskilone



MUSA melancarkan majlis pecah tanah bangunan itu pada Jumaat.

AKTIVITI PERSATUAN

**PUSPANITA  
JKSM**

LAPORAN AKTIVITI PUSPANITA  
CAWANGAN KECIL JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Bilangan Ahli :  
111 orang

Ahli Jawatankuasa:

Pengerusi	:Puan Sri Halimah binti Abd.Majid
Timbalan Pengerusi 1	:Datin Faridah binti Mohamad
Timbalan Penegerusi 2	:Datin Siti Maszuriyati binti Aziz
Setiausaha	:Puan Anith Nadirah binti Abu Bakar
Penolong Setiausaha	:Puan Juhaida binti Omar
Bendahari	:Puan Zalinah binti Said
PenolongBendahari 1	:Puan Maznah binti Othman
PenolongBnedahari 2	: Puan Rohi binti Kamisan

AJK	: Puan Rosnani bin Saion
	: Puan Zuraidah binti Ayob
	: Puan Jazilah binti Mat Saad
:	Puan Zurina binti Musa
	: Puan Noorkhairezan binti Johari
	: Cik Nabilah binti Ahmad Jalaludin
	: Puan Hajjah Hamidah binti Sudar

Laporan Aktiviti

Tarikh

Aktiviti

Sepanjang tahun  
18 Julai 2015  
Ramadhan 1436 H  
11 Ogos 2015

Jualan PUSPANITA JKSM  
Program Tadarus Al-Quran sempena  
Demo teknik solekan daripada WM Kosmetik



Gambar-gambar berkaitan



### JUALAN PUSPANITA JKSM

### PROGRAM TADARUS AL-QURAN SEMPENA RAMADHAN 1436 H



## DEMO TEKNIK SOLEKAN DARIPADA WM KOSMETIK



### LAPORAN BIRO KEUSAHAWANAN PUSPANITA JABATAN PERDANA MENTERI

#### i. Agensi di bawah Biro :

1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
2. Jabatan Perangkaan
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
4. Unit Kerjasama Awam & Swasta (UKAS)

#### ii. Ahli Jawatankuasa :

Pengerusi	: Puan Sri Halimah binti Abd. Majid
Timbalan Pengerusi	: Datin Hajar binti Mad Taha
Setiausaha	: Puan Anith Nadirah binti Abu Bakar
Penolong Setiausaha	: Puan Juhaida binti Omar
Bendahari	: Puan Zalinah binti Said

#### iii. Laporan Aktiviti :

Program	: Majlis Makan Malam Ladies Night PUSPANITA JPM 2015
Tarikh	: 13 November 2015 (Jumaat)
Masa	: 8.00-10.30 malam
Tempat	: Dewan Serbaguna Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia, Putrajaya
Tetamu	: 370 orang ahli PUSPANITA di bawah Jabatan Perdana Menteri

Tema : 'Bling-Bling' Head to toes  
Perasmi : YBhg. Datin Hajjah Wan Azizon binti Ahmad  
Pengerusi PUSPANITA JPM

Persembahan : Penyanyi Nassier Wahab, tarian dan KOMBO SMK Putrajaya Presint 11(1).





# **SYARIAH ASAS KEADILAN**



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Aras 2-4, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
50676 PUTRAJAYA